



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL-USUL:		
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong <i>YB Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop</i>	(Halaman	24)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
5. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
10. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
11. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiew Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
18. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
19. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
20. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
21. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
22. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
23. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
24. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
25. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
26. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
28. “ Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
29. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
31. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
32. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
33. “ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

34. Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
35. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
36. " Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
37. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
38. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
39. " Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
40. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
41. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
42. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
43. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
44. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
45. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
46. " Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
47. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
48. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
49. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
50. " Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
52. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 24 Julai 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, adakah kementerian bercadang menapis kandungan laman sesawang dan *blog* terutamanya yang didaftarkan di negara ini agar maklumat yang disampaikan telus serta tidak menyebarkan laporan palsu dan berbentuk fitnah terutamanya yang memburuk-burukkan kerajaan dan Institusi Diraja.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Senator Datuk Chiw Tiang Chai, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader yang dijadualkan pada 24 Julai 2013. Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon dijadualkan pada 29 Julai 2013, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop yang dijadualkan pada 30 Julai 2013 dan 1 Ogos 2013, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang dijadualkan pada 31 Julai 2013 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan media sosial dan penyalahgunaan *internet*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Malaysia, kerajaan tidak mengawal aliran maklumat di *internet* kerana pendirian dan jaminan kerajaan menerusi *MSC Malaysia, Bill of Guarantees* dan peruntukan seksyen 3, subseksyen 3, Akta Komunikasi dan Multimedia ataupun akta AKM 1998 bahawa tidak ada penapisan *internet*. Walau bagaimanapun, pendirian tersebut bukanlah jaminan bahawa kebebasan mutlak diberi kepada pengguna untuk menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia iaitu salah satu agensi ataupun SKMM sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain di antaranya PDRM dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan media sosial dan penyalahgunaan *internet*. Ini adalah kerana AKM 1998 bukanlah satu-satunya undang-undang yang terpakai dalam menangani penyalahgunaan media sosial dan *internet*. Antara undang-undang lain yang terpakai adalah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Kanun Keseksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2008 hingga tahun ini 2013, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah menyekat sejumlah 6,640 laman web yang melanggar Akta Komunikasi Multimedia serta undang-undang bertulis negara yang lain yang melibatkan kesalahan seperti laman web bank palsu, pelanggaran hak cipta, kandungan lucah dan lain-lain. Setakat bulan Jun tahun ini sahaja, sebanyak 29 kes sedang dalam siasatan Suruhanjaya bagi kesalahan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia termasuklah kes-kes di mana media sosial dan *blog* digunakan untuk menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Institusi Sultan dan Raja.

Walau bagaimanapun, menyedari bahawa kandungan laman *web* dan *blog* ini tidak dapat dikawal sepenuhnya, pihak Suruhanjaya mengambil tindakan yang proaktif untuk mendidik pengguna-pengguna *internet* mengenai penggunaan *internet* secara positif serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri, *self-regulation*, dengan izin. Di samping itu, forum kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah akta komunikasi telah didaftarkan sebagai satu forum industri untuk mempromosikan kawal selia sendiri di antara penyedia kandungan dan juga pengguna.

Untuk menolong mencapai matlamat ini, satu kod kandungan telah diterbitkan sebagai panduan dalam menjelaskan piawaian kandungan yang baik dan sesuai untuk penggunaan semua rakyat. Pihak Suruhanjaya sedia bekerjasama bersama pihak Kementerian yang berkaitan untuk menyekat akses kepada mana-mana laman web yang melibatkan pengedaran mana-mana penerbitan yang dilarang seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 263, subseksyen 2, Akta Komunikasi Multimedia 1998 yang mengehendaki mana-mana pemegang lesen untuk membantu pihak Suruhanjaya atau pihak berkuasa lain dalam mencegah perlakuan atau cubaan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor, soalan tambahan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah KPI atau prosedur pelan tindakan yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam menyiasat sesuatu isu yang dilemparkan di laman-laman *blog* sebelum kertas siasatan yang lengkap diserahkan kepada pihak pendakwa.

Ini kerana saya difahamkan, pada tahun 2012 yang lalu, mantan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pernah melahirkan rasa kecewanya kerana hampir 14 Kertas Siasatan yang diserahkan kepada pihak pendakwa bagi tujuan di bawah ke muka pengadilan telah diketepikan kerana tidak lengkap, termasuk tidak mempunyai bukti yang kukuh mengakibatkan tertuduh terlepas begitu sahaja. Bagaimana pelan tindakan mengatasi masalah ini? Pohon pandangan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

■1010

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator untuk soalan tersebut. Sebenarnya sesuatu proses siasatan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia bermula dengan pertamanya, sekiranya ada pengaduan oleh pengadu kepada pihak suruhanjaya dan biasanya pihak suruhanjaya akan bekerjasama dengan pihak polis kerana kuasa untuk menyiasat sekiranya untuk masuk ke sesuatu premis kita memerlukan kerjasama pihak polis. Sekiranya kita mendapat kertas siasatan tersebut dan diselesaikan, kita akan membawa kertas siasatan tersebut kepada pihak pendakwa kerana di bawah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia tidak ada sebarang peruntukan yang membolehkan pihak suruhanjaya untuk mendakwa di mahkamah tanpa kelulusan pihak pendakwa raya.

Jadi, untuk kes-kes yang sebelum ini semua kertas siasatan yang telah disediakan akan diserahkan kepada pihak pendakwa raya, sekiranya ianya telah *complete*, dengan izin dan sempurna, terpulanglah kepada pihak pendakwa raya untuk mengambil tindakan sama ada meneruskan pendakwaan atau sebaliknya.

Ini kerana seperti yang saya nyatakan kesalahan di bawah sosial media ini ataupun *media social* di bawah *platform* media sosial tidak semestinya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Ia juga boleh dibawa di bawah Akta Hasutan, Akta Fitnah, Akta Kanun Keseksaan dan sebagainya.

Dalam kes yang baru-baru ini pihak suruhanjaya yang menyiasat dan mengemukakan kepada pihak pendakwa raya. Jadi terpulanglah kepada pihak pendakwa raya bagaimana dan akta mana yang perlu ditentukan. Untuk pihak suruhanjaya juga, pihak suruhanjaya telah mengambil langkah-langkah tambahan di mana ingin menambahkan bilangan kakitangan pegawai penyiasat bagi mempercepatkan sesuatu tindakan siasatan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Soalan tambahan yang kedua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang berikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan. Pertama tentang masalah memantau penyalahgunaan itu, adakah ini diserahkan kepada pihak-pihak lain sahaja atau tidakkah pihak kementerian sendiri mengambil langkah yang proaktif dalam memantau penyalahgunaan sosial media itu? Itu satu. Kemudian yang kedua yang saya rasa lebih spesifik ialah dalam 29 kes yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada atau tidak ditetapkan satu *deadline*? So, bila 29 kes ini mesti diselesaikan. Kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah kalau sekiranya kita ada kes, kemudian kita biarkan berlarut larutan tanpa menetapkan satu tarikh *deadlinenya*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator untuk dua soalan tersebut. Pertamanya dari segi pemantauan penyalahgunaan *internet*. Untuk makluman Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, pengguna *internet* di negara kita ini telah melebihi 19.5 juta orang. Ini berdasarkan kepada ITU. Untuk *Facebook* sahaja, kita ada lebih kurang dalam 13.2 juta. Pengguna di *Twitter* pula berjumlah 2 juta orang setakat tahun 2012. Jadi dari segi pemantauan, pelbagai program telah..., walaupun kita ada akta yang sedia ada yang telah saya maklumkan tadi, tetapi kementerian berpendapatan pendekatan secara pendidikan adalah lebih berkesan.

Misalannya pihak kementerian bersama pihak suruhanjaya telah melancarkan Program Klik Dengan Bijak pada tahun 2012 yang memainkan peranan untuk mendidik pengguna, pengguna *internet* di Malaysia untuk menggunakan media baru ini dengan lebih selamat, positif dan bertanggungjawab. Program ini ada juga disokong oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, PDRM dan sebagainya.

Untuk soalan yang kedua mengenai tarikh setiap siasatan. Sebenarnya, tarikh siasatan tidak pernah ditetapkan di bawah akta ataupun mana-mana akta. Ia bergantung kepada *complete*, dengan izin, atau sepenuhnya Tuan Yang di-Pertua. Maknanya sekiranya kertas siasatan tersebut telah disempurnakan dan dimajukan kepada pihak pendakwa raya dan sekiranya pihak pendakwa raya merasakan kertas tersebut adalah sempurna, ianya boleh diteruskan untuk pendakwaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

2. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Pendidikan menyatakan, ramai pelajar kita kurang berpengetahuan malah tidak menghargai sejarah negara sendiri sehingga ada yang sanggup terlibat dalam pelbagai kejadian negatif kebelakangan ini yang nyata bertentangan dgn sejarah negara, amat membimbangkan. Apakah pendekatan pihak kementerian dalam hal ini demi kedaulatan negara tercinta.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah. Kurikulum sejarah yang dilaksanakan pada masa ini memberi penekanan kepada disiplin ilmu sejarah. Penerapan nilai murid dan pemupukan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.

Langkah ini merupakan dasar dan usaha kerajaan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman sejarah tanah air. Kurangnya pengetahuan dan penghayatan sejarah negara serta sikap yang sering menyalah tafsir fakta sejarah negara menyebabkan kerajaan merasakan sudah tiba masanya untuk mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai wajib lulus peringkat SPM mulai tahun ini, 2013.

Keprihatinan ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah yang wajar dengan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran khusus diajar pada tahap dua, sekolah rendah mulai tahun 2014. Tahap dua di sini bermakna Darjah 4, 5 dan 6.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua, mata pelajaran Sejarah akan diajar bukan sahaja dalam bentuk teori, tetapi akan diajar dalam bentuk praktikal seperti membuat kerja-kerja projek khusus, supaya murid-murid bukan sahaja memahami nilai sejarah tetapi dapat menyelami dan mengambil denyutan nadi pemimpin-pemimpin kita, fakta-fakta sejarah yang benar yang telah diamalkan sebelum ini, supaya mereka benar-benar memahami hala tuju negara berdasarkan kepada sejarah sebelum ini. Atas dasar inilah sahaja rakyat Malaysia akan memberi penekanan dan berusaha menguasai serta menghayati pengetahuan tentang sejarah negara yang sebenar.

Selain itu, ianya merupakan juga usaha untuk mempertingkatkan semangat jati diri dan cinta akan negara dalam kalangan murid di samping mempunyai kesedaran yang tinggi tentang nilai menjadi warganegara Malaysia yang bertanggungjawab dan bermatlamat. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara, murid dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan sebagai rangka kesedaran kebangsaan, memperkukuhkan perasaan cinta akan negara seterusnya menjunjung kedaulatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, soalan tambahan yang pertama Puan Hajah Dayang Madinah.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang terperinci tadi. Syukur *alhamdulillah* sekurang-kurangnya kita bersyukur atas tindakan yang diambil oleh pihak kementerian mewajibkan mata pelajaran Sejarah. Saya ingin hendak tahu sama ada, ada kaedah lain untuk memperincikan mata pelajaran Sejarah ini khususnya mengenai sejarah tanah air kita. Maksud saya, selain daripada teori tadi, kita hendak kalau boleh pameran mengenai peristiwa sejarah yang berlaku dari mula kita mencapai kemerdekaan, supaya bukan sahaja teori kita hendak apa yang berlaku itu diberikan gambaran yang jelas untuk pengetahuan murid-murid. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Kementerian sentiasa melihat cara-cara untuk menambahbaikkan bagaimana kita dapat mengukuhkan lagi mata pelajaran Sejarah untuk murid-murid di sekolah. Ini akan menjadi tanggungjawab penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita tidak akan melepaskannya begitu sahaja. Malah, kita sentiasa melakukan proses penambahbaikan dan ini akan dilakukan setiap masa, tertakluk kepada keperluan pada masa itu. Cadangan tentang pameran-pameran itu memang dilakukan dari semasa ke semasa khasnya apabila kita sampai dalam bulan kemerdekaan yang akan kita sambut tidak lama lagi.

■1020

Dalam masa bulan kemerdekaan, bukan sahaja kementerian tetapi banyak syarikat-syarikat swasta dan juga akhbar-akhbar cetak akan mewujudkan keadaan dan situasi supaya rakyat dapat memahami fakta sejarah negara. Kita akan beri sokongan dan juga cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator mungkin kita dapat laksanakan dalam lebih terpencil supaya semua sekolah-sekolah di negara ini 10,091 sekolah akan dapat menilai dan memahami dan menghayati sejarah negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Pertanyaan tambahan saya ialah mengenai dengan *syllabus* ataupun sukatan pelajaran Sejarah.

Oleh kerana seperti yang kita sedia maklum sejarah, faktanya selalu tidak memenuhi ataupun tidak sepakat di kalangan ahli-ahli sejarah kita dalam negara. Seperti mana baru-baru ini ada pertikaian sejarah pembukaan Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah kerajaan hendak mengatasi supaya *syllabus* sejarah ini benar-benar diterima oleh para ahli sejarah ini?

Keduanya, boleh dikatakan pelajar-pelajar kita, bahkan pendidik juga barangkali tidak mempunyai pengetahuan tentang sejarah yang berkaitan dengan perlembagaan negara kita. Kurangnya pengetahuan ini menyebabkan tindakan diambil bertentangan dengan naluri penubuhan Malaysia yang sebenarnya.

Pertanyaan saya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk memasukkan Perlembagaan Persekutuan ini dalam *syllabus* sejarah yang dicadangkan untuk dikuatkuasakan? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan ada memasukkan konsep-konsep maklumat tentang perlembagaan ini bukan dalam tahap dua atau tahap satu kerana di sekolah rendah mungkin belum sampai masa untuk mereka memahami fakta-fakta mengenai perlembagaan. Akan tetapi kita memberi maklumat-maklumat ataupun pengetahuan tentang perlembagaan ini kepada peringkat awal, daripada sekolah menengah, daripada mata pelajaran moral dan sebagainya. Akan tetapi apabila pelajar itu pergi ke universiti, lebih banyak lagi pendedahan yang akan diterima oleh pelajar-pelajar di universiti atas aspek perlembagaan.

Pada masa yang sama atas soalan sama ada *syllabus* diterima oleh murid-murid daripada rujukan daripada ahli-ahli panel. Untuk makluman Yang Berhormat Senator apabila fakta buku sejarah ini diwujudkan kita ada satu jawatankuasa. Jawatankuasa ini merupakan wakil-wakil daripada mereka yang memahami sejarah dan mereka bertanggungjawab untuk mewujudkan *syllabus* dan supaya ia dapat diterima dan bukan sewenang-wenangnya dibuat. Ada jawatankuasa khas untuk memastikan fakta-fakta yang ada dalam buku ini memang fakta-fakta sejarah. Ini akan diterima oleh murid-murid dalam masa yang terdekat ini.

Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Kita juga akan memastikan bahawa kita tidak akan memberi maklumat yang tidak benar. Jawatankuasa ini yang mana terdiri daripada pakar-pakar sejarah akan memastikan hanya fakta-fakta yang benar dan sahih sahaja akan dimasukkan dalam buku sejarah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Yang Berhormat semua, tentukan semua *handphone on silent mode*. Jangan sesekali mengganggu perjalanan Dewan. Ambil maklum.

Seterusnya soalan tambahan yang kedua. Ada sesiapa hendak tanya?... Tidak ada.

3. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, statistik kemalangan pembinaan sejak 2011 terutamanya kemalangan di tapak pembinaan projek seperti projek jalan raya, jambatan dan pembinaan bangunan. Antaranya, apakah angka mangsa meninggal dunia dan ditimpa kecederaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap insiden-insiden, kemalangan pekerja yang berada di negara kita.

Sebenarnya, kemalangan dan kematian yang melibatkan pekerja di negara kita adalah satu kerugian kepada negara. Begitu juga kerugian kepada majikan, kerugian kepada masyarakat. Selaku wakil kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia saya berharap supaya majikan dan pekerja mestilah mengutamakan keselamatan mereka ketika menjalankan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bertanggungjawab untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja termasuk di tapak pembinaan. Mengikut statistik yang di kumpul oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, berhubung dengan kemalangan di tapak pembinaan jumlah kemalangan yang dilaporkan adalah sebanyak 15,419 di mana 14,946 cedera dan 473 kemalangan maut. Maklumat lengkap saya bacakan sedikit seperti berikut:

- (i) tahun 2009 sejumlah 3,492 kemalangan. Seramai 3,373 cedera dan 119 meninggal dunia;
- (ii) tahun 2010 sejumlah 3,400 kemalangan. Seramai 3,285 cedera dan 115 meninggal dunia;
- (iii) tahun 2011 sejumlah 3,728 kemalangan. Seramai 3,579 cedera dan 149 meninggal dunia;
- (iv) tahun 2012 sejumlah 3,939 kemalangan, 3,866 cedera dan 73 kematian; dan
- (v) sehingga Mac tahun 2013, 860 kemalangan, 843 cedera dan maut 17.

Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah kemalangan di tempat kerja di semua sektor termasuk sektor pembinaan bagi tempoh dua tahun iaitu tahun 2012 hingga Mac 2013 adalah sebanyak 49,883 kemalangan. Dari jumlah tersebut kemalangan maut bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 664 kemalangan. Maklumat lengkap adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua maklumatnya agak panjang dan antara 49,883 kemalangan yang saya sebutkan dalam tempoh dua tahun itu sektor-sektor yang terlibat dengan kemalangan ini ialah pertanian, perhutanan dan perikanan, perlombongan dan sektor kuari. Pembuatan, pengilangan, kemudahan, elektrik, gas, air, dan kebersihan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, kewangan, insurans, hartanah, perniagaan dan juga perkhidmatan kepada orang awam.

Jadi semuanya ialah 49,883. Saya boleh bacakan *detailnya* Tuan Yang di-Pertua tetapi agak panjang sedikit. Kalau kita lihat jumlah kematian, kemalangan maut bagi tempoh tersebut ialah 582 bagi tahun 2012 dan 82 bagi tahun 2013. Sektor tertinggi kemalangan ialah pembuatan dan pengilangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat soalan tambahan pertama Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri kerana telah memberi jawapan dan statistik yang begitu *detail* sekali. Saya merasa begitu sedih kerana kemalangan ini yang dilaporkan tadi begitu banyak, lebih kurang purata sepuluh sehari. Semua ini dapat dielakkan atau dikurangkan jika kontraktor atau pemaju mempraktikkan satu sistem keselamatan yang sesuai dari segi pekerja, peralatan dan struktur.

Bagaimanakah kementerian bercadang memantau projek-projek binaan dari segi keselamatan pekerja memandangkan terdapat banyak projek-projek infrastruktur yang besar, yang sedang dilaksanakan. Kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam pekerjaan ini, sama ada warganegara Malaysia atau pekerja asing. Apakah skim bantuan atau perubatan yang sedia ada? Apa akan terjadi kepada keluarga yang pekerja meninggal?

Adakah Kementerian mewajibkan kontraktor-kontraktor ini membeli insurans *workman compensation*, dengan izin? Terima kasih.

■1030

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator.

Sebenarnya kita melihat banyak punca kemalangan berlaku di tempat kerja ini. Biarlah Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sedikit kerana ini penting. Maknanya kalau kita ada lebih kurang 12.8 juta tenaga kerja di negara kita, kalau setiap hari kemalangan berlaku kepada mereka sudah tentulah kita akan kehilangan tenaga kerja yang cukup ramai.

Antaranya ialah sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang tidak berkesan seperti mana Yang Berhormat Senator sebutkan tadi. Tiada penilaian terhadap *hazard* dan risiko secara menyeluruh. Latihan yang tidak mencukupi kepada pekerja terutama pekerja asing, kurang pemantauan terhadap pelaksanaan prosedur kerja selamat oleh kontraktor, kurangnya kawalan dan pemantauan ke atas sub kontraktor bagi aktiviti yang mempunyai risiko yang tinggi. Sikap sesetengah pekerja yang kadang-kadang melihat aspek keselamatan ini agak remeh kepada mereka menyebabkan mereka terlibat dengan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang langkah yang kita buat sebenarnya pihak Kementerian telah menjalankan pelbagai tindakan bagi kita memastikan supaya kemalangan termasuklah maut ini tidak berlaku kepada pekerja di negara kita. Umpamanya Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui JKKP telah mengambil langkah proaktif untuk kaji dan modenkan perundangan berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja ini. Kita bercadang untuk menyemak semula kadar penalti yang dikenakan setakat ini.

Hari ini kalau kesalahan dilakukan oleh kontraktor menyebabkan kemalangan kepada pekerja mereka, penalti yang dikenakan ialah sebanyak RM50,000 dan penjara tidak lebih daripada dua tahun. Kita hendak lihat balik supaya majikan memberikan perhatian. Penguatkuasaan audit pemantauan Akta-akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini yang disebutkan oleh Senator tadi. Di mana jikalau saya sebutkan di sini bagi tahun 2010, kita telah membuat audit dan pemantauan kepada syarikat-syarikat termasuklah pembinaan projek-projek ini sebanyak 650.

Tahun 2011, kita telah lakukan pemantauan sebanyak 595 dan tahun 2013 kita telah lakukan sebanyak 1,456. Inilah antara langkah-langkah dan banyak lagi langkah-langkah yang kita lakukan untuk kita memastikan supaya kemalangan kepada pekerja-pekerja termasuklah kemalangan maut ini tidak berlaku. Dari segi bayaran dan pampasan yang diberikan oleh kerajaan terutama di bawah PERKESO ini memang banyak mungkin Yang Berhormat Senator, mungkin saya boleh berikan melalui bertulis agaknya kerana luas sangat bidang yang diberikan oleh kerajaan melalui PERKESO kepada mangsa-mangsa kemalangan keselamatan di dalam pekerjaan ini.

Cuma saya hendak berikan sedikit statistik secara kasar kepada Dewan yang mulia ini. Bagi tahun 2013 sehingga Mei 2013, kita di bawah PERKESO telah menyenaraikan jumlah penerima faedah PERKESO ini ialah sebanyak 348,069 orang dengan jumlah bayaran yang dikeluarkan oleh PERKESO ialah sebanyak RM856,958,267. Ini suatu perbelanjaan yang cukup besar. Andai kata semua pihak termasuk majikan, kerajaan dan juga pekerja dapat memberikan keutamaan kepada keselamatan ini, saya kira sudah tentulah kita dapat menjimatkan wang yang cukup besar untuk kepentingan dalam pembangunan di dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah.

Datuk Hajah Noriah Binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, berapakah jumlah jabatan kerajaan yang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di seluruh negara.

Sejauh manakah komitmen dan tindakan yang diambil bagi memastikan semua jabatan kerajaan mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di jabatan masing-masing dan bagi yang mempunyai proses kerja yang berisiko tinggi mempunyai pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan? Ini adalah kerana banyak jabatan kerajaan tidak mematuhi arahan dan akta yang telah dikeluarkan. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang cukup baik. Di antara langkah yang boleh saya tambah di samping yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator ialah kita bercadang untuk meminta Jabatan Pengangkutan Awam supaya kalau boleh mengadakan jawatan tetap kepada pegawai keselamatan di jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Berbalik kepada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator, sebenarnya kalau kita lihat dalam kementerian ini kita ada sebanyak 24 kementerian, 250 jabatan.

Setakat ini hanya sebelas kementerian yang telah mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Maknanya 46 peratus, saya ingat ini perlu kita berikan perhatian oleh kerajaan. Manakala jabatan daripada 250 jabatan, 167 jabatan telah mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebanyak 67 peratus. Jadi Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, kementerian ialah 24 yang telah melaksanakan dan sebelas juga melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Begitu jugalah di peringkat jabatan iaitu 167 daripada 250 jabatan. Saya ingat ini satu perhatian yang perlu kita berikan supaya seluruh rakyat di negara kita memberikan perhatian kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Terima kasih.

4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah lesen/permit yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat penyumber luaran (*out-source companies*) hingga akhir bulan Jun, 2013. Di bawah peruntukan mana dalam undang-undang yang membolehkan kementerian mengeluarkan lesen-lesen tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Syed dan terima kasih di atas soalan yang sangat relevan ini. Pertama saya ingin menekankan bahawa syarikat yang boleh membekalkan *outsourcing* untuk membekalkan pekerja ini bukan mendapat lesen atau permit. Dia hanya mendapat pengesahan sahaja daripada Kementerian Dalam Negeri. Jumlah syarikat yang berkenaan ialah 279.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa pelantikan syarikat yang dibolehkan untuk membekalkan pekerja ini bukanlah didaftar di bawah undang-undang tetapi di bawah bidang kuasa pelantikan keputusan Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing dan pendatang tanpa izin JKKPA-PATI kali ke-33, Bil.2 (2005) pada 5 Julai 2005. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih di atas jawapan. Keprihatinan kami adalah berhubung dengan isu yang dihadapi oleh pekerja-pekerja migran atau pekerja asing yang disebut ini. Apabila berlaku masalah yang akan mengendalikan hal mereka adalah Kementerian Sumber Manusia yang memberi pengesahan seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah Kementerian Dalam Negeri dan ianya tidak di bawah undang-undang. Soalan saya ialah adakan Jawatankuasa Kabinet ini mengatasi undang-undang yang ada?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama saya ingin menegaskan bahawa negara Malaysia ditadbir menerusi keputusan Kabinet dan tidak ada semua perhubungan di antara satu entiti dengan pekerjaan itu bergariskan ataupun ditumpukan kepada perhubungan ada undang-undang yang tertentu sebenarnya. Jadi dalam keadaan sedemikian, tindakan kerajaan pada ketika itu ialah untuk menangani masalah pekerja-pekerja asing iaitu khususnya untuk memantau dan mengawal proses pengambilan pekerja asing supaya mengelak daripada penyelewengan oleh syarikat-syarikat *outsourcing* yang berdaftar dengan kementerian.

■1040

Jadi, dalam keadaan sedemikian bahawa tindakan kerajaan itu amat tepat pada ketikanya. Namun demikian, didapati bahawa Tuan Yang di-Pertua, selepas itu kita dapati bahawa pekerja yang dilantik di bawah *outsourcing company* ini telah meletakkan *outsourcing company* ini sebagai *employer*, majikan kepada pekerja ini. Jadi, apabila berlaku penyelewengan oleh pihak pekerja, oleh majikan yang sebenar yang mengambil mereka ini sebagai pekerja, dua-dua syarikat, majikan yang mengambil mereka sebagai pekerja dan *outsourcing company*, dua-dua telah melepaskan tangan mengatakan tidak bertanggungjawab ke atas perkara itu.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, maka berlakulah masalah pada ketika itu. Masalah gaji tidak dibayar ataupun gaji yang tidak ketentuan bayarannya, berlakulah kemudahan-kemudahan yang tidak diberi oleh pihak syarikat-syarikat yang menggaji mereka ini. Jadi, dalam keadaan sedemikian Jawatankuasa Kabinet memutuskan lagi sekali pada 20 Mei 2010 supaya *outsourcing company* ini tidak lagi sebagai majikan kepada pekerja-pekerja yang dilantik selepas keputusan ini dibuat. Akan tetapi juga *outsourcing company* ini didaftar di bawah Akta Agensi Pekerja Swasta 1981 (AAPS 1981).

Dengan keadaan sedemikian, pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Kementerian Sumber Manusia pada masa sekarang bekerjasama untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi sebelum keputusan itu dibuat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5. **Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai mekanisme tertentu melalui Jabatan Tenaga Rakyat untuk membantu rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara yang tertindas atau tertipu oleh syarikat asing yang mengupah mereka; dan
- (b) berapakah jumlah kes yang dapat diselesaikan dan apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat terbabit.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Pau Chiong Ung di atas soalan kepada Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, mekanisme yang diguna pakai oleh Kementerian Sumber Manusia bagi membantu rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara yang tertindas atau yang tertipu oleh syarikat asing yang mengupah mereka dikesan melalui laporan ataupun aduan yang didaftarkan di pejabat-pejabat kedutaan kita di luar negara.

Aduan ini kemudiannya akan diurus oleh Atase Buruh yang bertugas di pejabat kedutaan. Jika tidak ada atase buruh, aduan ini akan dikendalikan oleh pejabat kedutaan sendiri. Sehingga hari ini, terdapat empat Atase Buruh dilantik dan ditempatkan di pejabat-pejabat kedutaan bagi tujuan membantu penyelesaian kes-kes perburuhan yang melibatkan pekerja negara ini. Empat Atase Buruh berkenaan adalah Atase Buruh Geneva, Atase Buruh Singapura, Atase Buruh Jakarta dan Atase Buruh Chennai, India. Atase Buruh kemudiannya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan seperti Jabatan Buruh, Kementerian Dalam Negeri, polis, Imigresen dan lain-lain bagi menangani aduan-aduan yang diterima.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, berhubung dengan pertanyaan kedua, kes-kes aduan ini boleh dianggap selesai apabila kes-kes berkenaan diserahkan kepada pihak berkuasa negara terbabit untuk diambil tindakan mengikut undang-undang negara berkenaan. Sebagai contoh, kes tinggal lebih masa di negara Singapura di mana pekerja berkenaan akan diserahkan kepada pihak Imigresen negara itu untuk dihantar pulang.

Dalam rekod kita Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang dibuat oleh *World Bank* pada tahun 2011, kita memiliki seramai kurang lebih satu juta orang pekerja negara kita di luar negara. Jumlah 3 peratus daripada mereka ini ialah pekerja pakar.

Mengikut data, Atase Buruh di Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura sejak tahun 2008 hingga Jun 2013, seramai 3,912 pekerja Malaysia yang datang untuk mendapatkan pertolongan.

Jenis masalah yang dihadapi oleh pekerja Malaysia di Singapura adalah seperti berikut. 3,912 ini ialah pesalah-pesalah yang melibatkan pasport sahaja. Tidak meliputi pesalah-pesalah yang melibatkan jenayah, dadah dan sebagainya yang melibatkan Kementerian lain termasuk Kementerian Luar Negeri, *Interpol* dan lain-lain. Antara masalah yang saya sebutkan di Singapura itu ialah masalah pasport ditahan oleh agen, pasport ditahan oleh Kementerian Buruh Singapura kerana pekerja terlibat dalam pekerjaan haram, tinggal lebih masa, pasport hilang dan terlibat dengan kes jenayah.

Mengikut rekod kementerian, belum ada syarikat agensi pekerjaan Malaysia yang didakwa kerana mengeksploitasi pekerja Malaysia di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Datuk Pau Chiong Ung.

Datuk Pau Chiong Ung: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberi sebentar tadi. Soalan tambahan saya ialah memandangkan banyak syarikat-syarikat tempatan terpaksa mengupah pekerja asing untuk memenuhi jawatan kosong, apakah faktor-faktor yang mendorong ramai rakyat negara kita memilih untuk bekerja di luar negara dan apakah harapan kerajaan terhadap mereka? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Di negara kita ini pekerja asing hampir tiga juta orang. Saya kira negara kita ialah sebuah negara yang cukup bertuah. Kenapa orang asing boleh datang ke negara kita kalau negara kita tidak mempunyai 1,001 macam kekayaan dan mereka membawa balik wang negara kita ke negara mereka?

Sebaliknya, kenapa hampir satu juta orang pekerja negara kita berada di luar negara dan 3 peratus daripadanya ialah terdiri daripada pakar-pakar yang perlu kita kembalikan semula ke negara kita. Ini sudah tentulah ada faktor pendorong, faktor penarik dan faktor penolakannya. Di antara faktor penariknya yang boleh saya sebutkan ialah mungkin sebahagian daripada pekerja ini tempat di mana mereka mendapat pendidikan di situ dan semasa mereka belajar, mereka bekerja sambil. Ini telah mendorong mereka untuk bekerja di sana. Keduanya, untuk mencari pengalaman. Ketiganya, faktor upah yang lebih baik. Saya difahamkan kalau kita tinjau secara ini mungkin upah di negara lain mungkin dua-tiga kali ganda lebih baik daripada negara kita.

Kemudian, kekurangan peluang kemajuan kerjaya. Maknanya, untuk mereka mempertingkatkan kehidupan mereka. Kemudian, mungkin juga antaranya ialah mengikut keluarga dan sebahagian daripada pekerja kita berkahwin dengan masyarakat daripada luar negara, negara berkenaan. Satu yang agak kita perlu berikan perhatian ialah antaranya sebahagian pekerja kita ini terpengaruh dengan iklan-iklan yang tidak baik, yang menipu mereka. Tawaran-tawaran yang bunyinya baik tetapi akhirnya mereka terperangkap, bekerja di luar negara dan diperdaya, dieksploitasi oleh syarikat-syarikat ini.

Jadi, tentang harapan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, sudah tentulah sebagai warganegara, saya sebagai wakil kementerian meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada pekerja-pekerja kita. Oleh sebab itulah, antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan ialah melalui TalentCorp ini. Bagaimana kita boleh mengembalikan sebegitu ramai pekerja-pekerja pakar kita di luar negara untuk berkhidmat di negara kita.

Antara faktor lain yang sudah tentulah pada saya, kita perlu menanamkan semangat jati diri dan cinta negara kepada mereka. Supaya kalau mereka telah mendapat perbelanjaan daripada negara untuk belajar di luar negara, mendapat kepakaran, kenapa salahnya kembali ke negara sendiri untuk berkhidmat untuk masa depan bangsa, negara dan juga tanah air.

Yang ketiga ialah, kita boleh mengatasi masalah pekerja asing. Saya sudah sebutkan tadi. Kita ramai pekerja asing, jadi sudah tentulah dua, tiga juta orang pekerja asing ini boleh kita atasi kalau kita kembalikan paling tidak pekerja-pekerja kita yang berada di luar negara.

■1050

Yang keempat mungkin kita dapat mengelakkan pengaliran wang negara kita keluar berbilion-bilion ringgit wang negara kita keluar ke negara lain akibat ramainya pekerja asing di negara kita dan mereka pulang ke negara mereka masing-masing. Itulah antara perkara-perkara yang boleh menyebabkan penarikan pada pekerja kita keluar negara dan juga harapan kita supaya kita dapat kembalikan pekerja-pekerja pakar dan pekerja-pekerja negara kita kepada negara kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Yang Berhormat, saya cuma hendak tanya bahawa terdapat dua hingga tiga *million* pekerja asing di negara kita. Jadi sebab yang manakah orang kita, warganegara Malaysia bekerja di luar negara. Dalam jawapan tadi kebanyakan ada masalah tentang pasport. Bukankah kita ada *embassy* di mana-mana negara, kenapa masalah pasport ditimbulkan? Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah pasport pekerja kita ataupun orang kita untuk ke luar negara. Akan tetapi masalah pekerja kita yang bekerja di luar. Masalah yang berlaku kepada mereka tentang pasport ini, terutamanya di Singapura. Jadi bila aduan ini tentang masalah pasport, apa yang saya sebut tadi ialah pasport diuruskan oleh ejen, ini antara pekerja dengan ejen. Mungkin ada perkara-perkara yang menyebabkan ejen menahan pasport mereka ataupun ada benda-benda yang mungkin kita tidak dapat kesan.

Keduanya mengenai pasport yang ditahan oleh Kementerian Buruh Singapura kerana pekerja terlibat dalam pekerjaan haram. Kalau kita pun sendiri, kalau orang pekerja haram ada juga pekerja-pekerja asing, pekerja tanpa izin di negara kita dan sudah tentu sama sahaja. Saya kira undang-undang buruh dunia ini dia ada ILO, Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang membincangkan perkara-perkara ini. Kalau mereka melanggar peraturan sebuah negara sudah tentulah negara itu akan mengambil tindakan kepada mereka. Tinggal lebih masa. Ini lazim berlaku begitu juga di negara kita. Pasport hilang dan terlibat dengan kes jenayah sudah tentulah pasport mereka akan ditahan.

Jadi boleh ya Yang Berhormat Senator? Itu antara kenapa dan masalah-masalah ini mereka rujuk kepada kedutaan kita ataupun atase buruh yang berada di negara di mana mereka bekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Chiew Lian Keng minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, usaha dan memberi satu senarai projek USP iaitu *Universal Service Provider* serta setakat mana usaha ini telah merapatkan jurang komunikasi di antara bandar dan luar bandar, dan apakah jumlah tabung tersebut setakat ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon menjawab persoalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang dijadualkan pada hari ini 24 Julai 2013, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin yang dijadualkan pada 30 Julai dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad yang dijadualkan pada 1 Ogos kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan perkhidmatan komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau pun SKMM telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mengurangkan jurang digital antara penduduk luar bandar dan bandar bagi meningkatkan penggunaan *internet*.

Ini dilakukan melalui pelbagai projek di bawah program pemberian perkhidmatan sejagat atau pun *universal service provider* (USP) dengan izin. Projek-projek USP ini merangkumi penyediaan perkhidmatan talian telefon tetap, perkhidmatan jalur lebar komuniti dan perluasan liputan telefon selular awam di bawah pelan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan ataupun *National Broadband Initiative*, dengan izin. Di antara program USP di bawah inisiatif tersebut adalah:

- (i) pembinaan menara telekomunikasi;
- (ii) pusat *internet* 1Malaysia;
- (iii) pusat jalur lebar komuniti kecil;
- (iv) perpustakaan jalur lebar;
- (v) kampung tanpa wayar 1Malaysia; dan
- (vi) komputer 1Malaysia.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk projek USP tersebut yang bermula semenjak 2003 sehingga kini ialah RM3.5 bilion dan baki perbelanjaan yang telah dikomited untuk projek yang sedang berjalan ialah RM2.1 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk negeri Sarawak bagi penyediaan menara telekomunikasi ia telah dibina sebanyak 176 khusus untuk negeri Sarawak, sejumlah 27 masih dalam pelaksanaan. Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut kadar liputan selular bagi kawasan berpenduduk telah berjaya dipertingkatkan dari 82 peratus pada tahun 2008 kepada 96.89 peratus setakat suku pertama tahun ini. Manakala kadar penebusan jalur lebar negara telah bertambah daripada 25 peratus pada tahun 2006 kepada 66.6 peratus setakat suku pertama tahun 2013.

Selain daripada itu pihak kerajaan telah menyumbang jumlah RM2.4 bilion dan pihak Telekom Malaysia juga akan melabur sejumlah RM8.9 bilion untuk projek perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi atau *high speed broadband*, dengan izin, yang dilaksanakan oleh pihak Telekom di bawah inisiatif pelaksanaan MBI. Ianya adalah untuk menyediakan infrastruktur rangkaian hujung ke hujung, *end-to-end*, dengan izin, merangkumi rangkaian akses (*last mile*), rangkaian teras (*core*) dengan izin, dan rangkaian antarabangsa serta penyediaan platform kandungan.

Pada masa ini projek *high speed broadband* menyediakan perkhidmatan internet dengan kelajuan melebihi 10mbps di kawasan ekonomi berimpak tinggi yang dimulakan dengan Lembah Klang, Iskandar Malaysia dan juga perindustrian utama termasuk koridor-koridor pembangunan yang diumumkan di seluruh negara. Berdasarkan perancangan awal perkhidmatan *high speed broadband* dijangka akan diperluaskan kepada negeri Perlis pada tahun 2014.

Pada masa ini harga perkhidmatan jalur lebar tidak ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan persaingan dalam pasaran. Namun begitu, dalam penetapan kadar harga, setiap pembekal perkhidmatan perlu mematuhi setiap peraturan dan prinsip serta harga pasaran yang ditawarkan sebagai mana yang digariskan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Untuk makluman pelanggan hanya perlu membayar RM38 sahaja untuk mengakses *internet* bagi kelajuan 384kbps untuk pakej mampu milik, di mana ia lebih murah berbanding dengan negara-negara ASEAN.

Berhubung isu gencatan panggilan ataupun *drop call*, dengan izin. Pemberian rebat adalah salah satu cadangan yang diutarakan sebagai salah satu bentuk pampasan kepada pengguna. Ia dicadangkan berdasarkan hakikat bahawa *drop call*, dengan izin, boleh berlaku disebabkan sifat intrinsik dan kekangan teknologi mudah alih itu sendiri. Realitinya ia tetap berlaku walaupun di negara-negara maju. Forum Pengguna Malaysia yang ditubuhkan di bawah AKM 1998, masih membuat kajian mengenai pemberian rebat dalam pengkajian semula kod pengguna awam atau pun *general customer code*, dengan izin.

Selain daripada itu pihak kementerian memandang serius aduan-aduan berkaitan iklan SMS yang dihantar kepada pengguna telefon selular terutamanya iklan SMS yang dihantar melalui kod seperti 6xxx, 3xxx, 2xxx.

Dalam menangani isu iklan SMS ini, SKMM telah menguatkuasakan standard mandatori bagi perkhidmatan kandungan mudah alih dan mengeluarkan arahan kepada pihak pemberi perkhidmatan selular dan juga penyedia kandungan berkenaan dengan pergantungan penggunaan kod ringkas bagi iklan dan promosi pada 9 November 2012 yang lalu. Hasil daripada inisiatif yang telah diambil, pihak suruhanjaya mendapati terdapat penurunan dari segi aduan yang diterima berkaitan dengan iklan SMS yang mengelirukan iaitu sebanyak 88.2 peratus, di mana 102 aduan pada pertengahan tahun 2012 berbanding hanya 12 aduan bagi pertengahan pertama 2013. Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan Chiew Lian Keng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri yang memberi jawapan. Soalan saya, pengurangan jurang digital adalah amat penting untuk memastikan rakyat di negara kita dapat berkembang maju dari segi ilmu pengetahuan dan maklumat terkini dan setanding dengan negara lain. Soalan saya apakah komitmen kementerian untuk memastikan bahawa perkhidmatan *internet* dapat disalurkan ke setiap kampung di negara kita dan apakah tindakan kementerian terhadap telco di mana perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan.

Walaupun *drop call* kita menghadapi masalah, kita juga menghadapi masalah menerima mesej yang lambat di mana penghantaran mesej diberikan pada hari ini mungkin kita terima pada esoknya ataupun lusa. Ini mengakibatkan kita dapat banyak komplain daripada rakyat ataupun orang awam di mana mereka memerlukan perkhidmatan daripada kami. Saya pun menghadapi masalah ini sekian lama tetapi sehingga kini masih lagi tidak boleh diatasi. Sekian, terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya maklumkan, pihak kerajaan melalui suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai program untuk melaksanakan ataupun menyediakan perkhidmatan *internet* di kawasan luar bandar. Di antara program yang telah saya maklumkan tadi iaitu berkaitan dengan Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti, Pusat Jalur Lebar Komuniti dan juga Kampung Tanpa Wayar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setakat ini pihak kerajaan telah menyediakan sejumlah 4,210 Kampung Tanpa Wayar yang telah disediakan dan sedang masih ada lebih kurang sejumlah 477 dalam pemasangan. Kita yakin *insya-Allah* dengan jumlah yang ada semua kampung yang telah dikenal pasti tersebut akan dapat mengakses *internet* jalur lebar di kawasan berkaitan.

Untuk soalan yang kedua iaitu berkaitan dengan apakah tindakan oleh pihak kerajaan terhadap isu *drop call* dan juga SMS yang lambat. Untuk menjawab soalan tersebut, seperti yang saya maklumkan tadi pihak kerajaan telah mempertimbangkan sama ada kita perlu mengambil tindakan pemberian rebat ataupun dikurangkan amaun yang dibayar untuk akses kepada perkhidmatan yang disediakan. Perkara ini masih dalam perbincangan oleh pihak forum pengguna dan *insya-Allah* kita bekerjasama dengan pihak forum pengguna yang telah ditubuhkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Sekian, terima kasih.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak kementerian yang telah memberi perkhidmatan yang begitu baik, yang telah menghubungkan rakyat-rakyat kita di luar bandar dengan dunia luar. Soalan saya pada pagi ini ialah kementerian atau kerajaan telah mendirikan pelbagai jenis tiang, menara telekomunikasi ini di kawasan luar bandar yang disebut tiang Telekom dan ada pula yang rendah agaknya mungkin 10 meter demikian tinggi tiang itu milik Maxis.

Jadi siapa pun kontraktor ataupun empunya teknologi ini, soalan saya pada pagi ini ialah yang pertama siapakah yang empunya atau milik sah benda-benda ini. Adakah ia pihak JKK kampungkah ataupun milik kompeni berkenaan? Ini kerana aspek ini perlu diketahui oleh semua pihak apabila benda ini rosak dan memerlukan perkhidmatan peningkatan. Jadi siapakah, *apakah term of reference* kepada kampung yang mempunyai tiang Maxis ini, tiang Telekom ini dalam memelihara benda-benda ini supaya boleh digunakan secara berkesan dan lama di kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah industri komunikasi dan multimedia terdapat dua skim perkhidmatan. Pertamanya skim perkhidmatan swasta yang mana pemberi perkhidmatan yang dilesenkan, misalan untuk perkhidmatan *cellular* seperti *Celcom*, *Maxis* dan *Digi*, sekiranya tiang-tiang ataupun menara yang disediakan di bawah skim swasta, pihak-pihak berkaitan adalah bertanggungjawab dan termasuklah syarikat Telekom Malaysia sekiranya penyediaan menara tersebut adalah di bawah bidang kuasa ataupun projek swasta mereka.

Satu lagi skim yang saya maklumkan di awal jawapan saya tadi iaitu skim pemberian perkhidmatan sejagat ataupun USP, dengan izin, di mana yang dikendalikan oleh pihak suruhanjaya bersama dengan syarikat yang telah dikenal pasti di bawah program perkhidmatan sejagat di mana satu dana peruntukan disediakan dan syarikat yang berjaya telah diberi tawaran untuk melaksanakan program tersebut. Dalam hal ini pihak yang diamanahkan untuk melaksanakan projek tersebut harus memastikan penyediaan menara-menara tersebut berdasarkan kepada SOP dan terma yang telah diamanahkan kepada syarikat-syarikat tersebut. Sekiranya berlaku sebarang penyalahgunaan dan sebagainya, pihak tersebut boleh diberi aduan ataupun diadukan kepada pihak suruhanjaya kerana untuk program-program USP atau program perkhidmatan sejagat biasanya di antara *range* satu hingga lima tahun dengan izin. Terima kasih.

7. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) apakah rancangan dan usaha-usaha kementerian bagi meringankan beban sara hidup rakyat; dan
- (b) adakah kementerian akan menambahkan produk 1Malaysia seperti kedai rakyat 1Malaysia, kedai kain 1Malaysia, kedai ikan 1Malaysia, dan seumpamanya memandangkan sambutan terhadap jenama tersebut amat menggalakkan. Jika ya, nyatakan berapa jumlah dan tempat yang akan dibina.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan sahabat saya Senator Dato Haji Abdul Rahman bin Bakar, soalan (a), kerajaan sangat prihatin di atas masalah yang dihadapi oleh rakyat ekoran kenaikan harga barang terutamanya barang keperluan harian pengguna. Kenaikan harga barangan keperluan adalah satu fenomena yang berlaku di seluruh dunia akibat dari pelbagai faktor seperti kenaikan harga komoditi, perubahan iklim dan masalah ekonomi global.

Oleh yang demikian masalah kenaikan harga barang merupakan satu fenomena yang sukar dibendung. Malaysia turut tidak terlepas dari berdepan dengan masalah tersebut kerana mengamalkan pasaran ekonomi terbuka. Melalui kementerian ini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan usaha untuk membantu meringankan beban sara hidup rakyat terutamanya ialah Kempen Penurunan Harga, Program Jualan Terus dari Kilang, Program Penyeragaman Harga, Program Menu Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Optik Rakyat 1Malaysia, dan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia.

Selain daripada program-program yang dinyatakan, usaha kerajaan untuk membantu meringankan beban rakyat juga dilaksanakan melalui skim kawalan harga bermusim musim perayaan. Pemberian subsidi danewartakan harga gula pasir bertapis kasar dan halus melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta kawalan harga secara pentadbiran ke atas tepung gandum, kegunaan am dan juga minyak masak.

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Penurunan Harga merupakan program berterusan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan semenjak tahun 2008 dengan penyertaan secara sukarela oleh pihak syarikat, *hypermarket* ataupun pasar raya yang berminat. Kempen ini bertujuan untuk memberi tawaran penjimatan kepada pengguna terutamanya golongan pendapatan sederhana dan rendah berikutan kesan kenaikan harga barangan di pasaran.

Fokus penurunan harga barang ini adalah kepada barangan keperluan harian pengguna yang terdiri daripada produk makanan segar, produk makanan sejuk beku yang diproses, produk makanan kering, produk minuman, produk makanan dalam tin, produk keperluan bayi dan kanak-kanak serta produk penjagaan diri dan bahan pencuci.

■1110

Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2013 pada 28 September 2012 yang lalu dan keputusan mesyuarat *Delivery Task Force* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2012, program penyeragaman harga telah dilaksanakan oleh kerajaan di mana harga barangan keperluan asas iaitu gula, minyak masak, tepung gandum, keperluan am, produk Kedai Rakyat 1Malaysia, Produk Coop 1Malaysia dan produk pengeluaran FAMA adalah sama dan seragam di seluruh negara Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan skim kawalan harga bermusim pula, pada musim-musim perayaan terutamanya pada Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan juga Hari Gawai.

Menjawab soalan (b) Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha mencari pelbagai inisiatif bagi menambah baik program sedia ada atau memperkenalkan program baru bagi membantu menaik taraf hidup rakyat. Ini selaras dengan tanggungjawab kerajaan untuk memastikan semua rakyat berupaya menikmati hasil dan faedah pembangunan secara sama rata dan saksama. Produk 1Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain 1Malaysia (KK1M) dan seumpamanya memang mendapat sambutan yang amat baik daripada orang ramai kerana ia memberi pilihan untuk mendapat barangan keperluan pada harga yang murah dan berkualiti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan terus melebarkan bantuan atau subsidi baru terhadap produk-produk yang baru yang lain daripada yang dinyatakan tersebut? Kedua, apakah produk 1Malaysia dilebarkan atau dibesarkan kepada semua 222 Parlimen di Malaysia, memandangkan yang ada tidak cukup, sedikit sangat.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan kepada soalan tambahan, kerajaan memang menyediakan program iaitu Program Penyeragaman Harga untuk barang-barang keperluan di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak supaya harga barangan ini menjadi sama di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Jadi, penyeragaman ini melibatkan fasa pertama iaitu penyeragaman harga gula dan tepung gandum kegunaan am yang telah pun kita laksanakan pada 6 Februari 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga gula diseragamkan kepada RM2.50 sekilo sama dengan di Semenanjung dengan kerajaan menanggung kos pengangkutan sebanyak 10 sen bagi sekilo. Harga sebelum penyeragaman adalah RM2.60 di Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Bagi harga tepung gandum kegunaan am diseragamkan kepada RM1.35 sekilo bersamaan dengan Semenanjung dengan kerajaan menanggung kos pengangkutan sebanyak 10 sen bagi harga sebelum penyeragaman adalah RM1.45 di Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Program penyeragaman ini Tuan Yang di-Pertua, fasa kedua iaitu penyeragaman harga minyak masak termasuk 304 produk Kedai Rakyat 1Malaysia, 89 Produk Coop 1Malaysia dan 69 produk keluaran FAMA yang dimulai pada 1 Julai yang lalu. Purata penurunan harga produk Kedai Rakyat 1Malaysia adalah sebanyak 25 peratus, manakala 10 peratus penurunan bagi produk keluaran.

Untuk jawapan soalan kedua tadi mengenai dengan kedai KR1M. Setakat hari ini, sekarang ini 93 kedai KR1M telah diwujudkan di seluruh negara. Kerajaan memang berhasrat untuk meneruskan penambahan kedai-kedai KR1M di 222 kawasan Parlimen. *Insyah-Allah* kerajaan akan terus membina KR1M dalam tempoh 5 tahun akan datang dan dengan perancangan seperti yang saya sebut tadi. Dalam satu kawasan parlimen, satu Kedai Rakyat 1Malaysia akan diwujudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Lucas.

Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini di negeri Sabah digemparkan dengan masalah bekalan minyak diesel khususnya di daerah pedalaman seperti Keningau, Tenom, Tambunan dan Nabawan. Saya amat terkejut dengan masalah ini dan saya hendak bertanya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, apakah usaha-usaha kementerian ini untuk memberi bekalan diesel yang mencukupi di daerah-daerah di negeri Sabah yang terlibat. Terima kasih.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan. Bekalan minyak di Sabah dan juga Sarawak, krisis yang berlaku sebenarnya tidaklah berlaku kekurangan. Ia hanya bersifat sementara di stesen-stesen minyak yang berpunca daripada masalah penghantaran bekalan dan juga logistik kepada stesen-stesen minyak yang terlibat. Bagi menangani isu tersebut Yang Berhormat, kementerian telah dan akan mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan tidak berlakunya kekurangan bekalan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut Yang Berhormat:

- (i) kita mempertimbangkan permohonan tambahan kuota diesel bersubsidi sekiranya terdapat keperluan yang disokong dengan bukti-bukti dan justifikasi bagi menyokong permohonan tersebut;
- (ii) kita bekerjasama dengan agensi-agens penguat kuasa yang lain dan syarikat-syarikat minyak dalam memantau dan memastikan bekalan diesel bersubsidi adalah mencukupi dan berterusan;
- (iii) kita sentiasa melaksanakan pemantauan yang ketat untuk memastikan bekalan diesel bersubsidi di stesen minyak; dan
- (iv) dinikmati oleh golongan yang layak sahaja.

Tambahan daripada itu Yang Berhormat, faktor kekurangan bekalan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak ini selalunya berlaku adalah kerana perbezaan harga yang terlalu tinggi di antara sektor bersubsidi dengan sektor industri yang mendorong berlakunya ketirisan diesel subsidi ini yang dibeli dan dijual kepada pihak industri serta pengguna industri telah beralih membeli diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak seperti tangkapan yang telah kita buat. Jadi masalah ini akan kita atasi dari semasa ke semasa kerana kita telah pun memastikan bahagian penguat kuasa akan menjalankan tindakan yang sewajarnya di semua stesen-stesen petrol di seluruh negara. Terima kasih.

■1120

8. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria-kriteria yang telah digunakan oleh *United Nations Conference on Happiness* bagi menyediakan *World Happiness Report*; dan
- (b) nama-nama 5 negara yang penduduknya paling bahagia (*happiest countries*) di dunia, dan apakah kedudukan negara Malaysia di dalam *World Happiness Report 2012*.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan *World Happiness Report 2012* telah diterbitkan oleh *The Earth Institute Columbia University* pada April 2012 sempena *United Nations Conference on Happiness*. Ia bertujuan membuat penilaian mengenai tahap kegembiraan penduduk dunia berdasarkan pendekatan subjektif dan persepsi individu. Tahap kegembiraan setiap negara dibuat perbandingan berdasarkan kaji selidik yang sedia ada iaitu *Gallop World Poll*, *World Value Survey*, *European Value Survey* dan *European Social Survey* yang telah dijalankan oleh beberapa pihak.

Kesemua kaji selidik tersebut telah berasaskan penilaian secara subjektif individu terhadap tahap kegembiraan mereka dalam kehidupan. Penemuan daripada kaji selidik GWP menjadikan rujukan utama laporan *World Happiness Report* manakala hasil kajian lain dijadikan asas perbincangan konsep kegembiraan ini. Kaji selidik GWP mengandungi pandangan atau perspektif individu yang berumur 15 tahun ke atas mengambil kira dua kriteria atau aspek yang digunakan iaitu luaran dan peribadi, *external and personal*, dengan izin, bagi menentukan tahap kegembiraan tersebut.

Kriteria luaran merangkumi aspek pendapatan per kapita, pekerjaan, komuniti, sistem tadbir urus, nilai dan keagamaan. Manakala kriteria peribadi merangkumi aspek kesihatan, kehidupan keluarga, tahap pendidikan, jantina dan kategori umur. Tahap kegembiraan individu dalam kedua-dua kriteria tersebut diukur menggunakan skor 0 hingga 10.

Berdasarkan kaji selidik GWP yang merangkumi 156 negara ini, lima negara yang mempunyai penduduk paling bahagia di dunia ialah Denmark, Norway, Finland, *Netherlands* dan Kanada. Selain Denmark yang menghampiri skor 8.0, lain-lainnya mempunyai skor sekitar 7.6 manakala negara kita Malaysia menduduki tangga ke-51 dengan nilai skor 5.6. Terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, setelah meneliti laporan *United Nations* tersebut, adakah Kerajaan Malaysia akan menyediakan kajian yang lebih mendalam terhadap taraf kebahagiaan ataupun *happiness*. Adakah polisi sosioekonomi akan diubah supaya rakyat Malaysia akan lebih bahagia. Adakah *growth National Happiness Index*, dengan izin, seperti yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Britain sesuai dilaksanakan di Malaysia serta adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk menganjurkan *United Nations Conference on Happiness* di Malaysia. Mengikut laporan *United Nations* tersebut, namakan lima negara yang rakyatnya paling tidak bahagia di dunia, dan apakah sebab utama rakyat negara tersebut tidak bahagia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat soalan Yang Berhormat ini.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ada lima, saya jawab daripada belakang. Lima negara yang paling rendah dalam kajian GWP semuanya di negara Afrika Selatan. Tidak sesuai saya hendak sebut semua, tetapi kalau boleh saya kongsi yang terbawah sekali adalah Togo dan lima terbawah semua negara Afrika yang saya rasa kita boleh faham kenapa terjadinya demikian.

Kedua dari segi Bhutan. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan suka dari belakang, tetapi mudahnya sebab soalan itu soalan yang ringkas... [*Ketawa*] Bhutan satu-satu negara yang ada *happiness growth index*. Sebenarnya Yang Berhormat, indeks ini berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Jadi sebab itu saya hendak jawab yang awal tadi, bila menyatakan bahawa adakah kita puas hati, sudah tentu kita tidak puas hati dan sebab itu saya sebut di awal tadi, indeks-indeks ini diukur dari segi persepsi. Di mana di negara kita pada tahun 1999, kita sudah mengguna pakai Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) sejak 1999 yang mana mengambil kira 11 komponen.

Antara komponen yang kita gunakan adalah pendidikan, pengangkutan dan komunikasi, perumahan, kebudayaan dan hiburan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam, kesihatan, penyertaan sosial, alam sekitar, kehidupan keluarga dan persekitaran kerja. Sebagai sebuah kerajaan, indeks *happiness* dalam negara tidak boleh diasaskan kepada persepsi. Kerajaan memikirkan bahawa kita kena lebih objektif. Biarlah ia benar-benar membahagiakan rakyat. Semenjak 1999, kita menggunakan 11 komponen dan untuk makluman Dewan, pada Januari 2013, Majlis Ekonomi Negara telah mencadangkan untuk diadakan sebanyak 14 dengan memecahkan antara yang ada dan menambah satu lagi iaitu urus tadbir menjadikan 14 dengan menggunakan indikator sebanyak 68 indikator yang memastikan gerak kerja kita itu benar-benar menjadikan rakyat negara kita lebih bahagia dalam erti kata sebenar. Indikator ini termasuklah dulunya kita tengok kualiti, tetapi hari ini kita tengok kuantiti.

Contohnya pendidikan, dulu kita tengok enrolmen pelajar, hari ini kita tengok pencapaian pelajar. Dulu Kementerian Kesihatan tengok bilangan katil, bilangan doktor, hari ini kita tengok tentang apakah penyakit kronik yang tidak berjangkit memberi kesan kepada rakyat dan waktu menunggu.

Terakhir sekali boleh saya kongsi, urus tadbir iaitu *good governance* ini. Dulu tidak ada pun dalam kita punya indikator, hari ini ada, iaitu untuk menambah baik sistem penyampaian kerajaan supaya rakyat lebih berpuas hati, yang semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini tahu. Sebagai contoh untuk mengeluarkan IC dan passport, antara contoh terbaik tentang betapa cepat dan efisiennya, *good governance* kerajaan di bawah soalan yang dibangkitkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

9. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kesihatan menyatakan, tempoh menunggu pesakit untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan dan klinik-klinik kerajaan memakan masa yang begitu lama dan ada kala sehingga empat jam. Apakah tindakan yang telah diambil dan adakah tindakan yang telah diambil ini berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim. Ini berkenaan dengan masa menunggu di hospital dan juga di klinik-klinik kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan memang amat prihatin dalam perkara ini dan kita cuba mengurangkan masa menunggu kepada setengah jam sahaja. Maknanya dia mendaftar sehingga dia berjumpa doktor, setengah jam sahaja, ini usaha kita. Apa yang telah kita buat ialah menggunakan sistem temu janji secara berperingkat ataupun *staged appointment system* khususnya untuk klinik-klinik pakar dan juga untuk kes-kes kronik dan ulangan. Mereka hanya perlu hadir setengah jam sebelum temu janji. Kes-kes bagi kes ulangan seperti ini rekod-rekod mereka disediakan sebelum hari *appointment*.

Kemudian apabila klinik itu sibuk Tuan Yang di-Pertua, kita *deploy, redeployment of doctors*, bermakna kalau sibuk doktor daripada bahagian lain di hospital itu akan diarah pergi merawat, menjalankan tugas di klinik pesakit luar. Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga *fast lane* untuk warga emas, OKU, kanak-kanak dan juga kes kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengadakan *dispensing* ubat, cara membekalkan ubat melalui ada yang *drive-thru pharmacy* pun ada sekarang ini dan juga kita menghantar ubat melalui kiriman pos laju. Ramai sudah mendapatkan ubat mereka melalui pos laju. Juga kita mengadakan *extended hours* Tuan Yang di-Pertua, ini pun popular juga. Bermakna selepas waktu kerja, pukul 5 sudah habis kerja, ada 27 hospital semuanya mengamalkan perkhidmatan selepas waktu kerja sehingga pukul 9 malam, untuk 27 hospital dan 64 klinik yang terlibat. Bermakna mereka bekerja selepas itu sampai pukul 9 malam. Ada juga klinik yang bekerja pada waktu rehat, ada 561 klinik yang bekerja melihat pesakit pada waktu rehat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga mengadakan program *long term* iaitu yang kita panggil konsep *decongestion* bermakna bagi kawasan-kawasan yang terlalu banyak dan padat dengan pesakit, hospital terutamanya, kita adakan klinik-klinik baru.

■1130

Dengan cara itu, kita dapat *decongest* bermakna kita kurangkan pesakit yang pergi ke hospital, dia pergi ke klinik yang dekat dengan rumah dia. Sekarang ini kita juga ada Klinik 1Malaysia. Klinik 1Malaysia, sekarang ini sudah ada 230. Ini khasnya untuk *urban poor*, mereka yang agak miskin di dalam bandar. Perdana Menteri telah pun umum hendak tambah lagi 50 Klinik 1Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, usaha ini telah pun berjaya mengurangkan masa menunggu kepada 30 minit sahaja dan telah mencapai 87.3 peratus yang masa menunggu hanya 30 minit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Oh! Teruskan Yang Berhormat. Soalan asal tadi ya?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, teruskan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Menteri. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang mengkaji semula sama ada jumlah kakitangan dan logistik di hospital mencukupi ataupun tidak?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah yang berterusan sebenarnya. Sekarang ini kadar doktor ke jumlah penduduk ialah 1:700 dan dalam tahun 2020 kita hendak turunkan kadar kepada 1 doktor kepada 400. Memang jika kita lihat banyak hospital yang belum lagi mencukupi termasuk juga di klinik-klinik, belum mencukupi jumlah doktor dan juga kakitangan lain. Memang ada usaha kita untuk mengambil balik segala kontrak dan doktor-doktor yang sudah pencen dan ramai yang sanggup datang balik bekerja. Termasuk juga pengarah-pengarah yang sudah jadi pengarah tetapi dia sanggup datang untuk bekerja sebagai doktor biasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pagi ini kita dikejutkan dengan berita bahawa di Kepala Batas, enam orang pesakit termasuk seorang warga emas telah diberi layanan yang sangat buruk, dicaci maki. Jadi, persoalan saya adakah hal ini berlaku kerana para doktor ini terlalu dibebankan dengan kerja-kerja mereka? Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya doktor di negara kita ini, sudah cukupkah, lebihkah atau tidak cukup? Apakah nisbah sebenar jumlah pesakit dan juga doktor dan HO dan MO kita ini berapa jam mereka ini bekerja? Adakah tempoh ini menepati kepada standard negara-negara maju yang lain?

Jika ya, kenapa ramai pelajar-pelajar kita yang mengambil perubatan terutamanya di Dublin dan Ireland tidak mahu balik berkhidmat atas alasan bebanan kerja yang sangat membebankan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu soalan, ini banyak soalan. Tuan Yang di-Pertua, memanglah beban kerjanya berbeza. Di kawasan-kawasan bandar terutama sekali, memang hospital terlalu sesak sangat, terlalu sibuk sangat. Contohnya, saya pergi melawat baru-baru ini di Hospital Seberang Jaya, dia punya *Bed Occupancy Rate* (BOR) 110 dan memang sesak lah. Sebanyak 110 peratus iaitu lebih daripada 100 peratus. Maknanya, ada pesakit yang terpaksa duduk atas troli di dalam wad, di tengah-tengah koridor itu. Ini berlaku kerana kesesakan.

Akan tetapi, *insya-Allah* kita akan mempercepatkan pembesaran hospital-hospital seperti itu. Memang beban kerja amat tinggi. Mungkin disebabkan itu, maka ada juga doktor yang mungkin kerana bebanan kerja yang tinggi, *stress* tinggi, maka dia lepaskan geram atau *stress* dia kepada pesakit. Ini berlaku. Memang baru-baru ini pun di Kepala Batas dan Seberang Jaya memang ada rungutan, *complaint* tentang katanya doktor bersikap *racist* dan sebagainya. Ini tidak patut berlaku dan kita sedang siasatlah. Tidak patut berlaku. Doktor sebenarnya dilatih. Saya pun seorang doktor juga, dilatih untuk berkhidmat, merawat semua orang, tidak kira dia miskin, kaya, tua, muda dan musuh pun kita kena rawat. Ini adalah tugas kita dan kena buat. Jadi, tidak patut berlaku dan kita sedang siasat perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

10. Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, pada 28 September 2012 semasa Bajet 2013, kerajaan telah mengumumkan Projek Perintis Taska OKU bagi enam kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi *down syndrome*, autisme, cacat penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan OKU masalah pembelajaran. Apakah status terkini penubuhan taska tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa kementerian telah meluluskan penubuhan enam buah taska OKU kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti berikut:

- (i) taska OKU *syndrome down* di Putrajaya dikendalikan oleh Persatuan *Syndrome Down* Malaysia;
- (ii) taska OKU masalah pembelajaran di Ipoh, Perak dikendalikan oleh Persatuan Untuk Insan Bermasalah Intelek Perak;
- (iii) taska OKU pekak di Puchong, Selangor dikendalikan oleh Persatuan Orang Pekak Malaysia;
- (iv) taska OKU autisme di Sibu Sarawak dikendalikan oleh Persatuan Autisme Sibu, Sarawak;
- (v) taska OKU penglihatan di Pulau Pinang dikendalikan oleh *St. Nicholas Home* Pulau Pinang; dan
- (vi) taska OKU fizikal di Kota Kinabalu, Sabah dikendalikan oleh Persatuan Rumah Amal Sabah Kota Kinabalu.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan kerjasama strategik dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam aspek penjagaan, pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak kurang upaya sebagai pengusaha taska OKU bagi kategori yang telah disebutkan tadi. Setiap NGO berkenaan diberikan peruntukan sebanyak RM500,000 untuk kos penubuhan dan operasi bagi tempoh setahun. Bagi tahun 2013 dan 2014, kementerian akan menampung kos operasi taska OKU dan berharap mulai tahun 2015, NGO terbabit dapat menampung sendiri kos operasi taska yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan yang pertama Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah, silakan Yang Berhormat.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berapakah angka sebenar OKU seluruh negara? Apakah prasarana tambahan yang sudah dan akan disediakan, termasuk latihan spesifik yang diberi kepada OKU serta penjaga-penjaga mereka terutamanya yang berada di rumah? Adakah peluang pekerjaan yang diusahakan oleh kerajaan sama ada bersendirian ataupun dengan kerjasama NGO untuk memberi perhatian yang lebih khusus serta keselesaan dan peluang ekonomi kepada warga OKU supaya ada di antara mereka ini boleh berdikari di masa hadapan?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah di atas soalan tambahan yang diberikan itu. Kita memang prihatin terhadap isu yang berkaitan dengan OKU ini dan kita ingin melihat mereka ini bukan sahaja diberikan latihan tetapi mereka boleh berdikari atas diri sendiri.

Untuk soalan yang pertama tadi, di Malaysia sekarang ini mengikut statistik yang ada pada kita sehingga Disember tahun 2012 kita ada 436,317 OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia.

Kita ada prasarana yang sudah kita sediakan, selain daripada sekarang ini kita sudah memulakan taska OKU, kita juga ada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh negara terdapat 486 kesemuanya dengan sebanyak 21,130 orang pelatih. Di PDK ini, latihan adalah daripada *basic* diberikan kepada mereka bermula dengan bagaimana hendak gosok gigi, hendak ke tandas, pakai baju dan sebagainya.

Seterusnya, apabila mereka dewasa sedikit mereka akan juga diberikan latihan-latihan untuk boleh berdikari seperti membuat kraf tangan, cara-cara untuk buat kitar semula, menulis dan juga membaca. Semua ini disediakan di PDK.

■1140

Selain daripada itu juga JKM menyediakan prasarana sebelas buah institut OKU seperti yang disebut. Antaranya ialah tujuh buah Taman Sinar Harapan iaitu institusi bagi OKU masalah pembelajaran yang merangkumi *syndrom down*, *autism*, *attention deficit hyperactivity disorder*, dengan izin, dan kurang upaya intelektual. Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian Bangi memberikan perkhidmatan kepada OKU fizikal melalui latihan vokasional serta pemulihan dan perubatan.

Dua bengkel daya dikhaskan untuk OKU yang tidak berdaya saing untuk mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Pusat Harian Bukit Tunku disediakan bagi kes-kes bekas pesakit mental yang telah menjalani rawatan perubatan di hospital. Mereka ini akan menjalani rawatan pemulihan sebelum diserapkan semula ke dalam masyarakat dengan harapan mereka akan dapat kembali dalam masyarakat dan juga memulakan penghidupan mereka.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan pusat pemulihan dalam komuniti seperti yang telah saya sebutkan tadi. Kita juga bekerjasama NGO-NGO yang berkaitan yang ada dalam negara kita Malaysia ini untuk mewujudkan kelas-kelas latihan untuk mereka belajar. Sebagai contoh di negeri Sabah, kita ada kerjasama dengan sebuah sekolah untuk orang-orang OKU ini. Kita wujudkan bakeri di mana mereka ini diajar untuk membuat kek, kuih dan sebagainya. Daripada situ mereka boleh setelah mereka tamat latihan ini mereka boleh mendapat pekerjaan di hotel dan di *bakery*, dengan izin, atau pun memulakan perniagaan mereka sendiri. Kerjasama seperti ini kita akan teruskan lagi dengan mana-mana pihak yang lain supaya kita betul-betul dapat menjadikan mereka ini berdikari.

Selain daripada itu apabila mereka ini sudah bekerja mereka juga diberikan lagi bantuan yang dikenali sebagai elaun pekerja cacat (EPC) sebanyak RM300 setiap bulan. Usaha ini akan diteruskan lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebagaimana yang kita ketahui Menteri baru kita di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Menteri dan Timbalan Menteri orang baru, tahniah. Tinggal lagi soalan saya apakah ada modul baru yang diperuntukkan oleh kementerian khususnya melalui MPWK bagi membantu masyarakat di bawah sana di seluruh negara ini dengan lebih berkesan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini sebenarnya jauh melencong daripada taska OKU – ini berkaitan dengan MPWK. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat To' Puan Zaitun di atas soalan tadi.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator tahu bahawa MPWK ada mempunyai program-program teras yang telah dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan setiap tahun. Di antaranya adalah Jejari Bestari dan pada bulan Ramadhan yang mulia ini pula kita jenamakan daripada Nur Hidayah kepada program Karisma Ramadhan.

Saya berharap semua pengerusi MPWK seluruh negara sudah memulakan atau pun kalau belum tolonglah melaksanakan program Karisma Ramadhan ini.

Insyah-Allah di bawah kepimpinan yang baru kementerian ini kita akan melihat semula apakah program-program yang sesuai lagi yang boleh dilaksanakan oleh MPWK di peringkat Parlimen di seluruh negara yang boleh merapatkan lagi hubungan MPWK dan juga kementerian kita dengan masyarakat yang ada di bawah sana. Kita sedia juga mendengar cadangan-cadangan daripada pengerusi-pengerusi MPWK di seluruh negara supaya program-program di bawah MPWK ini sendiri dan kementerian itu betul-betul dapat *reach out*, dengan izin kepada masyarakat yang ada di bawah sana. *Insyah-Allah*.

11. Dr. Lucas bin Umbul minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, usaha-usaha kementerian dalam membantu golongan Orang-orang Asli dalam pemilikan tanah dan pembasmian kemiskinan kepada golongan masyarakat peribumi ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Senator yang untuk menjawab.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul yang menanya, pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh kementerian ini bagi meningkatkan kadar pemilikan tanah di kalangan masyarakat Orang Asli. Ke arah itu kementerian ini telah pun membentangkan kertas dasar pemilikan dan pembangunan tanah kepada masyarakat Orang Asli dan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) pada 4 Disember 2009 yang lepas. Ekoran daripada kelulusan dasar ini kementerian telah mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk pemimpin Orang Asli agar kajian semula secara terperinci dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu pihak kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sedang melaksanakan kajian penambahbaikan dasar tersebut yang akan turut mengambil kira hasil *enquiry* nasional berhubung hak tanah Orang Asli oleh Suhakam. Lanjutan daripada itu JAKOA telah mengadakan beberapa siri konsultasi dengan pihak kerajaan negeri bagi memperhalus urusan pembangunan dan pemberian hak milik tanah kepada Orang Asli. Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli sentiasa berusaha ke arah memastikan status tanah Orang Asli dilindungi selaras dengan seksyen 7, Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Di samping itu juga projek perladangan komersial, getah dan sawit dengan kerjasama RISDA dan FELCRA Berhad terus diperluaskan sebagai sumber asas ekonomi masyarakat Orang Asli. Setakat ini sejumlah 171 buah ladang dengan keluasan 23,546.13 hektar telah berjaya dibangunkan. Ini khas untuk JAKOA atau pun Orang Asli di Semenanjung.

Daripada jumlah tersebut, 148 ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan telah memberi manfaat secara langsung kepada 10,198 peserta masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Matlamat akhir JAKOA adalah untuk menyerahkan ladang-ladang tersebut kepada peserta melalui Koperasi Orang Asli.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator juga, kementerian ini sentiasa mengambil berat terutamanya dalam menaik taraf kehidupan masyarakat Orang Asli agar mereka keluar dari belenggu kemiskinan. Rancangan Malaysia Kesepuluh menyediakan inisiatif khusus berhubung masyarakat Orang Asli. Dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh, program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus dilaksanakan bagi mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli dengan sasaran pengurangan kemiskinan daripada 49 peratus pada tahun 2009 kepada 25 peratus pada tahun 2015 nanti.

Perkara ini telah digariskan di dalam Teras Strategik Ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu pembangunan sosioekonomi secara *inclusive* bagi memastikan setiap rakyat termasuk masyarakat Orang Asli dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara. Di samping itu ianya menjamin keadilan sosial kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan tidak ada sesiapa pun yang merasa terpinggir.

Untuk tahun 2013, *key milestone* Rancangan Malaysia Kesepuluh yang ditetapkan bagi pembangunan Orang Asli ialah mengenai pengurusan tanah Orang Asli, peningkatan pendapatan, peningkatan pendidikan, penyediaan kemudahan perumahan yang selesa dan sesuai serta kemudahan bekalan air bersih. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan kita kesuntukan masa saya cuma bagi satu sahaja soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat.

■1150

Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang sangat bernas dan terperinci. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah program-program serta usaha-usaha Kementerian Luar Bandar dan Wilayah yang boleh membantu Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan juga bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak berkecimpung dalam perniagaan kecil dan sederhana dalam meningkatkan ekonomi golongan-golongan ini. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk kesemua iaitu masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan juga golongan yang kita namakan minoriti bumiputera. Saya sendiri adalah dari masyarakat Iban, sama dengan Tuan Yang di-Pertua dan merasakan soalan ini juga merangkumi ataupun baik juga untuk kami masyarakat Iban yang minoriti bumiputera di Sarawak dan Sabah. Kerajaan memang ada pelbagai projek.

Dari segi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah melalui agensi-agensi yang ada di bawah naungan kementerian ini sudah tentunya ataupun sepatutnya sudah diketahui umum ada banyak program dan dasar. Mungkin saya tidak dapat sebut satu per satu. Akan tetapi saya ada maklumat yang di sini kita selain daripada menyediakan pembangunan infrastruktur seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan ke pedalaman di mana minoriti bumiputera ini duduk. Program pembasmian kemiskinan seperti penyediaan rumah baru atau baik pulih, program bantuan rumah. Seperti juga saya telah sebut untuk jawapan awal tadi.

Selain itu, program pembangunan minda insan, pendidikan, kemahiran dan kerjaya di bawah agensi kementerian seperti MARA dan KEMAS. Program pendidikan awal kanak-kanak di bawah KEMAS. Program pengupayaan ekonomi, perladangan dan pemajuan kawasan di bawah RISDA, FELCRA dan agensi-agensi di negeri seperti SALCRA di Sarawak dan Lembaga Industri Getah di Sabah. Di samping itu ada juga program bantuan usahawan yang dikendalikan oleh MARA. Sebenarnya, dari agensi-agensi di bawah naungan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini Yang Berhormat Senator, memang kita ada menyediakan, saya rasa agak cukup ataupun kita boleh tambahkan.

Buat masa sekarang, memang sedia ada. Cuma masyarakat kita atau golongan minoriti bumiputera ini di Sarawak dan Sabah dan juga Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini, kita harus dengan sendiri lebih proaktif untuk kita mendapat atau memohon bantuan yang disediakan oleh kementerian ataupun oleh kerajaan. Kalaulah Yang Berhormat Senator memerlukan jawapan-jawapan yang lebih terperinci, maka kementerian bolehlah memberi secara bertulis untuk rekod Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon ada satu soalan yang sangat relevan. Kalau saya tak ambil kesempatan...

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, ringkaskan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Ya, secara biasanya Orang-orang Asli ini memiliki tanah secara berkelompok menerusi GSA ataupun rizab Orang Asli. Kini saya difahamkan mereka juga boleh memiliki secara individu. Satu kajian sedang dibuat seperti Yang Berhormat Menteri beritahu tadi. Saya hendak bagi tahu, sekiranya mereka sudah ada hak yang sama atau kesamaan dengan kaum-kaum lain memiliki tanah secara individu, bagaimanakah statusnya kawasan rayau dan juga pemilikan tanah adat. Adakah ini juga akan diteruskan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Senator yang telah bertanya tadi. Untuk ini, saya akan majukan jawapan secara bertulis untuk supaya ia lebih tepat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, kita beralih ke sesi perbahasan.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas” **[23 Julai 2013]**

Timbalan Yang di-Pertua: Setakat ini saya telah menerima sepuluh nama daripada Yang Berhormat yang ingin berbahas pada hari ini. Oleh sebab ramai yang ingin berbahas, jadi saya akan hadkan masa kurang lebih 20 minit bagi setiap orang. Kita mula dengan Yang Berhormat Chew Lee Giok. Silakan Yang Berhormat.

11.55 pg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyertai perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya minta maaf kalau ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, cuba sahaja. Teruskan.

Puan Chew Lee Giok: Inflasi berlaku di Malaysia. Inflasi juga berlaku di seluruh dunia. Wang yang ada pada kita menjadi semakin kecil. Nasi ayam di kedai mamak berharga RM3.50 pada awal tahun 90-an. Kini nasi ayam yang ada yang sama di kedai mamak berharga RM6.50. Pada awal 90-an, harga sebuah rumah teres dua tingkat di Lembah Klang berharga RM120,000 hingga RM160,000. Sekarang rumah teres dua tingkat yang sama bernilai RM400,000 hingga RM500,000. Ada beberapa tempat di Lembah Klang di mana harga rumah teres sudah mencapai RM800,000 hingga RM1 juta. Sekarang susah untuk membeli apartmen baru berharga kurang daripada RM200,000. Walaupun gaji ini sudah meningkat berbanding dengan awal tahun 90-an, kos hidup telah meningkat sangat banyak.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, apakah rancangan pihak kerajaan untuk menstabilkan harga rumah teres dan harga apartmen?

Kedua, bagaimanakah pihak kerajaan dapat menyekat dan mengawal spekulasi *property* yang terlalu banyak?

Yang ketiga, bagaimanakah pihak kerajaan dapat meningkatkan pembinaan rumah baru dan apartmen baru untuk menambahkan bekalan dan menstabilkan harga.

Yang keempat, bagaimanakah pihak kerajaan dapat mengurangkan harga kereta?

Yang kelima, bagaimanakah pihak kerajaan dapat mengawal kenaikan strok.

Tuan Yang di-Pertua, topik yang ingin saya mengemukakan ialah tentang strok. Strok merupakan punca kematian yang kedua terbesar di dunia. Di USA, strok merupakan satu punca utama bagi hilang upaya. Strok boleh menyebabkan mangsanya hilang upaya bagi tangan dan kaki sebelah kanan atau sebelah kiri. Ada mangsa strok yang dapat bercakap. Ada mangsa strok yang tidak dapat memahami bahasa...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat ambil masa. Yang Berhormat hendak rehat dulu, nanti kita sambung balik? Okey, tidak apa. Biar Yang Berhormat rehat dulu. Nanti dia sambung balik. Saya akan panggil Yang Berhormat Dato' Subramaniam.

■1200

12.00 tgh.

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sembah menjunjung kasih ke bawah duli untuk menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda yang cukup komprehensif dan merangkumi pelbagai bidang berkenaan kepentingan rakyat. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dipilih rakyat dan mengucapkan tahniah kepada Jemaah Menteri yang selamat mengangkat sumpah. Saya bersyukur kerana Pilihan Raya Ke-13 telah berjalan dengan selamat dan aman.

Syabas kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana memastikan pilihan raya pada keseluruhannya berjalan lancar. Pada masa yang sama saya amat kecewa atas kegagalan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengimplementasikan penggunaan dakwat kekal dengan sempurna. Saya sedih kerana selepas bertungkus-lumus untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional, kemenangan itu dipertikaikan sewenang-wenangnya kerana kegagalan Suruhanjaya Pilihan Raya memastikan pengawalan kualiti dalam pemilihan dakwat kekal.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan tinggi merupakan satu pelaburan terhadap anak-anak kita untuk menjamin masa depan mereka. Melalui sistem pendidikan yang komprehensif dan bertahap tinggi, kita dapat menjamin mutu sumber manusia negara untuk memastikan negara kita sentiasa berdaya saing di arena dunia. Kerajaan Barisan Nasional berbelanja berbilion ringgit setiap tahun untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak kita dari tahap pra sekolah sehingga tahap siswazah. Namun sistem pendidikan di negara kita masih mempunyai ruang untuk diperbaiki. Setiap tahun kita mendengar rungutan dan keluhan daripada pelajar dan ibu bapa mengenai isu matrikulasi, biasiswa dan juga penempatan di universiti tempatan. Apakah masalah ini tidak dapat diselesaikan, mengapa isu ini dibiarkan berulang tahun demi tahun.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan 1,500 tempat matrikulasi untuk pelajar keturunan India. Namun setiap tahun ada sahaja aduan bahawa tempat ini tidak diisi sepenuhnya. Saya menggesa Kementerian Pendidikan agar lebih telus dalam pemilihan pelajar untuk matrikulasi. Sebaik-baiknya kita terbitkan senarai penerima tempat untuk matrikulasi di dalam surat khabar dan di laman *internet*. Ini akan mengelakkan kerajaan daripada dilihat tidak menunaikan janji. Saya faham bahawa akan sentiasa ada pelajar yang ditawarkan tempat matrikulasi tetapi membuat keputusan untuk tidak menerima tawaran tersebut tetapi tempat matrikulasi itu janganlah dibiarkan sahaja tanpa diisi dengan pelajar lain yang layak. Jika seorang mengambil keputusan untuk menolak tempat matrikulasi kita masih boleh mengisi tempat tersebut dengan pemohon lain secara telus dan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, selain tempat matrikulasi, isu biasiswa kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) turut menjadi isu hangat tahun demi tahun. Sekali lagi kita memerlukan satu sistem pilihan yang telus untuk biasiswa kerajaan. Kita harus ingat bahawa satu-satunya cara kita boleh memperbaiki imej jabatan-jabatan kerajaan yang sering dikatakan lembap, adalah dengan memastikan biasiswa SPA diberikan kepada pelajar-pelajar terbaik yang akan kembali dan bekerja untuk kerajaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan biasiswa automatik kepada semua pelajar yang mendapat 10A+ dalam SPM. Namun saya sering mendengar keluhan daripada pelajar dan ibu bapa bahawa anak mereka tidak mendapat kursus yang dipohon. Wujud juga keraguan dan ketidaktelusan dalam kriteria yang digunakan dalam memilih pelajar mana yang mendapat biasiswa ke luar negara dan pelajar mana yang diberi biasiswa tempatan.

Saya ingin mengingatkan kerajaan jika kita tidak boleh membetulkan ketidakadilan dan persepsi pemilihan berdasarkan kaum, bukan sahaja kita akan terus kehilangan sokongan rakyat tetapi kita juga akan kehilangan pelajar terbaik kita ke negara lain yang akan mencekup minda terbaik kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga dalam sosial pendidikan adalah mengenai tempat untuk meneruskan pelajaran tinggi di universiti, satu lagi isu yang timbul setiap tahun. Apabila saya berdepan pelajar yang telah belajar bertungkus-lumus, apabila saya berdepan keluarga yang telah berkorban segalanya untuk memastikan anak mereka mendapat CGPA 4.0 dalam matrikulasi atau STPM tetapi masih gagal mendapat tempat di universiti. Ini membuatkan saya berasa malu dan segan berdepan dengan mereka. CGPA 4.0 merupakan keputusan terbaik yang boleh diperolehi oleh seorang pelajar. Seharusnya dengan keputusan cemerlang sebegini pelajar itu boleh mendapat apa sahaja kursus yang dipohon tetapi kita dengar juga kisah sedih apabila pelajar itu tidak mendapat satu pun kursus yang dipohon.

Keputusan peperiksaan seharusnya dijadikan satu-satu kriteria untuk diberi tempat di universiti. Tidak perlulah ada lagi temu ramah atau markah untuk ko-kurikulum yang sering menjadi titik keraguan akan ketelusan dan keadilan sistem pemilihan. Mungkin juga sudah sampai masanya kerajaan memansuhkan terus peperiksaan STPM dan diganti dengan sistem matrikulasi sepenuhnya. Ini kerana memberi kepentingan sama kepada peperiksaan STPM dan matrikulasi untuk mendapatkan tempat di universiti adalah tidak adil sama sekali. Saya harap Kementerian Pendidikan dapat memberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin mengutarakan di Dewan mulia ini adalah mengenai masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga India di negara ini. Baru-baru ini beratus-ratus peniaga India di seluruh negara iaitu di Little India Brickfields, Little India Klang, Penang, Ipoh, Johor dan sebagainya telah menutup kedai mereka untuk sehari sebagai tanda bantahan mereka terhadap persaingan tidak adil daripada peniaga asing. Punca utama ketidakpuasan peniaga-peniaga India adalah dengan karnival-karnival perayaan yang dianjurkan sesetengah pihak di mana peniaga asing membawa barangan bermutu rendah dari luar negara tanpa membayar cukai dan berniaga secara terus kepada pengguna India di Malaysia.

Ini mewujudkan satu situasi yang tidak adil kepada peniaga tempatan yang membayar cukai dan duti. Apabila mengimport barang-barang dan juga membayar cukai pendapatan atas keuntungan mereka tetapi terpaksa bersaing dengan peniaga asing yang mengaut keuntungan lumayan pada masa perayaan dan balik ke negara asal.

■1210

Peniaga-peniaga India tidak meminta apa-apa layanan istimewa daripada kerajaan, akan tetapi mereka hanya minta ruang perniagaan yang adil kepada semua pihak. Secara kebiasaan apabila sesuatu ekspo diadakan, peserta-peserta dari merata dunia memang dipelawa untuk mengambil bahagian tetapi hanya untuk mempamerkan barangan-barangan keluaran mereka. Ini adalah untuk mewujudkan peluang perniagaan kepada peniaga tempatan untuk membeli barangan mereka secara borong untuk diniagakan di negara ini.

Akan tetapi jika peserta asing di ekspo perniagaan dibenarkan menjual barangan mereka secara terus kepada pengguna, ini sudah tentu tidak adil kepada peniaga tempatan yang melabur dalam negara ini dan memberi peluang pekerjaan kepada orang tempatan. Saya berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dapat memberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Malaysia telah menjadi rumah untuk sesi rundingan beberapa negara membangun dengan Amerika Syarikat untuk perjanjian kerjasama *Trans-Pacific* atau lebih dikenali sebagai TPPA. Perjanjian TPPA ini memang ada kelebihan dan kekurangan kepada negara kita. Ada pihak terutamanya golongan kapitalis yang menyokong perjanjian ini dan ada golongan yang membantah perjanjian ini. Saya ingin menggesa kerajaan kita agar mengambil kira semua aspek secara teliti sebelum menandatangani perjanjian TPPA. Seboleh-bolehnya kita hanya menerima perjanjian ini sekiranya kerajaan benar-benar pasti ia akan dapat menjamin kebajikan masyarakat Malaysia terutama dalam bidang kesihatan walau selepas menerima perjanjian ini.

Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat jelata. Walaupun kita sentiasa bersikap proaktif dan memajukan ekonomi negara, jangan sekali-kali kita menggadaikan kebajikan rakyat jelata dalam menandatangani sebarang perjanjian dengan negara lain. Kita jangan menerima apa-apa perjanjian yang lebih menjaga kepentingan ekonomi dan rakyat negara lain tetapi ekonomi dan kebajikan rakyat kita sendiri diabaikan. Saya berharap Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa dapat memberi perhatian yang sewajarnya.

Akhirnya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta untuk anak-anak muda daripada golongan bekerja estet diberi latihan vokasional. Saya ingin meminta keterangan daripada Kementerian Sumber Manusia iaitu setakat ini bagaimana program ini telah dilaksanakan. Apakah kumpulan sasaran dan kaedah memberi tawaran kepada remaja ini? Adakah program ini dikendalikan oleh kerajaan ataupun diswastakan kepada syarikat-syarikat lain dapat? Kerajaan mencapai *target* yang telah ditentukan. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Silakan Yang Berhormat.

12.14 tgh.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama berbahas dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mulakan dengan pepatah lama, "Berguru dengan yang alim, berpencak dengan pendekar, meminta pada yang ada". Dalam ucapan ini ada menyebut mengenai perkhidmatan awam. Saya sangat mengalu-alukan teks yang menyatakan bahawa perkhidmatan awam bertambah baik.

Oleh hal yang demikian, tentulah mereka yang berkhidmat ini wajar sekali diberikan sesuatu untuk menjadi motivasi kepada mereka. Soalan saya ialah bilakah bonus untuk kakitangan awam ini akan diumumkan? Kedua, berapakah jumlahnya? Ini kerana kita sudah berada di pertengahan puasa dan kalau dibagi misalnya sehari sebelum hari raya, ia tidak begitu menggembirakan walaupun tidak dapat ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teks ini juga ada menyebut mengenai perumahan untuk staf dan kakitangan sektor awam. Apa yang ingin diketahui ialah, berapakah jumlah yang akan dibina untuk staf dan kakitangan awam ini dan apakah kakitangan awam dengan keadaan gaji mereka dan belanja hidup yang tinggi mampu untuk membeli rumah-rumah tersebut?

Saya faham bahawa memang ada dalam kenyataan yang dibuat tidak berapa lama dulu oleh Ketua Setiausaha Negara yakni 100,000 unit rumah akan dibina. Ini sebagai respons kepada apa yang telah disuarakan oleh pemimpin CUEPACS berkenaan dengan rumah mampu milik. Dalam konteks ini, apa maksud mampu milik?

Beberapa hari yang lepas kita mendengar rakan-rakan Yang Berhormat Senator ada menyatakan bahawa pendapatan sama ada pekerja dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta adalah merosot berbanding dengan perbelanjaan mereka. Jadi soalnya ialah mampu milik ini dalam pengertian apa?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan isu berkenaan dengan hak untuk bernegosiasi sepanjang mengenai kakitangan awam. Kita faham bahawa Malaysia merupakan anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan pernah dan masih meratifikasi Konvensyen 98, Konvensyen Teras Konvensyen ILO, atau Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Akan tetapi soalnya ialah, apakah hak untuk kakitangan awam melalui kesatuan pekerja mereka atau persatuan pekerja mereka boleh bernegosiasi dalam erti kata sebenar sepanjang mengenai Konvensyen 98 ini. Tidak ada ertinya kita memberi ratifikasi kepada Konvensyen 98, sedangkan ia tidak dilaksanakan sepenuhnya. Syarat-syarat penting apabila sesebuah negara anggota ILO memberi ratifikasi, ia hendaklah menyesuaikan, meminda, membetulkan dan melaksanakan undang-undang yang sesuai dengan konvensyen tersebut.

Saya ingin dapat penjelasan sama ada daripada Perdana Menteri ataupun daripada Kementerian Sumber Manusia sepanjang mengenai Konvensyen 98 ini adalah ia benar-benar dilaksanakan di Malaysia?

Saya ingin berubah kepada isu Perjanjian Perkongsian *Trans-Pacific* atau TPPA.

■1220

Pernah dalam satu forum, saya menanyakan oleh kerana ianya bersifat rahsia, berbunyi begini, saya kata, "Apakah haiwannya TPPA ini?" Maknanya saya tidak menggunakan bahasa yang lebih celupar, lebih sopan dan jawapan yang diberikan pelbagai. Namun yang ingin kita timbulkan dalam Dewan yang mulia ini ialah mengapa hal yang sangat penting yang akan menjejaskan, memberi dampak atau impak kepada 28 juta umat di Malaysia ini menjadi rahsia?

Tuan Yang di-Pertua, ada dua hal penting dan rakan-rakan Senator telah pun bercakap mengenai TPPA ini. Dua hal penting ialah mengenai kedaulatan negara, *sovereignty*, dengan izin. Contohnya ialah mengenai apa yang disebut sebagai ISDS yakni *Investor-State Dispute Settlement*. *Investor-State Dispute Settlement* ini memang merupakan satu perkara yang pastinya menidakkan sistem kehakiman di negara kita sebab ianya sudah pun berlaku di negara-negara seperti Chile, *Ecuador* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tertarik dengan apa yang telah dilakukan oleh pemerintah Australia. Pemerintah Australia sepanjang mengenai ISDS ini mengambil sikap yang tegas, menolak dan mereka tidak bersetuju. Kita ketahui bahawa TPPA ini mengandungi 29 juzuk, dia bukan 30 tapi 29 juzuk dan lima daripadanya adalah berkenaan dengan *trade*, yang lain adalah berkaitan dengan hal-hal yang lain.

Sebelum saya panjangkan dan sebelum saya lupa, saya mohon Yang Berhormat Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri hadir sendiri di Dewan ini untuk menjelaskan kepada semua anggota Dewan bahawa ianya merupakan satu perkara yang sangat penting dan ianya tidak boleh dipandang remeh. Walaupun Menteri berkenaan telah pun membuat kenyataan yakni, perjanjian ini tidak sekali-kali akan menjejaskan kepentingan negara dan kalau itu berlaku, ianya tidak akan ditandatangani. Komitmen ini harus dibuat di dalam Dewan yang mulia ini pada minggu depan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua dalam TPPA yang ingin saya sentuh adalah mengenai dampak kepada golongan pekerja. Pengalaman *Free Trade Agreement* di bawah *North American Free Trade Agreement*, *Canada*, *United States* dan *Mexico* jelas memperlihatkan bahawa pekerja di Mexico memang terjejas akibat daripada *Free Trade Agreement* ini. Kalau kita ambil ini sebagai suatu contoh, maka TPPA ini pasti akan menjejaskan kepentingan golongan bawahan terutama sekali golongan pekerja. Persoalannya ialah apakah kita mengambil kira hal ini? Saya pernah menimbulkan dalam satu forum, apa kena mengena *trade and labor*, perdagangan dengan buruh apa kena mengena? Akan tetapi nampaknya agenda besar negara seperti Amerika Syarikat begitu ghairah mendorong negara-negara kecil seperti kita, Brunei, Vietnam dan sebagainya supaya turut serta dalam agenda besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, TPPA ini akan membawa malapetaka. Sama ada saudara memihak kepada parti 'A', 'B', 'C' atau sebagainya itu tidak penting. Kita berada dalam satu keadaan yang akan jadi gawat apabila ianya terlaksana nanti. Oleh hal yang demikian, saya sekali lagi mengulangi supaya Menteri yang berkenaan hadir di Dewan yang mulia ini, menjelaskan kepada anggota Dewan tentang manfaat ataupun keburukan dan perlu apa kita terlibat dalam TPPA ini.

Saya pindah kepada soal yang memang penting untuk lebih 7 juta umat yang bernama pekerja di Malaysia ini. Isunya ialah mengenai gaji minimum. Walaupun sudah lebih satu tahun gaji minimum ini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 30 April 2012 hingga kini ianya masih belum selesai. Malah terdapat sebilangan syarikat yang meminta supaya diberi pengecualian. Kita tahu bahawa RM763 merupakan pendapatan yang di bawah garis kemiskinan.

Apa ertinya RM900 kalau kita lihat dengan keadaan kos hidup terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan sebagainya, apa ertinya ini?

Tuan Yang di-Pertua, malangnya...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah, boleh celah sikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang nak mencelah. Izinkan? Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Sedar kah Yang Berhormat yang gaji minimum yang dilaksanakan di negara Indonesia, dan berapakah syarikat telah menghadapi *bankruptcy*. Itulah.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Soalan ini patut ditanyakan kepada Menteri Sumber Manusia. Saya tidak ada statistik itu dan keadaan di Indonesia dan keadaan di sini berbeza sama sekali. Praktis atau praktik di Indonesia itu berdasarkan kepada kewilayahan. Ertinya gaji minimum di Jawa Barat beza dengan Jawa Timur dengan Sulawesi dan sebagainya. Jadi saya tidak ada statistik mengenai syarikat bankrap atau sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tapi yang saya nak tegaskan di sini ialah kalau RM900 menjadikan syarikat bankrap, lebih baik jangan berniaga di Malaysia... [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, soal yang berikutnya adalah mengenai umur persaraan minimum atau *minimum retirement age*. Sudah jadi undang-undang, sudah dibahaskan, sudah digazet, sudah diwartakan tetapi masih lagi tidak dilaksanakan sepenuhnya. Dalam Dewan ini saya telah memohon perincian dalam jawab lisan mengenai syarikat-syarikat yang diberikan pengecualian dan apa yang difahamkan bahawa terdapat syarikat-syarikat besar yang juga diberikan pengecualian sepanjang mengenai *minimum retirement age* ini. Saya mohon Kementerian Sumber Manusia untuk memberikan jawapan yang tuntas sepanjang mengenai *minimum retirement age* ini.

Perkara yang berikutnya adalah mengenai kontraktor tenaga kerja. Tadi kita dengar jawapan daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri sepanjang mengenai kontraktor tenaga kerja atau *contractor of labor* ini. Beliau telah mengesahkan memang terdapat masalah sepanjang mengenai kontraktor tenaga kerja dengan majikan prinsipal.

■1230

Inilah yang kita timbulkan beberapa tahun yang lepas sepanjang mengenai undang-undang ini. Kita telah menyatakan bahawa memang kalau ingin dibuat hal yang sedemikian, pemerintah boleh misalnya melaksanakan kontraktor tenaga kerja ini di bawah *Private Employment Agencies Act 1981*, sudah ada. Jadi, perlu apa kita pinda undang-undang itu, yakni Undang-undang Akta Kerja 1955 dengan mengetepikan undang-undang yang sudah sedia ada, yang sesuai untuk dilaksanakan? Saya mohon penjelasan sekali lagi. Sepanjang mengenai kontraktor tenaga kerja ini, apakah manfaatnya sejak pindaan telah dibuat dan sejauh mana ia dapat melindungi kumpulan pekerja yang dikatakan bermasalah itu?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang dicontohi oleh beberapa negara lain di rantau ini dalam beberapa hal. Namun, kita juga kadang-kadang merasa segan oleh kerana amalan dan praktik yang kita lakukan bertentangan dengan semangat Undang-undang Perburuhan Antarabangsa. Sebagai contoh, tindakan menganiaya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja berlaku pada akhir-akhir ini secara berleluasa. Mereka ini merupakan pekerja yang dipilih oleh rakan mereka untuk memimpin kesatuan dan memberikan khidmat yang terbaik kepada kesatuan dan juga anggota mereka. Apa jadi? Mereka dipecat. Apa jadi? Mereka dipinggirkan. Apa jadi? Mereka digantung kerja dan sebagainya.

Jadi, saya berharap Kementerian Sumber Manusia, walaupun kita tahu banyak halangan dan hambatan, untuk bukan hanya memantau tetapi mengambil tindakan tegas terhadap majikan-majikan atau syarikat-syarikat yang menganiaya pemimpin-pemimpin kesatuan kerja dalam melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka selaras dengan peruntukan perlembagaan dan undang-undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu berikutnya adalah mengenai jadual kedua dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Jadual kedua ini mesti dibaca bersekali dengan seksyen 30. Apa dia? Ia adalah berhubung dengan bayaran pampasan kepada pekerja yang dipecat, yang mana kesnya di bawa ke Mahkamah Perusahaan tetapi jadual kedua ini mengehendkan bayaran itu kepada 24 bulan. Kadang-kadang kes yang dibawa ke mahkamah tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 bulan. Ia kadang-kadang melebihi daripada 24 bulan.

Akan tetapi oleh kerana sudah ada jadual ini, presiden atau pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan terikat dengan had 24 bulan ini. Maka oleh hal yang demikian, saya mohon supaya perkara ini dikaji semula kerana kalau tidak nanti, ini dijadikan sebagai alat oleh majikan untuk memecat dan membuang kerja pemimpin-pemimpin pekerja di mana ia boleh dibayar kepada maksimum 24 bulan.

Seterusnya, mengenai kes yang sepatutnya dirujuk ke Mahkamah Perusahaan oleh Menteri. Menteri memang ada kuasa di bawah seksyen 20(3) & 26, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, adalah kuasa Menteri untuk merujuk atau tidak merujuk kes-kes ke Mahkamah Perusahaan. Artinya, Menteri merupakan empangan yang terakhir sama ada mahu dibuka atau tidak. Apa yang sepatutnya dilakukan ialah apa juga kes yang melibatkan pemecatan atau pembuangan pekerja sepatutnya terus masuk ke Mahkamah Perusahaan kerana di sanalah peluang untuk pekerja membela diri dan mempertahankan kesnya.

Perkara yang berikutnya adalah mengenai kebangkrapan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh mencelah? Yang Berhormat tahu kah berapa banyak kes pertikaian perusahaan? Yang Berhormat kata minta Menteri *settle* semua tetapi tidak sempat. Bukan senang. Cakap bolehlah. Yang Berhormat tahu kah berapa kes pertikaian Mahkamah Perusahaan tiap-tiap tahun, tiap-tiap bulan? Nyatakan.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya tidak ada jumlah kes tersebut atau bilangan tersebut dan ini boleh kita minta daripada Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi isunya ialah kalau misalnya...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih banyak lagi, Yang Berhormat? Boleh gulung ya. Sila gulung.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya hendak habiskanlah. Saya ada tinggal lagi dua atau tiga *point* lagi. Dua atau tiga *point* lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi dua minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Okey, okey. Saya hendak habiskan dua atau tiga *point* lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, boleh mencelah? Boleh, boleh mencelah?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Jadi, saya hendak balik kepada soal tadi dan meminta supaya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Masa sudah singkat sangat. Masa singkat sangat. Minta maaf. Kita boleh bincang di luar.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Balik kepada soal ini dan oleh kerana..., saya mengatakan ini hak pekerja untuk membela diri dan itulah ruang yang ada pada dia. Dua *point* lagi iaitu mengenai kebangkrapan. Kita tahu bahawa banyak juga orang-orang muda yang telah di isytihar muflis dan ini merupakan satu hal yang sangat menyedihkan. Kadangkala bukan kerana kesalahan mereka sendiri. Kadangkala kerana mereka menjadi penjamin. Kita dapat tahu bahawa baru-baru ini Menteri yang berkenaan telah menyatakan akta akan dikaji semula. Sepanjang hal ini, kita minta supaya ia disegerakan supaya perlindungan boleh diberikan kepada orang-orang yang diisytiharkan muflis atau bankrap yang terdiri daripada penjamin-penjamin misalnya sebagai contoh, yang tidak mendapat apa-apa manfaat daripada proses tersebut.

Akhir sekali, *akhirul kalam*. Saya menyambut lontaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Haji Ahamad pada hari Isnin. Cuma, saya berbeza sedikit. Lontarannya adalah mengenai kenaikan manfaat anggota Dewan. Berbeza dalam erti kata bahawa bukan soal itu yang kita kata tidak penting tetapi yang lebih penting adalah hal mengenai kemudahan untuk penyelidikan. Kemudahan untuk membuat rujukan, kemudahan untuk membantu kerja-kerja yang sebenarnya penting dalam urusan Parlimen ini. Oleh hal demikian, kita minta supaya ada atau disediakan pegawai-pegawai penyelidik...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: ...Pembantu-pembantu dan sebagainya untuk membantu anggota-anggota Dewan yang memerlukan penyelidikan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sebentar? Saya tidak faham apakah Yang Berhormat Tuan Syed maksudkan. Berbeza atau hendak tambah lagi? Saya rasa begini. Saya bersetuju juga dengan apa Yang Berhormat sebut itu supaya kemudahan-kemudahan untuk kita membuat penyelidikan ditambah. Akan tetapi pada masa yang sama, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Haji Ahamad itu saya rasa patut juga kita sokonglah. Jadi bukan berbeza. Rasa kurang sedikit dan perlu tambah yang lain.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya, sebab tadi saya kata saya menyambut lontarannya. Lontaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Haji Ahamad itu saya sambut. Tidak apalah, kita bincang kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat. Gulung, Yang Berhormat. Sila gulung.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Oleh kerana banyak gangguan tadi, saya hilang punca. Penambahbaikan ini penting untuk kebaikan kita semua. *Akhirul kalam*, saya tutup dengan pantun orang Minang.

*Tasandek tapak menurun,
Takikih kaki dek mandaki,
Adat jo syarak tasusun,
Bumi sanang padi menjadi.*

*Dari awal sampai ka akhie,
Gawa jo khilaf sifat kito,
Nak jan binaso papan dek ukie,
Barilah maaf badan ambo.*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada pantun lagi, Yang Berhormat?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: ...Ya maaf humnya.

■1240

*Dari awal sampai ke akhir,
Salah dan khilaf sifat kita,
Agar jangan binasa papan diukir,
Berilah maaf diri hamba.*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih... [*Tepuk*] Seterusnya, mungkin Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok ingin menyambung perbahasan beliau. Silakan Yang Berhormat.

12.41 tgh.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, ada mangsa strok yang tidak dapat memahami bahasa. Ada mangsa strok yang hilang ingatan. Strok adalah jauh lebih bahaya daripada serangan jantung. Bagi mangsa strok, ramai perlu mendapatkan rawatan fisioterapi tetapi pemulihan cara kerja dan rawatan terapi percakapan. Jika mangsa strok dapat dihantar ke hospital secepat mungkin, diharapkan bahagian otak rosak akan berkurangan. Tahap hilang upaya juga akan berkurangan. Tahap kematian akibat strok juga dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah pertama, bagaimanakah hospital besar dan hospital daerah dapat menangani pesakit strok?

Kedua, bagaimanakah Kementerian Kesihatan dapat mengabaikan agar di Malaysia?

Ketiga, apakah langkah-langkah Kementerian Kesihatan untuk meluluskan rawatan tradisional sepertiurut dan akupunktur? Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong. Dato' Boon Som a/l Inong tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Mahat. Silakan Yang Berhormat.

12.42 tgh.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan ini saya terlebih dahulu saya simpatilah dengan rakan saya iaitu Yang Berhormat Senator Puan Chew di atas apa yang dialaminya. Sebagai rakan, saya harap Yang Berhormat dapat bersabar menerima cabaran daripada Allah SWT dan saya doakan beliau cepat sembuh seperti sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, di bulan Ramadhan al-Mubarak yang mulia dan penuh barakah ini marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberikan nafas dan berkesempatan untuk sekali lagi bersama-sama berbahas di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan sembah dan Menjunjung Kasih Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Diraja ketika merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 pada hari Selasa bersamaan 25 Jun 2013 yang lalu.

Sesungguhnya, Titah Ucapan Diraja itu menggambarkan perasanan suka cita Baginda ke atas kemakmuran dan pembangunan negara di bawah usaha keras kerajaan sekarang.

Kita percaya bahawa komitmen kerajaan sekarang di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui agenda transformasi nasional melalui program-program Bidang Keberhasilan Negara yakni NKRA, Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) telah berjaya menyatukan rakyat semua dalam menggembelng tenaga menjayakan matlamat negara ke arah maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap lebih jauh lagi, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan syukur dan Menjunjung Kasih atas Titah Yang di-Pertuan Agong Almu`tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj *Abdul Halim* Mu`adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah berkenan melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih. Saya juga berterima kasih dan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sempena Hari Keputeraan Baginda telah menganugerahkan saya Darjah Kebesaran P.J.N yang bergelar 'Panglima Jasa Negara' iaitu bergelar Datuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Tahniah sekali lagi Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Kepada Duli Tuanku, patik mendoakan semoga Duli Tuanku sentiasa sihat, segar dan didoakan sentiasa di dalam peliharaan Allah SWT.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih khasnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri yang telah menyokong kuat di atas pelantikan saya dan juga penganugerahan saya pada kali ini. Saya juga mendoakan kedua-dua tokoh ini sentiasa segar dan sihat, dipelihara oleh Allah SWT dan terima kasih daun keladi... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri kerana telah bekerja keras sehingga Barisan Nasional menang dan membentuk kerajaan hari ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak kerana dilantik sebagai Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan-rakan kita iaitu rakan-rakan wanita yang telah diberi peluang untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum Yang Ke-13 yang lalu. Namun isunya sekarang, kadar penglibatan wanita dalam Parlimen daripada segi peratusannya agak ke belakang kalau dibandingkan dengan negara lain seperti Indonesia dan juga Singapura. Mengikut statistik tentang dikeluarkan oleh SPR, statistik calon Parlimen mengikut jantina setiap negeri terdapat hanya 56 calon wanita berbanding dengan 523 calon lelaki yang bertanding.

Kita ada 222 Kerusi Tuan Yang di-Pertua. Hanya 22 Kerusi yang diduduki oleh wanita. Oleh kerana saya hari ini calon wakil daripada wanita duduk di sini, saya kalau tidak cakap pasal wanita, nanti wanita marah saya juga Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul itu Yang Berhormat, betul. Teruskan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Iaitu saya hari itu tidak terpilih ... *[Ketawa]*. Kita yang ada jawatan, jangan banyak-banyak sangat. Betul atau tidak Yang Berhormat Senator Dato' Haji Yusof? Jadi hanya lebih kurang 9 peratus sahaja wanita manakala 91 peratus kerusi diduduki oleh orang lelaki. Tuan Yang di-Pertua boleh tengok bezanya terlalu jauh. Macam bumi dengan langit. Mungkin lebih daripada itu agaknya. Sebanyak 9 peratus daripada 91 peratus. KPWKM tidak ketinggalan merangka pelbagai pelan tindakan bagi menambah jumlah perkhidmatan wanita di Parlimen. Namun, apa sudah jadi? Kenapa statistik kita semakin menurun? Apakah rancangan yang akan dilakukan oleh kerajaan dalam memulihkan dan menangani kekurangan ini agar matlamat kita mencapai matlamat 30 peratus penglibatan wanita dalam membuat dasar negara?

■1250

Rasanya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak kurang dengan tenaga pakar wanita. Lebih 65 peratus yang masuk universiti adalah wanita. Ramai cerdik pandai adalah wanita. Ini orang lelaki jangan terasa hatilah. Dia pun pandai juga tetapi pandai yang bab lainlah agaknya. Orang yang setia dengan negara dan parti adalah wanita. Orang yang setia pada suami juga wanita. Orang yang kerja kuat pilihan raya adalah wanita. Orang yang ramai di Malaysia sebagai pengundi juga adalah wanita. Akan tetapi saya tidak menafikan kekuatan orang lelaki kerana tanpa lelaki tidak ada wanita, tanpa wanita tidak ada lelaki. Jadi, kita ini kedua-dua kena sama-sama. Ada wanita dan ada lelaki, baru ia seimbang. Kalau orang lelaki tidak ada wanita di rumah cuba tengoklah macam mana cara dia.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon yang amat sangat jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang tersayang supaya dapat menimbang kedudukan wanita dalam semua peringkat terutamanya di dalam Dewan Negara ini. Sekarang ini kita ada tinggal lebih kurang 55 buah Kerusi. Jadi, ada baki lagi yang belum diisi. Untuk itu apa salahnya sekiranya dapat diisi kekosongan itu kepada calon-calon wanita. Sebagaimana yang saya katakan tadi wanita bukan tidak ada yang berkaliber. Ramai sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Cuma orang lelaki ini dia memang macam tidak nampak sahaja. Jadi, kalau boleh diisi bukan suruh isi semua. Baki itu ada berapa, isi setengah cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh penasihat-penasihat kepada Menterikah, Perdana Menterikah, Timbalan Perdana Menteri, GLC, setiausaha politik, ahli-ahli lembaga pengarah dan juga kalau boleh dapat dimuatkan kepada wanita. Tuan Yang di-Pertua, tangan yang mengayun tangan itu boleh menggoncang dunia. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengutarakan, kalau dalam Dewan yang lepas saya pernah mengutarakan perkara ini iaitu mengenai dengan elaun Ahli Dewan Negara. Walaupun telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, yang kata rakan saya pembangkang tadi, dia macam takut hendak cakap dan sokong. Akan tetapi dia pun menyokong juga. Main selamat ini bahaya juga.

Akan tetapi kalau hendak sokong bagi kita biar terus terang. Hendak sokong cakap sokong nanti kita tambah lagi. Hah! Itu baru betul. Orang Barisan Nasional ini kalau dia kata dia hendak, dia minta, dia cakap betul-betul. Kita jangan sorok-sorok. Betul atau tidak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian..?

Beberapa Ahli: Betul [Tepuk]

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya. Saya kira elaun Ahli Dewan Negara telah lama tidak dikaji semula. Jadi, saya mohon kenaikan ini dikaji untuk kenaikan selaras dengan perkembangan semasa dan selaras dengan tugas Ahli Dewan yang semakin bertambah. Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu bajet ini dibawa ke Parlimen dahulu. Jadi, oleh kerana sana tidak lulus, sini tidak boleh buat apa. Hari ini kita cadangkan bawa dekat Dewan Negara dahulu. Biar kita luluskan dekat sini dahulu kerana kita peringkat yang tertinggi. Kita luluskan dahulu baru bawa ke sana. Jadi, tidak terbalik. Saya tahniah kepada...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh itu, tidak boleh. Terbalik tidak boleh.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terbalik ya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: No.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Kita kalau boleh jangan... Itu cadangan. Saya sebenarnya dari hari mula saya masuk saya tengok Dato' Seri Shahidan bin Kassim daripada mula, dia kalau tidak ada sekejap sahaja. Saya tahniah kepada Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri barulah. Menteri baru dapat duduk bersama-sama dengan kita mendengar masalah kita. Pemimpin yang macam inilah kita hendak cari. Kita berikan tepukan kepada beliau inilah... [Tepuk] Bukan hendak mengampu tetapi lebih kurangnya... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ini rakan-rakan saya...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah itu.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Celahlah tetapi sekejap sahaja. Tuan Yang di-Pertua, yang mencelah ini jangan masuk kira ya, saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia kena masuk Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniahlah di atas saranan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah sebentar tadi. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, boleh atau tidak kita masukkan serentak oleh kerana bajet yang di peruntukan oleh seluruh Ahli Dewan Negara ini untuk tiga tahun terlalu kecil sebenarnya RM200,000. Kalau di sekaligus dengan pandangan Yang Berhormat tadi untuk dinaikkan supaya servis kita kepada masyarakat lebih berkesan. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Itu saya belum habis hendak cakap lagi Yang Berhormat. Ini hendak cakaplah ini. Kita hari ini baru lepas pilihan raya ini biar kita cakap habis-habis. Jadi, saya memang hendak masukkan benda itu dekat dalam ini tetapi Yang Berhormat sudah cakap itu okeylah. Jadi, saya ini sambung apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Jadi, saya sokong tadi daripada RM200,000 kepada 500,000 ya. Jadi, saya mintalah kepada yang di atas. Kita ini sudah cakap banyak kali. Ada orang bab ini dia takut hendak cakap. Minta Menteri tolong bawakanlah. Kira memang Jempollah ya. Kalau boleh jangan lepas tiga tahun, secepat mungkin yang bolehlah. Jangan sampai kita berhenti.

Ini sebenarnya kerja Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini kadang-kadang lebih dahsyat daripada wakil rakyat. Dia tidak boleh minta wakil rakyat, dia minta dengan kita. Kalau ada tiga DUN Tuan Yang di-Pertua, kalau tiga-tiga pengundi DUN semua minta dengan kita, tidak senget bahu kita? Dua-dua senget, tidak boleh tegak kita jalan. Elaunnya berapa? Saya hendak cakap pun segan, betul atau tidak? Nanti Tuan Yang di-Pertua boleh memikirkkanlah, Menteri.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini bab hal kita dahululah ya. Kita kalau hendak perjuangkan yang lain kita kena perjuangkan bab ini juga. Jangan cerita bab lain, cerita bab kita, kita terbiar. Hah! Ini bukan disuruh bab macam itu. Kita kena seimbang. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kita dekat sini sepenggal ialah tiga tahun. Tiga tahun ini kata orang tidak boleh buat apa. Kalau budak berlari baru hendak jatuh-jatuh. Belum berdiri lagi. Jadi, saya cadangkan kalau boleh kita pergi tiga tahun ke lima tahun. Biar banyak sahaja, nanti kalau diminta dia turunkan sedikitlah. Jadi, saya setuju lah itu. Tiga tahun kepada lima tahun. Ada orang kata ini perlembagaan tidak boleh pinda. Apa yang tidak boleh pinda al-Quran sahaja, yang lain boleh. Betul atau tidak Dato' Seri Shahidan? Ya.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hendak kepentingan, tidak. Saya angkat tanganlah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kalau kita tidak memperjuangkan hak-hak kita ini, siapa yang hendak perjuangkan. Mungkin hari ini kira perjuangkan hak kita, orang lain yang mendapat faedahnya, *alhamdulillah*. Akan tetapi kalau boleh biarlah ini rasa saya Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof ini pun sudah hendak habis. Jadi, kalau cepat itu lagi baik... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kepada rakan-rakan kita yang sudah lama berkhidmat ini kalau boleh selepas berhenti itu adalah dia punya imbuhan. Kalau boleh berilah tambang haji percuma kepada rakan-rakan kita yang sudah tamat. Ini untuk orang yang beragama Islamlah atau gratuitinya ditambah lebih. Ini ada yang tukang sampuk-sampuk belakang ini. Jadi, kalau dia tidak cakap nanti, saya tidak sampaikan nanti saya berdosa juga Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dia suruh cakap, hari ini saya sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, yang bab itu sudah habis. Kita pergi ke bab lain pula. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan bab pendidikan. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas penggabungan dua buah *heavy weight*. Kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita sekarang tepat pukul 1 petang. Mungkin Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang nanti.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 10 minit ya Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Insyallah* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita kena tangguhkan Dewan ini hingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.31 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sekalian sekarang kita mulakan persidangan kita. Saya dapat rekod ini Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat sambung ucapan Yang Berhormat. Sebelum daripada itu saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, siapa nama-nama yang ada senarai ini, diharap berada di dalam Dewan. Oleh kerana untuk melicinkan perjalanan Dewan kita pada hari ini. Kita hari ini tidak ada sambung. Kita akan berhenti jam 5.30 petang. Siapa yang difikirkan kalau ada- boleh kita habiskan hari ini, kita habiskan semua. Yang lain itu mungkin kita sambung esok. Sekian, kita mulakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Mempersilakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung kepada Kementerian Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas penggabungan dua buah *heavyweight* iaitu Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi yang sentiasa mempunyai hubung kaitnya, ibarat sirih pulang ke gagang. Saya mengalu-alukan penggabungan kedua-dua kementerian ini bagi terus mengukuhkan sistem pendidikan negara.

Namun pada pandangan saya, apabila penggabungan ini berlaku maka penyelarasan fungsi kedua-dua kementerian ini wajar dilakukan supaya tidak berlaku pertindihan peranan antara kedua-dua kementerian ini. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan kementerian ini akan terus memacu kecemerlangan pendidikan negara ke tahap yang setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan graduan menganggur dan Program Tambah Nilai Siswazah. Isu graduan menganggur adalah isu yang saban tahun. Isu pokok di kalangan siswazah tahun akhir di universiti. Merujuk kenyataan Timbalan Menteri Sumber Manusia pada Mei 2012, seramai 76,000 siswazah tidak mempunyai kemahiran untuk mencari pekerjaan. Sikap mahasiswa ini termasuklah sikap siswazah yang terlalu bergantung kepada orang lain untuk menyampaikan maklumat mengenai peluang kerja serta tidak tahu bagaimana untuk memohon, menyumbang kepada pertambahan kadar pengangguran.

Justeru apabila Perdana Menteri memperkenalkan Program Felo Perdana pada awal bulan Jun pada tahun ini, ia adalah untuk memberi anak muda Malaysia yang cemerlang dan berbakat dalam pengalaman secara langsung dalam urusan tadbir negara. Felo akan bertugas di peringkat tertinggi dalam Kerajaan Persekutuan membantu Menteri Kabinet dalam melaksanakan agenda nasional termasuklah mempunyai minat dalam hal ehwal awam dan perancangan dasar kerajaan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, semalam saya duduk dengan ada dua felo yang sama buka puasa semalam petang.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas usaha yang dilakukan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri bagi melatih anak-anak muda dan graduan kita menimba ilmu dan seterusnya mengurangkan angka siswazah menganggur. Namun demikian, saya berpandangan juga mengapa tidak kita menyatakan usaha sebegini di kalangan Ahli-ahli Parlimen di mana mahasiswa, siswazah ini dapat melihat kerja-kerja dan proses-proses penggubalan undang-undang dilaksanakan di dalam negara.

Malahan program yang baik ini jika berjaya mungkin boleh dirakytakan pula di bawah ketua-ketua setiausaha kementerian dan badan berkanun yang lain memandangkan peranan dan tanggungjawab pembuat dasar di peringkat tertinggi akan dapat diteladani mahasiswa, siswazah yang menganggur.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pemerksaan program keusahawanan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Antara inti pati Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam menyentuh berhubung dengan program kesukarelaan dan keusahawanan di kalangan mahasiswa. Di dalam kertas penyelidikan yang bertajuk Aspirasi Kerjaya Keusahawanan di dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditulis Nor Fadhillah Nasharuddin di dalam *Jurnal Pendidikan Malaysia 2010*.

Kajian menunjukkan pelajar IPTA masih belum menunjukkan minat untuk menjadi usahawan yang mana hanya 60 peratus sahaja menyatakan minat mereka. Walaupun 80 peratus bersikap positif terhadap kerjaya usahawan ini, namun 33 peratus sahaja yang pernah hadir kursus dijalankan di peringkat universiti. Justeru, apakah tindakan proaktif yang digembleng di peringkat Kementerian Pendidikan memandangkan pihak universiti dan dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu MECD banyak menyediakan peluang kursus untuk pelajar menjadi usahawan secara percuma.

Walaupun mahasiswa ini kadangkala telah menghadiri program siswa niaga bagi melayakkan mereka mendapatkan premis bagi berniaga di dalam universiti, namun usaha ini terhenti apabila mahasiswa telah tamat pengajian dan kadangkala mahasiswa ini hanya melihat *market* dan kumpulan sasaran di kalangan mahasiswa semata-mata. Justeru adakah Kementerian Pendidikan boleh mempertimbangkan siswazah yang terlibat dalam program keusahawanan di universiti ini menyediakan program transisi daripada keusahawanan di universiti ke dalam *market* yang lebih luas lagi.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dalam kehidupan mahasiswa di universiti. Pada tahun ini tahun 2013 genap usia Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yakni AUKU berusia 42 tahun. Sepanjang tempoh usia itu AUKU telah mengalami lima kali pindaan sepanjang tempoh penguatkuasaannya termasuklah pada tahun 1975, tahun 1983, tahun 1996, tahun 2009 dan terakhir iaitu 2012. Sepanjang tempoh tersebut pindaan terhadap akta kontroversi ini boleh dilihat pada tahun 1975 ketika Dr. Mahathir menjadi Menteri Pelajaran. Tahun 2009 memberikan liberalisasi terhadap kebebasan mahasiswa terlibat dengan badan bukan kerajaan. Pada tahun 2012 pula melibatkan peruntukan seksyen 15 berhubung kebebasan berpolitik mahasiswa.

Kewujudan AUKU boleh dikatakan rentetan daripada sebuah laporan Jawatankuasa Majlis Gerakan Negara mengkaji kehidupan penuntut-penuntut di kampus di Universiti Malaya pada tahun 1971.

■1440

Hasil daripada laporan ini, maka jawatankuasa telah merumuskan terdapat beberapa badan pelajar yang telah mengembangkan kesedaran dan minat mahasiswa di dalam politik seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia (PKPM) seawal tahun 1960-an dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan kesan langsung partisipasi. Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya dalam Pilihan raya Umum 1999 telah memberikan kesan yang tidak baik kerana memandangkan ia satu badan pelajar dan resolusi penting ini termasuklah pindaan kepada perlembagaan universiti pada masa hadapan. Peruntukan khusus hendaklah dibuat untuk melarang sebarang persatuan pelajar mengambil bahagian dalam pilihan raya politik di luar kampus.

Pada tahun 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak membuat langkah transformasi politik mahasiswa apabila meminda peruntukan seksyen 15, AUKU bagi membenarkan mahasiswa terlibat dengan politik di luar kampus.

Hasilnya penubuhan kelab penyokong Barisan Nasional, Kelab Anak Muda Keadilan dan sebagainya mula tumbuh bagi menarik minat mahasiswa. PRU Ke-13 menyaksikan sejumlah besar mahasiswa muka berkecenderungan terlibat dengan aktiviti parti-parti politik. Justeru kajian ini lebih menjurus sebagaimana mahasiswa dapat diajar dengan politik nilai, politik baru dan bukan politik demonstrasi dan maki hamun perlu dibuat kajian semula.

Oleh itu, setelah 40 tahun AUKU digubal serta langkah kerajaan meminda seksyen 15, AUKU, adakah kerajaan akan membenarkan sebuah lagi jawatankuasa mengkaji kehidupan pelajar-pelajar di kampus universiti. Jawatankuasa ini dilihat penting memandangkan persoalan mahasiswa bukan sahaja melibatkan politik malahan kepimpinan kampus, *facility*, penglibatan persatuan, jam kredit, kolej kediaman dan sebagainya. Sinergi baru penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran di bawah Kementerian Pendidikan kehidupan mahasiswa perlu dinilai semula.

Bagi melihat kelompangan di dalam membangunkan mahasiswa selain dari hak berpolitik semata-mata. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan dasar memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuh bahasa Inggeris iaitu MBMMBI sejak tahun 2011 yang bertujuan menggantikan PPSMI.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada 3 minit lagi.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya baru dilantik, saya tiada peluang untuk membuat soalan. Ada 20 soalan itu dan saya kalau kerap bangun hendak minta jawab soalan tambahan pun tidak dapat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Nanti sampai masanya...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Itu yang macam kalau cakap itu macam sedih pula hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey jalan dulu. Apabila sampai masanya.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebab itu saya suka dengan Tuan Yang di-Pertua itu... [*Ketawa*] Nanti ada pantun saya dengan Tuan Yang di-Pertua. Selagi belum ada pantun, Tuan Yang di-Pertua jangan minta suruh saya berhentilah.

Tuan Yang di-Pertua: Pantun kemudian, teruskan bercakap.

Datuk Hajah Noriah Binti Mahat: Soalan saya, apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak dasar ini dilaksanakan terutama dalam memastikan Bahasa Kebangsaan dapat dimartabatkan di samping dapat memastikan pelajar terus dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik yang selaras hasrat di bawah anjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (NEPPM 2013-2025). Adakah KPM atau Kementerian Pelajaran juga tidak berhasrat untuk mengembalikan penggunaan istilah Bahasa Melayu menggantikan Bahasa Malaysia seperti yang termaktub di dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan agama kini mula menjadi pilihan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka namun jumlah sekolah yang menawarkan aliran ini masih berkurangan. Dari maklumat yang diperolehi sehingga kini hanya terdapat 195 buah sekolah yang dijadikan sebagai sekolah agama, bantuan kerajaan yakni SABK yang mendapat peruntukan tetap. Guru yang bertauliah dan menjalankan kokurikulum kebangsaan dan juga kokurikulum agama. Saya ingin bertanya apakah perancangan Kementerian Pendidikan untuk menjadikan SABK sebagai pilihan utama bukan sahaja dari segi kualiti tetapi juga kuantiti. Apakah usaha-usaha KPM dalam membantu sekolah-sekolah agama di luar sistem KPM bagi memastikan pengajian agama tidak terpinggir dan terus diberikan perhatian oleh kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda menyeru rakyat supaya membuang sifat-sifat yang membawa kepada perpecahan sebaliknya mencari titik persefahaman dan mengeratkan perpaduan sekalian rakyat dari segenap bangsa di seluruh tanah air kita, dari Perlis hingga ke Sabah dan Sarawak. Nanti orang Sarawak marah pula.

Hasrat Baginda begitu besar sekali agar rakyat negara ini terkenal dengan pelbagai kaum, budaya dan bangsa.

Dapat hidup aman, damai dan mencapai penyatuan nasional di bawah pemerintahan baginda. Kita lihat sejak akhir-akhir ini terutamanya selepas penggunaan media massa meluas dengan pelbagai saluran tanpa sempadan isu-isu yang menyebabkan perpecahan kaum agak membimbangkan. Melalui *blog*, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya melalui penulisan gambar dan lain-lain orang kata sekeping gambar boleh menyampaikan beribu cerita. Itulah yang berlaku pada masa ini terutamanya di kalangan golongan muda yang kadang-kadang memudaratkan keharmonian negara.

Meskipun wujud mekanisme undang-undang yang wujud di negara ini dalam membendung individu yang tertentu atas dasar salah laku namun jelas sekali maklumat gambar dan cerita ini boleh disampaikan kepada individu tanpa batasan. Perkara begini tidak dapat disekat sepenuhnya melainkan perubahan sikap terhadap individu itu sendiri. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar lebih banyak Program Bina Semangat serta program di bawah Biro Tatanegara dikembangkan dan jika perlu adakan kerjasama dengan NGO dengan persatuan penduduk di taman-taman perumahan diwujudkan dan dilaksanakan.

Perpaduan nasional di kalangan rakyat di luar bandar kita dapat lihat sikap toleransi antara kaum, sikap hormat-menghormati dan memahami antara kaum, menghormati agama pegangan serta budaya masing-masing malah kita lihat orang Cina boleh menjadi tok dalang wayang kulit, menyanyi lagu *dondang sayang* dan sebagainya. Namun, suasana begini jarang berlaku di bandar-bandar. Justeru apakah perancangan kerajaan di dalam suasana seperti di luar bandar itu boleh terdapat di bandar. Program dilaksanakan bersama NGO, kajian keberkesanan program serta mengadakan program-program berkaitan bagi memastikan program yang dilaksanakan diperbaiki dan ditambah baik untuk menjadi lebih efektif dan berkesan lagi pun program agak tidak sama di antara bandar dan di luar bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pasangan Alvin Tan dan Vivian Lee. Saya rasa saya tidak perlu hendak sentuh kerana rakan-rakan saya pun sudah menyentuhnya. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, sejauh manakah pemantauan dilakukan terhadap *blog-blog*, *YouTube* dan laman-laman sosial yang menjejaskan keharmonian masyarakat. Saya juga ingin mencadangkan juga agar jumlah kes dan nama-nama individu yang didakwa mengikut seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 terhadap kesalahan menyalahgunakan kemudahan rangkaian sosial dipamerkan di laman sesawang dan SKMM.

Ini kerana kita tidak mahu laman sosial yang sepatutnya menjadi medan penjana ilmu disalahgunakan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, jikalau hendak ikutkan cerita pasangan sekarang ini banyak cerita-cerita pasangan Alvin dan...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Alvin itu sudah banyak disebut agaknya tidak payahlah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak mencadangkan begini Tuan Yang di-Pertua, kita minta kalau boleh pihak kerajaan kita mengambil tindakan yang tegas. Ini kerana kalau ikut di Pakistan orang yang menghina agama ini dipenjarakan seumur hidup. Jadi saya minta kalau boleh Kerajaan Malaysia ini jangan terlalu tunduk sangat. Kita minta Menteri Dalam Negeri, orang baru ini tahniah dia tegas, kalau boleh kita minta dia tegas lagi.

Jadi seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan *shisha*. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong keputusan yang dibuat oleh Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang mengharamkan *shisha*.

■1450

Jelas sekali keputusan ini amat tepat dan mengikut kehendak Jadual IX Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan pihak berkuasa agama Islam negeri mempunyai kuasa untuk melaksanakan hal ehwal pentadbiran agama Islam. Amalan menghisap *shisha* bukan sahaja membuang masa tetapi memudaratkan kesihatan terutama bagi golongan belia dan remaja. Malahan, pakar-pakar dari Kementerian Kesihatan turut mempunyai bukti kemudaratannya akibat *shisha*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya memang hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey... [Ketawa]

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya pantun belum lagi ini. Saya tadi pasal ada orang banyak ambil masa saya yang celah-celah tadi. Oleh sebab itu, orang tidak suka celah, macam itulah. Jadi, macam itu lah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi yang mencelah Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tidak ada. Saya memang tidak bagi celah-celah itu. Ini sempena menyambut Tahun Melawat Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Dahulu yang lepas saya ada membangkitkan mengenai dengan Muzium Bukit Kepong. Hingga ke hari ini, Muzium Bukit Kepong itu tidak dibuat lagi. Satu lagi di kawasan Parlimen Pagoh ini, kawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini banyak tempat-tempat yang bersejarah.

Jadi, kalau boleh dibuatkan cepat dan satu lagi tempat bersejarah makam Sultan Alauddin Riayat Syah I, Pagoh, kalau boleh dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan mohon disenaraikan dalam kalendar tempat pelancongan dan termasuk juga dengan Muzium Bukit Kepong ini kalau boleh kita minta buat segeralah. Sudah lepas pilihan raya ini Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi ini orang kampung memang hendak suruh cakap, orang belia-belia ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak cakap nanti, saya kata Tuan Yang di-Pertua tidak bagilah. Betul tidak?... [Ketawa]

Ini Kementerian Belia dan Sukan ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada Yang Berhormat Menteri baru, orangnya *fresh* lah. Orang muda, orang belia memang belia lah. Orang muda. Bukan orang belia, orang tua yang memegang belia itu tidak. Jadi, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, kita hendak ambil pewaris-pewaris bangsa kita ini hendak kita gagahkan. Dahulu ada pegawai penyelarasan DUN-DUN. Selepas itu dimansuhkan.

Jadi, saya hendak mohon kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan supaya pegawai penyelarasan DUN-DUN ini dihidupkan semula. Satu lagi, saya ringkaskan sahaja. Takut kena banyak kali *warning* nanti susah. Ini kerana dengan adanya penyelarasan DUN-DUN ini, ia dapat mengumpulkan belia-belia Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, tiada makna kita kata kita hendak hebatkan orang muda, tidak ada makna. Lebih baik kita tidak payah cakap itu, kalau kita sudah buat ini, kita boleh teruskan ayat-ayat yang macam mana pemimpin kita bercakap itu.

Keduanya, kita hidupkan semula persatuan-persatuan belia yang sudah berkubur, yang dekat bawah itu. Dekat atas itu cantik, yang bawah itu tidak berapa cantik. Hidupkan belia-belia yang sudah berkubur dan tidak berfungsi terutamanya di luar-luar bandar. Persatuan Belia. Sini ada pakar rujuk saya ini, *alhamdulillah*.

Kemudian itu saya mohon Kementerian Belia dan Sukan supaya mengembalikan insentif tabung. Saya difahamkan dahulu RM3,000 kepada persatuan-persatuan belia ini untuk mereka menggerakkan aktiviti-aktiviti mereka. Okeylah, saya tengok Tuan Yang di-Pertua tenung saya, takut pula saya. Akhir kata...

Tuan Yang di-Pertua: Ha, boleh pantun dah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya, boleh pantun sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh pantun sekarang.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Akan tetapi sebelum saya pantun ini ada cerita sedikit Tuan Yang di-Pertua. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pengundi-pengundi Barisan Nasional yang telah memilih Barisan Nasional sebagai pilihan mereka di dalam Pilihan Raya Umum Ke-13... [Tepuk]

Saya hendak cerita sedikit pasal Pilihan Raya Umum Ke-13 ini macam kawan saya juga Dato' Lim Nget Yoon. Dia kata hari itu cerita fasal pengundi hantu, dakwat kekal dan *blackout*. Saya hari itu dengar cerita, tengah hari Tuan Yang di-Pertua kata DAP, "*Oh, kita sudah menang, kita sudah boleh perintah.*" Selepas itu pula, kata Ketua Pembangkang dia pula kata "*Kita sudah memang, dia hendak angkat sumpah tunggu Yang di-Pertuan Agong bangun tidur.*" Ini kan namanya biadab Tuan Yang di-Pertua?

Selepas itu pula, malam itu pula tengah malam Barisan Nasional pula menang. Kita tahniah kepada Barisan Nasional menang diumumkan pada malam itu. Selepas kita menang itu Tuan Yang di-Pertua, kita pula dengar dia kata popular *vote*. Dia kata dia banyak tetapi dia kalah. Macam mana akal ini memikirkan?

Kalau sudah popular, dia menang. Kalau Barisan Nasional menang maknanya kitalah yang popular. Betul tidak? Apa cerita ini Tuan Yang di-Pertua? Dia kira macam mana? Kalau dia tidak pandai kira, panggil kita kiralah. Kita tidak mahu dia syok sendirilah Tuan Yang di-Pertua. Biarkan ya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari Pilihan Raya Kecil di Kuala Besut. Kita doakan supaya Barisan Nasional menang besar di DUN Kuala Besut, Terengganu [Tepuk] Sebelum itu, ada juga cerita-cerita dia Tuan Yang di-Pertua. Dia kata Tan Sri Muhyiddin bagi duit raya RM500,000. Kemudian dahulu kata, dakwat kekal yang hari itu tidak betul. Sekarang ini sudah dibetulkan oleh SPR, sekarang ini kata dia dakwat kekal ini tidak boleh bawa sembahyang pula. Pun tidak betul juga. Hari itu kata betullah dibetulkan, SPR pun tidak betul. Kemudian dia bawa fitnah, macam-macam fitnah.

Jadi, kita beritahu dengan rakan-rakan pembangkang yang dekat sana Tuan Yang di-Pertua, fitnah ini lebih dahsyat daripada membunuh dan berzina. Saya tidak hendak keluarkan ayat al-Quran. Betul tidak? Saya rasa yang lain-lain itu tahu ayat al-Qurannya. Jadi, akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya berterima kasih banyak-banyak kerana memberi ruang sedikit kepada saya untuk membahaskan ucapan Titah Diraja pada petang ini. Kepada pengundi-pengundi,

*Pulau pandan jauh ke tengah,
Sampan mudik ke Indera giri,
Hancur badan di kandung tanah,
Budi kamu yang baik dibawa mati.*

Ini khas untuk Tuan Yang di-Pertua,

*Kapal dagang dari Kenya,
Singgah berlabuh di Pulau Cemara,
Tan Sri Abu Zahar tampan orangnya,
Menjadi tunggak Dewan Negara.*

Tahniah Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik sekali lagi menjadi Speaker Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang buat saya susah ini. Nanti Yang Berhormat... Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tadi Tuan Yang di-Pertua, kita sudah bercakap pun fasal elaun dan saya ingin tambah kalau boleh rakan-rakan kita yang sudah habis di dalam Ahli Dewan Negara ini, keluarnya dapat pergi tambang haji percuma untuk kami semua. Yang bukan Islam itu adalah nanti boleh dipelbagaikan. Yang lain-lain tadi ada di dalam teks, kalau diulang-ulang, takut kawan saya marah. Kalau orang lain, kena sokong ramai-ramailah. Kalau saya cakap tidak ada yang sokong pun tidak ada makna.

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, dengan ini saya menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam waramatullahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat telah cakap panjang dan juga selepas ini saya terpaksa juga agaknya kalau orang tanya kena buat juga. Walau bagaimanapun, saya cuba mengawal masa yang terbaik. Mana-mana Ahli Yang Berhormat kalau difikirkan agaknya tidak ada pantun, tidak ada perkara apa itu, teruskan benda-benda yang penting sahajalah ya. Tanpa membuang masa lagi, saya mempersilakan Dato' Nallakaruppan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Apa ketawa, belum mula... *[Ketawa]* Saya belum bangun Dato' Rahman sudah ketawa. Mesti cakaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

2.59 ptg.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati, selamat petang. Terima kasih saya ucapkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong atas perasmian Penggal Pertama, Majlis Parlimen Malaysia yang ketiga belas. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Barisan Nasional atas kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan takziah kepada keluarga tentera kita yang telah meninggal, mereka berjuang untuk negara kita yang tercinta di Lahad Datu. Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang menyatakan beliau akan melepaskan semua jawatan dalam parti kalau pembangkang kalah. Apa telah jadi? Beliau yang pertama dari barisan pembangkang yang mengangkat sumpah sungguhpun beliaulah yang menyatakan ingin boikot upacara angkat sumpah. Apa telah jadi? Ini semua lakonan beliau, beliau pandai putar belit apa jua yang beliau cakap. Ketua Pembangkang adalah seorang pembohong dan akan menyatakan...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan duduk sekejap, ada Yang Berhormat mencelah.

Dr. Syed Husin Ali: Saya ingin menarik perhatian tentang peraturan dalam peraturan mesyuarat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan nombor berapa Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Peraturan Mesyuarat 35(8).

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan 35?

Dr. Syed Husin Ali: Peraturan Mesyuarat 35(8), *"Dalam apa-apa bahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan..."* Apabila kita kata "pembohong" itu, ertinya lebih kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat, selepas ini teguran itu ada kebenarannya, saya minta Yang Berhormat jangan gunakan perkataan bohong itu. Teruskan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, bohong apa lagi yang saya boleh pakai? Kalau bohong, saya mahu cakap bohong, apa perkataan lain dengan izin, *what word I can use?*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak betul. Tidak betul.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tidak betul? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ini semua lakonan beliau. Beliau pandai putar belit apa juga yang beliau cakap. Ketua Pembangkang adalah seorang... Itu tidak boleh cakaplah, Tuan Yang di-Pertua bagi cakap... *[Ketawa]* *[Disampuk]* Tidak boleh cakap, "bohong" tidak boleh cakap. Yang Berhormat sudah cakap tidak boleh cakap.

Seorang Ahli: Tidak betul.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ha! Tidak betul... *[Ketawa]* Mengadakan atau melakukan apa sahaja untuk mencapai cita-cita peribadi dan matlamat beliau. Beliau adalah seperti sesumbar, dengan izin, *chameleon...*

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekali lagi ada yang bangun mengikut peraturan, ya silakan Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Apa selalu bangun-bangun kacau?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, jelas dalam peraturan ini dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa. Jadi, bukan soal bohong yang sifat itu, macam-macam dia sebut tadi. Saya berharaplah anggota Dewan ini bincang perkara yang penting. Jangan tiap-tiap kali bangun mesti bercakap tentang soal-soal peribadi. Terima kasih. Saya harap Tuan Yang di-Pertua tegas dalam hal ini.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan yang di-pertua, semua ini penting. Rakyat mesti mahu tahu, Yang Berhormat semua sini ada, banyak orang tidak tahu siapa itu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, saya mesti mahu beritahu rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap Yang Berhormat. sekarang saya membuat satu *ruling* supaya Yang Berhormat kalau boleh jangan sebut nama, jangan sebut. Cuma beritahu, apakah tindak tanduk yang boleh Yang Berhormat fikir dan tidak menyentuh sifat peribadi seseorang itu. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita seorang yang ikhlas. Beliau telah buat yang terbaik untuk rakyat dan negara tetapi kaum Cina dan sebahagian daripada kaum-kaum lain telah mengecewakan beliau atau *disappointed him*, dengan izin. Kalau kita lihat keputusan PRU Ke-13 orang Melayu bimbang kalau UMNO kalah apa akan jadi kepada orang Melayu dan Islam? Kaum Cina telah dipergunakan oleh pembangkang dengan kata-kata manis mereka. Boleh? Saya harap semua kaum di negara ini sudah atau akan faham dengan permainan dan penipuan pembangkang sekarang dan masa akan datang.

Ketua Pembangkang mengatakan seolah-olah beliau akan jadi Perdana Menteri, apa telah jadi? Tidak jadi. Beliau adalah seorang pelakon yang terbaik di dunia dalam, dalam dunia. Dalam dunia dia boleh baik, pelakon nombor satu selepas *[Disampuk]* Tidak ada sebut namalah, saya mana ada sebut nama. Dia cakap saya sebut nama. Tidak, Tuan Yang di-Pertua sudah cakap tidak boleh sebut nama, saya tidak ada sebut, ikut dia punya cakap.

Selepas BN telah memenangi PRU Ke-13, beliau mendakwa ia disebabkan oleh 40,000 pengundi hantu itu dari Bangladesh. Ia akan mengambil 134 kapal terbang dengan kira-kira 300 orang Bangladesh dalam setiap kapal terbang. Adakah ini logik dan mana bukti? Tengok satu hantu di sini, hantu besar. Mana dia mahu letak hantu undi? Ini adalah satu perbuatan jahat yang sedang dilakukan oleh Ketua Pembangkang, adalah pengkhianat agama, bangsa dan negara.

Ketua Pembangkang suruh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan Datuk Wan Ahmad Wan Omar meletakkan jawatan. Kalau macam itu beliaulah elok letak jawatan dahulu, sebagaimana yang dijanjikan oleh beliau sebelum pilihan raya, inilah Ketua Pembangkang. Dulu sewaktu bersama BN, Barisan dan UMNO ketua pembangkang tidak mencari salah SPR tetapi sekarang beliau tuduh SPR salah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini aman dan makmur janganlah kita ikut dan dengar apa yang dikata oleh pembangkang dan jadikan negara ini huru-hara. Kerajaan mesti mengambil tindakan dengan serius dan tegas untuk masalah-masalah yang diwujudkan oleh pembangkang dengan mewujudkan akta-akta seperti ISA dahulu untuk mengatasi masalah-masalah. Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara saya memberikan sokongan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada calon BN di Kuala Besut yang akan menang pilihan raya kecil hari ini...

Seorang Ahli: Sudah tahu.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Sudah tahu mesti kita menang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara saya memberikan sokongan penuh saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin yang bernaung di bawah payung Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih dan salam 1Malaysia. *Vannakam*.

■1510

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

3.11 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Saya mulakan dengan membaca peringatan daripada al-Quran, Surah al-Mukminun, ayat 1 dan 2. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Menyebut sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, "Sesungguhnya menanglah orang-orang yang beriman iaitu orang yang khusyuk dalam solatnya".

Surah ini sebahagian besarnya mengupas ciri-ciri dan pembentukan peribadi Muslim yang menjadi matlamat dan hasil bagi orang yang beriman. Saya cuma memetik ciri pertama mukmin yang berjaya iaitu menunaikan solat secara khusyuk. Maka mana-mana mukmin yang tidak solat, tentu sekali mukmin yang kalah ataupun gagal dalam masyarakat Islam dan masyarakat Islam yang tidak solat adalah masyarakat Islam yang kalah dan gagal dan tentu sekali tidak menepati ciri masyarakat Islam. Junjung kasih di atas Titah Tuanku yang menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia komited untuk memartabatkan Islam berteraskan *maqasid syariah* dan akan terus memelihara kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Solat adalah teras dalam Islam [Berucap dalam bahasa Arab] Solat adalah tiang agama. Justeru runtuhlah agama dan masyarakat Islam jika solat tidak disempurnakan. Solat juga merupakan amalan pertama yang dihisab. Jika tidak solat, maka amalan-amalan lain tidak dikira. Melaksanakan rukun lain seperti berpuasa, mengeluarkan zakat dan haji tanpa melaksanakan solat adalah suatu kesilapan yang sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran ini saya kemukakan penemuan seorang pakar motivasi terkemuka Dato' Dr Hj Mohd Fadzilah Kamsah bahawa 80 peratus umat Islam di Malaysia masih tidak menyempurnakan solat lima waktu dalam sehari.

Peraturan ini diperoleh melalui tinjauan menerusi program ceramah dan motivasi yang dijalankan di seluruh negara serta pemerhatian terhadap gaya hidup masyarakat Islam masa kini. Antara golongan yang kerap meninggalkan ibadat solat adalah para pelajar sekolah, belia, pekerja kilang, anggota pasukan seragam dan juga para peniaga.

Saya kemukakan juga hasil kajian Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohd pada tahun 2008. Kajian ini dibuat melibatkan empat buah sekolah menengah di bandar dan juga empat buah sekolah menengah di luar bandar di sebuah negeri. Kajian ini melibatkan sekolah menengah kebangsaan. Daripada 320 responden Tingkatan 4 berumur 16 tahun, 53.4 peratus mencapai tahap cemerlang, 7.8 peratus tahap baik, 0.6 peratus lemah dan 38.1 peratus berada pada tahap mengecewakan dan gagal iaitu sangat lemah ataupun buta al-Quran. Penyelidik juga mengatakan bahawa kita tidak boleh berbangga dengan tahap pencapaian 61.2 peratus pelajar yang lulus ujian lisan itu kerana mereka hanya mencapai tahap memuaskan, tiada yang mencapai tahap cemerlang ataupun baik.

Senario ini adalah suatu petanda amalan fardhu ain agama Islam yang amat rapuh di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Saya gusar jika masalah ini tidak ditangani sekarang, bakal lahir generasi Islam yang hanya Islam pada nama tetapi tidak pada amalan atau hanya menjadi Islam tradisi tanpa mengamalkannya walaupun pada peringkat individu apatah lagi untuk memahami pelaksanaan Islam di peringkat keluarga, masyarakat, negeri dan juga negara.

Maka saya mencadangkan dan memohon maklum balas kementerian. Pertama, saya menggesa kerajaan membuat kajian segera secara terperinci tentang statistik umat Islam yang mengerjakan solat serta mengkaji punca masalah. Kerajaan juga perlu mengkaji keberkesanan pendidikan al-Quran di peringkat pra sekolah rendah dan menengah yang ada sekarang. Seterusnya merangka pelan strategik khusus untuk agenda solat dan generasi al-Quran.

Kedua firman Allah SWT... [*Menyebut sepotong ayat al-Quran*] Solat itu dapat mencegah daripada keburukan dan kemungkar. Maka saya mencadangkan kerajaan mengagendakan pemerksaan, pemberdayaan solat sebagai suatu kaedah pencegahan untuk membanteras dan mengurangkan masalah sosial seperti jenayah rasuah, penagihan dadah, anak tak sah taraf, seks bebas dan sebagainya. Jika diteliti masalah sosial sebenarnya berpunca daripada kurang amalan agama dan masalah sosial amat berkait dengan masalah hati atau jiwa yang lemah dengan pengaruh duniawi. Masalah hati ini hanya dapat diselesaikan dengan pengubatan hati yakni melalui solat. Solat juga adalah merupakan terapi jiwa bagi umat Islam lima kali sehari.

Ketiga, memberdaya solat dan al-Quran melalui sistem pendidikan. Kerajaan perlu mengkaji ke arah menjadikan subjek Pendidikan Agama Islam sebagai subjek teras dan wajib lulus dalam UPSR, PMR dan SPM. Sukatan subjek ini juga boleh dikaji semula terutamanya bagi menjadikan subjek Pendidikan Agama Islam juga boleh mewujudkan semangat cintakan negara dan perpaduan kaum selain daripada melalui mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Melayu. Pendidikan j-QAF diteruskan dan disambung di peringkat sekolah menengah bagi memastikan anak-anak kita dapat membaca al-Quran dengan lancar dan cemerlang. Pihak sekolah juga perlu memastikan pelajar solat berjemaah di sekolah apabila masuk waktu dengan penyediaan prasarana sesuai. Kerajaan juga perlu memastikan pendidik yang beragama Islam menunaikan solat. Kerajaan boleh mengkaji aspek fardhu ain sebagai elemen yang asas untuk pengesahan jawatan dan juga kenaikan pangkat.

Keempat, pendidikan dan praktikal solat melalui faktor persekitaran. Kajian akademik oleh al-Kumayi pada tahun 2009 mendapati terdapat tiga halangan dalam melaksanakan ibadah iaitu malas yakni *kasal*, lemah fikiran yakni *futur* atau tidak mempunyai tekad yang kuat kerana terpengaruh dengan kehidupan dunia dan bosan iaitu *mala* iaitu cepat merasa bosan melakukan ibadah. Saya menyarankan perkara ini diatasi dengan memastikan azan berkumandang pada setiap waktu solat terutama di pejabat kerajaan dan swasta termasuk tempat-tempat awam dan pusat membeli belah.

■1520

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mohon mencelah sedikit boleh?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan yang diberikan tadi. Akan tetapi masalahnya sekarang berkenaan dengan azan ini tadi. Kita tahu sejak kebelakangan ini terutamanya dalam kaedah suasana politik kita ada pihak-pihak tertentu yang cuba menjadikan suara azan ini sebagai satu masalah, terutamanya yang melibatkan katanya hak asasi manusia dan sebagainya. Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat sendirilah bila keadaan ini sekarang sudah semakin menular dan mereka menganggap suara azan ini sebagai satu gangguan untuk mereka terutamanya kaum-kaum yang bukan Islam. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Adakah azan dianggap sebagai suatu gangguan bunyi? Kalau gangguan bunyi, kita boleh merujuk kepada Jabatan Alam Sekitar yang telah pun menetapkan berapa desibel untuk di kawasan-kawasan tertentu. Azan yang dikumandangkan hendaklah menepati desibel yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Kedua, adakah azan dianggap sebagai suatu yang sensitif? Sekiranya dianggap sebagai suatu yang sensitif, saya menganggap kita sebagai masyarakat Muslim juga mempunyai hak asasi. Kita ingin hak asasi kita sebagai masyarakat Islam, kita mendengar azan lima kali sehari. Itu hak Muslim. Itu jawapan saya.

Seterusnya, kerajaan perlu memastikan pendidik yang beragama Islam menunaikan solat. Keempat tadi, pendidikan dan praktikal solat melalui faktor persekitaran. Memastikan azan berkumandang pada setiap waktu solat terutamanya di pejabat kerajaan dan swasta termasuk tempat-tempat awam dan pusat membeli-belah. Satu pujian kepada Lapangan Terbang Subang kerana mengumandangkan azan setiap kali masuk waktu solat tetapi masih tidak dibuat di LCCT dan juga KLIA.

Saya mencadangkan peringatan waktu solat dengan mengumandangkan azan dilaksanakan di stesen-stesen pengangkutan seperti stesen LRT, komuter dan sebagainya. Memastikan terdapat papan tanda atau skrin peringatan solat di tempat tumpuan awam sebagai suatu mesej yang mudah dilihat dan sentiasa menjadi peringatan kepada hati. Saya menyarankan peringatan waktu solat di TV dan radio hendaklah secara memperdengarkan azan, bukannya membaca kelebihan solat kerana azan itu adalah satu syiar dalam Islam. Menyediakan ruang solat yang mencukupi bagi menampung jemaah untuk solat berjemaah terutamanya di pejabat kerajaan, swasta, pasar raya, restoran dan sebagainya.

Saya menyeru terutamanya Dewan Bandaraya dan PBT lain agar memeriksa dan menguatkuasakan sepenuhnya yang telah termaktub dalam undang-undang kecil iaitu tugas majikan memastikan penyediaan ruang yang mencukupi dan selesa bagi memastikan pekerja beragama Islam dapat solat sempurna. Pekerja juga perlu diberi ruang masa secukupnya bagi mengerjakan solat terutamanya saya tekankan jika bekerja pada waktu Maghrib kerana waktu Maghrib adalah waktu yang paling singkat iaitu lebih kurang sejam sahaja.

Dewan Bandaraya dan PBT hendaklah memastikan restoran-restoran terutamanya restoran makanan segera menyediakan pekerja yang mencukupi pada waktu maghrib pada bulan Ramadhan. Ini kerana mereka mesti bergilir-gilir menunaikan waktu solat. Saya perhatikan, saya berada di Kuala Lumpur, saya berbuka di restoran-restoran, saya memerhatikan dan saya yakin ramai pekerja yang beragama Islam tidak sempat solat Maghrib.

Kerajaan juga perlu mengkaji jalan-jalan yang sesak pada waktu Maghrib dan boleh memberi peringatan di papan tanda, radio, skrin digital mencadangkan surau dan masjid berdekatan untuk membolehkan para pemandu dan penumpang berhenti rehat dan solat. Bukan setakat di *highway*, malah dalam kawasan pusat bandar yang sentiasa sesak.

Pemimpin juga adalah faktor persekitaran. Kepimpinan melalui teladan. Semua wakil rakyat beragama Islam mesti melepasi ujian saringan solat dan al-Quran sebelum layak bertanding. Begitu juga dengan pegawai-pegawai kerajaan di peringkat pengurusan dan profesional. Mereka mesti menunjukkan ciri seorang Muslim yang pertama iaitu mesti solat. Rumusannya, selain pendidikan dan kesedaran rakyat, kerajaan perlu memastikan keadaan persekitaran yang kondusif bagi merangsang dan memotivasikan rakyat menunaikan solat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Titah Diraja yang menyatakan agar Program Tahun Malaysia 2014 dapat memupuk budaya dan amalan positif yang dapat memikat hati pelancong. Saya ingin membawakan tiga senario. Pertama, saya telah terjumpa dengan seorang pemuda di Kota Bharu yang membawa ramai pelancong asing. Beliau berpakaian seperti pelancong asing, malah bersubang dan bertatu. Saya mengagak beliau adalah pemandu pelancong tetapi masih boleh bercakap Melayu. Saya bercakap dan bertanya, "Adik berasal daripada mana?". Dia kata, dia berasal daripada Pulau Perhentian.

Kedua, saya telah pergi ke kawasan pelancongan pesisir pantai yang merupakan perkampungan Melayu seperti Cherating, Teluk Cempedak, Port Dickson dan Langkawi. Saya dapati terdapat banyak gerai makan dan restoran di kawasan ini. Selain menjual makanan, kedai ini juga menjual minuman beralkohol dalam tin dan botol seperti *Guinness Stout* dan sebagainya. Penjualnya dan pelayannya tentu sekali kebanyakannya adalah orang Melayu beragama Islam.

Ketiga, penerbangan kelas pertama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) turut menghidangkan minuman beralkohol seperti *wine* dan terbaru turut menghidangkan minuman *wine* bersama kaviar iaitu sejenis telur ikan yang merupakan suatu hidangan minuman yang sangat eksklusif. Prinsipnya, kita ingin menerima seramai mungkin tetamu dari negara luar dan memperkenalkan budaya masyarakat kita serta kita ingin menerima kesan positif dengan kehadiran mereka. Pelancong pula ingin melihat dan hidup dalam budaya dan tradisi masyarakat setempat yang berbeza dengan budaya dan tradisi mereka. Namun dengan senario di atas, kita tidak mengekalkan ciri asli budaya tradisional kita malah menyerap pengaruh budaya negatif daripada mereka.

Persoalannya, adakah kerajaan mengkaji kesan pelancongan terhadap sosiobudaya masyarakat setempat terutamanya masyarakat di kampung-kampung. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan masyarakat kampung setempat tidak menerima pengaruh negatif pelancong asing seperti meminum minuman beralkohol dan juga pergaulan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang pembangunan wanita dan keluarga. Saya ingin merujuk kepada kemalangan yang menimpa keluarga Nor Zatusy Hazwa binti Abdul Rahim pada 18 Julai lepas yang telah mengakibatkan kematian anaknya Nawal Iris binti Samsudin berusia tiga tahun. Saya yakin kemalangan ini telah memberi tekanan yang sangat hebat kepada keluarga mangsa, khususnya ibu mangsa yang sehingga kini mengalami masalah kemurungan. Kita soroti sedikit fakta kejadian supaya kita merasa lebih empati. Ibu mangsa adalah seorang guru di sebuah sekolah menengah. Suaminya sedang bekerja *outstation* selama dua minggu, maka beliau terpaksa menguruskan anaknya tiga tahun dan lima tahun berseorangan termasuk menghantar anaknya kepada pengasuh sebelum pergi ke sekolah. Tiga hari sebelum kejadian, anaknya berada di rumah, adiknya berada di rumah untuk mengasuh dan selama tiga hari beliau tidak menghantar anaknya ke rumah pengasuh.

Pada hari kejadian, beliau bergegas ke sekolah untuk menghadiri mesyuarat dan terlupa menghantar anaknya ke rumah pengasuh dan seterusnya tertinggal anaknya di dalam kereta. Dalam hal ini, kerajaan perlu mengkaji punca masalah dan mencadangkan penyelesaian kerana saya yakin di luar sana terlalu ramai ibu-ibu bekerja yang menghadapi rutin harian yang sangat sibuk. Tidak ada masa langsung untuk berehat dan tidak mustahil perkara ini mungkin berulang.

■1530

Pendekatan melalui hukuman adalah suatu pendekatan terakhir kerana saya yakin dalam kes ini si ibu telah mengambil langkah sepatutnya untuk menempatkan anaknya ke rumah pengasuh tetapi disebabkan tertukar rutin harian, beliau terlupa sehingga menyebabkan kematian. Saranan saya kepada kerajaan, pertama kerajaan perlu serius menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja sama ada pejabat ataupun bangunan kerajaan mahupun swasta. Ibu bapa kadangkala tidak menghantar anak ke pusat asuhan sedia ada yang telah disediakan oleh kerajaan kerana ianya tidak mencapai tahap perkhidmatan yang memuaskan. Saya menyarankan agar kerajaan menyediakan pusat asuhan kanak-kanak bertaraf *first class* seperti mana kita mensasarkan kemudahan-kemudahan lain yang juga bertaraf *first class*. Saya yakin pelaburan ini adalah suatu pelaburan jangka panjang yang sangat menguntungkan.

Doktor John Medina iaitu seorang pakar perkembangan kanak-kanak dalam bukunya bertajuk, *Brain Rules for Baby* mengatakan; "*If we as a country wanted a smarter population, we would insist on lactation rooms in every public establishment*". Beliau menekankan tentang kepentingan penyusuan ibu di peringkat awal usia kanak-kanak. Sekiranya pusat asuhan kanak-kanak dapat disediakan di tempat kerja, ini membolehkan para ibu menyusui anak dan akan lahir generasi akan datang yang lebih intelek. Penyusuan ibu juga menjadikan tubuh seseorang mempunyai antibodi yang kuat dan sihat. Ini terbukti dan antibodi yang lahir daripada penyusuan ibu yang cukup dapat melawan kanser. Mereka juga mempunyai emosi yang stabil kerana hubungan erat kekeluargaan. Jadi sebab itu saya katakan, pelaburan ini adalah suatu pelaburan yang sangat hebat, pelaburan yang mampu membina negara dan juga masyarakat yang lebih sejahtera.

Kedua, penyediaan perpustakaan kanak-kanak berkonsepkan taman permainan di pasar raya besar. Kita banyak mendengar kes kehilangan anak di pasar raya sehingga ada ibu-ibu yang terpaksa menjadi kreatif mencipta tali yang boleh mengikat tangan anak supaya anak tidak berjalan jauh. Antara rutin keluarga adalah membeli-belah dan kita khuatir risiko kehilangan anak. Namun kita tidak boleh sama sekali meninggalkan anak-anak kecil di rumah tanpa pemantauan. Saya mencadangkan perpustakaan atau taman permainan perpustakaan ini dijadikan projek komuniti servis oleh syarikat secara percuma kepada masyarakat. Ianya pasti mampu menarik ramai pelanggan dan memupuk budaya membaca sejak kecil.

Ketiga, saya mencadangkan supaya kerajaan melihat dan mengkaji semula polisi berkaitan suami isteri yang tinggal berjauhan kerana masalah tempat kerja. Saya difahamkan telah ada polisi bahawa pasangan ini terutamanya yang mempunyai anak akan diletakkan berdekatan dalam tempoh dua atau tiga tahun tetapi saya mohon kerajaan mengkaji semula tempoh masa ini dan juga memastikan pelaksanaan kepada polisi ini. Ini kerana saya dapati beberapa pasangan yang masih lagi tidak boleh duduk berdekatan, bekerja berdekatan walaupun telah berjauhan lebih daripada tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sedikit lagi, dua minit. Keempat, saya menyokong waktu bekerja fleksibel yang telah dilaksanakan. Seterusnya saya mencadangkan agar bagi bulan puasa kaum ibu dibenarkan pulang awal sejam dan diganti dengan kerja daripada jam 1 hingga 2. Mereka hanya boleh berhenti untuk tujuan solat Zuhur sahaja.

Berkait kenyataan yang dikeluarkan Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali merujuk kepada kenyataan tentang Kerajaan Negeri Kelantan tidak mewartakan ataupun tidak menggazet tanah rizab untuk Orang Asli, saya menyangkal dakwaan tersebut. Kerajaan Negeri Kelantan sebenarnya semenjak tahun 2010 lagi telah menggazet lebih 5,000 ekar tanah di Kelantan, di Pos Tohoi dan Pos Jedip yang telah digazet sebagai tanah rizab untuk Orang Asli. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih, *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

3.35 ptg.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul menjunjung kasih Titah Diraja pada Mesyuarat Penggal, Pertama Parlimen, Ketiga Belas ini. Saya mengucapkan selamat berpuasa kepada rakan Muslimin dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Bagi pihak masyarakat Siam di seluruh negara, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan timbalannya Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin di atas kejayaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu, ini termasuklah kejayaan meraih kembali sokongan rakyat di Kedah untuk menyerahkan semula pimpinan negeri itu kepada Barisan Nasional. Saya berharap Kerajaan Negeri Kedah yang baru akan mengambil iktibar dan pengajaran daripada kesilapan yang lalu dan membuat perancangan rapi dan melakukan tindakan konkrit untuk memajukan rakyat dan negeri Kedah supaya seiring dengan rakyat dan dengan negeri lain, supaya dengan itu menjelang pilihan raya akan datang, rakyat Kedah akan berkata memang kita membuat pilihan yang tepat iaitu memilih Kerajaan Barisan Nasional.

Kejayaan Barisan Nasional menguasai kembali negeri Kedah membuktikan bahawa majoriti rakyat negeri jelapang padi ini mengakui bahawa Barisan Nasional masih lagi relevan, hanya Barisan Nasional yang terbaik untuk memimpin negeri itu. Ini juga terbukti dengan kegagalan kerajaan yang lalu menangani pelbagai isu sepanjang tempoh pemerintahan mereka di negeri itu selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu. Saya rasa kita juga patut memberi pujian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dengan kenyataan bahawa Barisan Nasional masih belum berjaya, saya ulangi masih belum berjaya, bukan gagal untuk mengembalikan pemerintahan di Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

Inilah sikap dan kehebatan seorang pemimpin yang berjiwa besar menerima hakikat dan kenyataan bahawa dalam sesuatu pertandingan pasti ada yang kalah dan ada yang menang. Hanya pemimpin yang berjiwa kerdil dan kecil yang tidak akan menerima hakikat dan kenyataan bahawa dalam setiap pertandingan pasti ada yang kalah dan ada yang menang. Pemimpin yang berjiwa besar tidak akan ghairah mengumpul rakyat di jalanan semata-mata untuk memprotes keputusan pilihan raya umum yang lalu. Apatah lagi cuba mengelirukan rakyat dengan mengatakan pihak yang mendapat jumlah undi paling banyak di seluruh negara yang sepatutnya menjadi kerajaan. Ini kerana hakikatnya di negara ini, sesebuah kerajaan itu dibentuk berdasarkan jumlah kerusi yang dimenangi, bukan jumlah undi.

Apatah lagi untuk membuat pelbagai dakwaan dan tohmahan tanpa disertai dengan sebarang pembuktian. Tujuan yang satu untuk mengelirukan rakyat dan menghilangkan keyakinan rakyat terhadap proses pilihan raya negara dan Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang peliknya ketika dalam perhimpunan-perhimpunan yang dianjurkan oleh mereka, pemimpin Pakatan Rakyat mendakwa berlaku penipuan, berlaku *blackout* dengan izin, di tempat perkiraan undi, membawa Bangladesh seramai 40,000 orang daripada Sabah ke Semenanjung tetapi apabila membuat laporan polis yang dibuat adalah laporan mengenai dakwat kekal yang didakwa sebagai tidak kekal oleh penyokong tegar Pakatan Rakyat, itu sahaja laporannya.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, apabila Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu kalah di kawasan Parlimen Pendang dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang lalu, beliau menyalahkan keadaan pengundi dalam kalangan masyarakat Siam dan menuduh pengundi keturunan Siam ini diberikan kad pengenalan palsu atau pun pengundi hantu. Saya sungguh hairan, apakah dia tidak tahu bahawa Pendang itu ramai pengundi Siam dan bagaimana seorang calon yang tidak tahu demografi di kawasan yang dia bertanding. Jadi, jawapan pada Mohamad Sabu adalah kalau pengundi hantu Siam keluar daripada kubur dan pengundi BN nampaknya teruklah. Dia tidak mengundi. Mohamad Sabu yang kalah itu.

Masyarakat Siam lebih mementingkan pembangunan dan kemajuan bangsa dan tidak terpengaruh dengan cakap-cakap penjual ubat di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Siam sebenarnya sejak dahulu lagi adalah penyokong tegar Barisan Nasional. Dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang lalu, masyarakat Siam sekali lagi membuktikan bahawa mereka memang penyokong tegar Barisan Nasional. Sebanyak 89 peratus masyarakat Siam yang mendaftar sebagai pengundi di seluruh negara dalam pilihan raya yang lalu memberikan undi mereka kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan lebih tegas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka demi memelihara keutuhan dan kewibawaan. Kita percaya SPR sebenarnya memang berwibawa dan telah melaksanakan tugas mereka seperti yang telah diamanahkan. Pada masa yang sama, kita memberi pujian kepada SPR yang sentiasa bersikap terbuka, mendengar berbagai-bagai rungutan, keluhan, dan aduan daripada orang ramai. Namun, dalam mengamalkan sikap terbuka ini, SPR perlu mengambil pendekatan yang berpada-pada. Pada saya sikap SPR yang terlalu melayan kerenah segelintir pemimpin pembangkang terutama dalam penggunaan dakwat kekal, nampaknya telah memakan diri sendiri.

SPR telah dipersalahkan kerana tidak dapat memuaskan hati dan nafsu besar pakatan pembangkang untuk memenangi pilihan raya. Saya tidak nampak penggunaan dakwat kekal akan menyelesaikan masalah tidak puas hati parti pembangkang yang gagal membentuk Kerajaan Persekutuan. Walhal sudah 12 kali kita berjaya melaksanakan pilihan raya umum yang tulus tanpa menggunakan dakwat kekal. Sebenarnya, parti pembangkang sengaja untuk memasang jerat bagi mencari kesalahan dan kesilapan SPR walaupun dalam masalah teknikal. Dengan itu, kegagalan mereka mencapai impian ini menjadi Perdana Menteri dan Menteri akan dituding jari kepada SPR. Saya berharap SPR tidak akan melayan kerenah yang sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dilantik menjadi Ahli Dewan Negara saya telah beberapa kali mengajukan persoalan mengenai hak masyarakat Siam yang telah diterima dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai bumiputera setelah beberapa lama isu ini dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan diikuti dengan beberapa tindakan susulan, maka pada hari ini saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada beberapa kementerian dan agensi serta pihak yang telah memberi perhatian dan mengambil tindakan untuk memasukkan masyarakat Siam sebagai bumiputera selaras dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan itu. Hal ini sekali gus membolehkan masyarakat Siam, hak-hak sebagai bumiputera sama seperti golongan bumiputera yang lain. Kementerian dan agensi yang saya maksudkan adalah pertama:

- (i) Kementerian Kewangan dengan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan itu kini syarikat milik perniagaan dan usahawan keturunan Siam berpeluang menikmati status syarikat bumiputera;
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengemas kini Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) dengan memasukkan masyarakat Siam dalam kategori bumiputera;
- (iii) Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri adalah agensi paling pantas mengambil tindakan berkaitan isu ini. Dengan itu, syarikat milik peniaga dan usahawan keturunan Siam boleh memohon menyertai inisiatif yang dilaksanakan oleh TERAJU; dan
- (iv) Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah serta Majlis Amanah Rakyat dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak MARA, pelajar keturunan Siam kini berpeluang memohon dan menikmati kemudahan pinjaman pelajaran serta memasuki Maktab Rendah Sains MARA, manakala usahawan-usahawan berketurunan Siam pula berpeluang untuk memohon dan menikmati kemudahan pinjaman perniagaan.

Dalam hal ini sudah tentu saya sangat berterima kasih kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak serta Timbalannya Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin yang memberi sokongan kuat supaya masyarakat Siam boleh menikmati peluang-peluang ini sesuai dengan pengiktirafan yang diberikan.

Pada masa yang sama, masyarakat Siam masih lagi menanti tindakan daripada Universiti Teknologi MARA supaya pelajar-pelajar ini dipilih dan diterima untuk melanjutkan pelajaran di universiti itu atas kedudukan mereka sebagai bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Negeri Kedah akan mempertimbangkan untuk menjadikan hari Thaipusam sebagai hari cuti umum negeri itu. Sebagai rakyat Kedah, saya menyambut baik cadangan berkenaan. Langkah ini sejajar dengan janji yang telah dibuat oleh Barisan Nasional sewaktu Pilihan Raya Umum Ke-13 dan sekali gus membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha untuk menunaikan segala janji yang dibuat dalam manifestonya. Apatah lagi masyarakat India dikenal pasti telah memberi sokongan padu sehingga Barisan Nasional mencapai kemenangan menguasai semula negeri Kedah pada pilihan raya yang lalu.

Bagaimanapun, masyarakat Siam juga ada sumbangan kepada kerajaan Barisan Nasional di Kedah dan juga di negeri-negeri lain. Hal ini terbukti apabila calon-calon Barisan Nasional yang bertanding Kerusi Dewan Undangan Negeri, walaupun Parlimen yang mempunyai majoriti masyarakat Siam telah mencatat kemenangan seperti DUN Air Hitam, Jeneri, Sungai Tiang, Jitra, Siputih, Bayu Belantik, Pedu, Kuala Nerang serta Parlimen Pendang, Jerlun, Baling, Kubang Pasu dan Padang Terap di Kedah. Begitu juga di Perlis, Perak dan juga di Rantau Panjang Kelantan.

Selari dengan perkembangan ini, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Pusat mempertimbangkan untuk menjadikan Thai Songkran iaitu hari sambutan tahun baru masyarakat Siam yang disambut pada 13 April setiap tahun sebagai hari cuti umum. Sekurang-kurangnya bagi negeri yang mempunyai ramai masyarakat Siam seperti Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

Selain itu, saya rasa amat wajar jika kerajaan membalas kesetiaan masyarakat Siam dengan memberikan tempat kepada mereka yang berwibawa di kalangan masyarakat Siam menerajui mana-mana syarikat GLC dan melantik di dalam Barisan Kabinet sekurang-kurangnya sebagai Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mei yang lalu, pemimpin pembangkang mencadangkan supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi memansuhkan Dewan Negara atas alasan kewujudan institusi ini serta pelantikan ahli-ahlinya menyebabkan rakyat menanggung perbelanjaan yang tidak berkepentingan. Kenyataan ini merupakan satu penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong, Perlembagaan Negara serta Dewan Negara ini serta ahli-ahlinya. Kenyataan itu merupakan penghinaan terhadap Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas peruntukan kewujudan Dewan Negara sebagai salah satu daripada dua Majlis Parlimen yang mempunyai hak untuk menggubal undang-undang. Kenyataan itu juga merupakan penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong kerana Ahli-ahli Dewan Negara adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 45(2). Ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong adalah orang yang pada pendapat Seri Paduka Baginda telah memberi perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan dan perkhidmatan sosial serta mewakili kepentingan kaum minoriti dan Orang Asli.

Oleh itu, kenyataan pemimpin pembangkang menggambarkan bahawa pelantikan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong itu sebagai sia-sia. Kenyataan beliau bahawa kewujudan Dewan Negara menyebabkan rakyat terpaksa menanggung perbelanjaan yang tidak berkepentingan juga adalah keterlaluan dan tidak berasas sama sekali serta merupakan penghinaan terhadap mereka yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

■1550

la memberi gambaran seolah-olah Dewan Negara tidak mempunyai fungsi dan peranan dalam perjalanan pentadbiran negara sebagai peguam serta Ahli Parlimen yang sudah lama berkecimpung dalam politik. Karpal Singh sepatutnya lebih memahami mengenai tujuan dan fungsi...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit? Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagi saya, saya anggap kenyataan Karpal itu sebagai sewel dan gila. Kasar bunyinya. Ini kerana dia lawan Perlembagaan. Ini Perlembagaan jangan main-main... *[Mengangkat buku Perlembagaan Persekutuan]* Saya syorkan supaya DAP dimansuhkan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Boon Som a/l Inong: Saya amat setuju... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Setuju macam mana? Kupas sedikit.

Dato' Boon Som a/l Inong: Ya, ya. Sebagai Ahli Dewan Negara kita perlu mempertahankan institusi Dewan Negara kerana institusi inilah wujud seiring dengan penggabalan undang-undang yang dibuat oleh Ahli Dewan Rakyat yang dipilih melalui proses pilihan raya. Memandangkan Ahli Dewan Negara sendiri dari wakil setiap negeri mewakili pelbagai profesional dalam usaha negara seperti kaum majoriti seperti Orang Asli dan masyarakat Siam, maka kita mempunyai hak dan peluang dalam memberikan pandangan terhadap undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Pandangan itu adalah berdasarkan pengalaman dan kepakaran dalam bidang dan profesional masing-masing serta mewakili pandangan dan kepentingan kelompok profesion dan komuniti yang diwakili oleh kita dengan perkataan yang lain, pandangan kita juga mewakili kepentingan rakyat. Maka sebab itu Ahli Dewan Negara diberi hak dan kuasa oleh perlembagaan untuk meminda dan meluluskan undang-undang yang dibawa oleh Dewan Rakyat bahkan Dewan Negara pernah menolak rang undang-undang yang dibawa oleh Dewan Rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung.

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua, salah satu program transformasi yang giat dilaksanakan oleh kerajaan sekarang adalah program Transformasi Luar Bandar yang bertujuan merapatkan jurang kemajuan dan kemudahan asas antara bandar dan luar bandar. Ini supaya dengan itu masyarakat luar bandar dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan masyarakat di bandar. Dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk menikmati kemajuan dan pembangunan negara, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memperkukuhkan lagi program Transformasi Luar Bandar.

Di antara usaha yang akan dilakukan kerajaan adalah meluluskan program, meningkatkan pendapatan kualiti hidup ini, isi rumah bagi golongan yang berpendapatan 40 peratus terendah termasuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung dan kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak. Saya mengharapkan masyarakat Siam akan dimasukkan sekali lagi dalam kumpulan sasaran program berkenaan. Hal ini kerana majoriti daripada kira-kira 80,000 anggota masyarakat Siam kini berada di kawasan luar bandar. Kebanyakan mereka menjalankan kegiatan petani dan ramai juga yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan tetap bagi menyara kehidupan keluarga mereka. Walaupun kerajaan telah melakukan pelbagai program untuk mereka selama ini, hakikatnya masih ramai yang perlu dibantu untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan.

Saya juga memohon Kementerian Kewangan supaya dalam bajet yang akan datang, saya memohon supaya memasukkan bajet untuk komuniti dimasukkan dalam bajet pada tahun 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mengajak seluruh rakyat Malaysia termasuk rakan-rakan daripada pembangkang supaya memainkan peranan kita secara membina dan progresif. Janganlah membangkang hanya kerana berada di pihak pembangkang. Sebaliknya berilah teguran secara membina apabila wujud kelemahan dan akuilah serta berikanlah sokongan terhadap kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan. Cukuplah kita berpolitik sewaktu musim pilihan raya tetapi apabila masing-masing sudah memenangi kerusi yang ditandingi, tumpukanlah masa dan tenaga untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat apa dia.

Dr. Syed Husin Ali: Tadi perkataan seperti “gila” dan “sewel” telah digunakan terhadap seorang Ahli Parlimen. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua bersama-sama setiap Ahli Dewan Negara di sini harus berusaha untuk menjaga kehormatan Dewan ini dan tidak menggunakan kata-kata menghina.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar Yang Berhormat. Perkataan itu tadi saya pun tidak berapa jelas.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi oleh kerana Tuan Yang di-Pertua tidak menegur tadi, maka saya ingin ingatkan lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin masa itu saya tidak dengar. Walau bagaimanapun, saya hendak beritahu, kena gunakan perkataan yang *parliamentary*. Jangan gunakan perkataan yang *unparliamentarily* kerana kita hendak tentukan Dewan yang mulia ini terus berada dalam keadaan yang begitu baik. Boleh menyuarakan tetapi jangan gunakan perkataan-perkataan yang melanggar peraturan Dewan. Itu sahaja saya hendak pesan. Saya harap berhati-hati dalam ucapan Yang Berhormat semua kerana kita kena jaga nama baik Dewan kita. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya kata itu sesuai dengan tindakan Karpal Singh, sesuai. Gila, sewel!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, walau macam mana pendapat itu tetapi perkataan itu rasanya tidak elok. Gunakan perkataan lain yang boleh. Saya minta Yang Berhormat tolong tarik balik perkataan itu.

Dr. Syed Husin Ali: Kalau dia tidak hendak tarik balik Tuan Yang di-Pertua, saya cabar beliau menyebut di luar Dewan ini. Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya akan arahkan dia sekarang ini. Tidak perlu. Yang Berhormat, eloklah kita sama-sama bertanggungjawab. Tolong tarik perkataan itulah. Perkataan “sewel” dan “gila” itu. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tarik balik tetapi hakikatnya saya tidak tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Hakikat itu tidak mengapalah tetapi perkataan itu elok ditarik balik. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, ada apa-apa Yang Berhormat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ada apa-apa Yang Berhormat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tadi Tuan Yang di-Pertua cakap perkataan itu tidak boleh pakai. Sekarang Yang Berhormat cakap, boleh cakap di luar. Sekarang saya boleh pergi Dataran Merdeka dan saya boleh cakap Anwar Ibrahim kaki liwat, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Kalau di luar saya boleh cakap. Kalau dia berani boleh pergi ke sana, dan saya pun boleh pergi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk. Saya harap perkara ini kalau di dalam Dewan tolong jaga. Kalau di luar itu terpulang kepada Yang Berhormat. Dalam Dewan, saya hendak tentukan semua perkataan yang digunakan adalah perkataan yang diterima sebagaimana tercatat dalam buku Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat. Ini bermakna kepada semua Ahli Dewan. Saya hendak bersikap adil kepada semua pihak supaya mengawal perjalanan Dewan kita yang begitu baik ini.

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

3.58 ptg.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi di atas kebenaran yang diberi kepada saya untuk turut berbahas dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena keberangkatan Baginda merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Malaysia pada 25 Jun yang lalu. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam perpaduan dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Yang di-Pertuan Agong membawa mesej yang paling penting, tegas dan padat untuk semua Ahli Parlimen dan rakyat jelata di luar sana. Nasihat dan teguran membina daripada Tuanku kepada semua Ahli Parlimen patut diterima dan dijadikan garis panduan serta amalan supaya kita menjalankan tugas dan tanggungjawab serta peranan dengan penuh amanah, jujur, ikhlas dan menumpahkan taat setia kepada negara tercinta selain mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Semua Ahli Parlimen dinasihatkan supaya menerima keputusan PRU Ke-13 yang telah pun ditentukan oleh rakyat dengan hati terbuka serta tenang. Kita dinasihatkan supaya merapatkan saf dan berganding bahu kerana banyak lagi cabaran di luar sana bagi memastikan negara kita maju menjelang tahun 2020.

■1600

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara susulan Titah Baginda Tuanku. Perpaduan merupakan kerangka keutuhan kepada sesebuah negara seperti Malaysia yang merdeka dan berdaulat supaya dapat terus membangun, maju dengan jayanya dalam suasana politik yang stabil, aman makmur yang membolehkan rakyat jelata menikmati kesejahteraan dan kebahagiaan hidup. Baginda Tuanku telah mengingatkan kita semua dan rakyat jelata iaitu sebuah negara yang musnah akibat persengketaan atau mengalami kejatuhan ekonomi belum tentu dapat bangkit semula dalam tempoh yang singkat.

Isu perpaduan kaum semakin hari semakin serius untuk dibincangkan dewasa ini. Lebih-lebih lagi dengan berlakunya beberapa kejadian yang sengaja dilakukan oleh pihak ataupun individu tertentu dengan mengeluarkan kenyataan provokasi mahupun tindakan yang boleh mengganggu-gugat keharmonian dalam negara. Sehubungan itu pada hemat saya Akta Keharmonian Nasional yang kini sedang digubal bagi menggantikan Akta Hasutan 1948 amatlah penting dan tepat masanya bagi memberi lebih kuasa kepada kerajaan dalam menangani perbuatan yang mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk negara ini.

Jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak untuk mengekalkan perpaduan nyata membuktikan bahawa Akta Keharmonian Nasional yang baru itu nanti mengutamakan kepentingan awam dalam proses demokrasi di Malaysia, di samping ia menjadi pelengkap usaha transformasi sosial yang mengutamakan kepentingan bersama. Dengan adanya Akta Keharmonian Nasional yang lebih lengkap dan kukuh dilaksanakan nanti, maka segala program dan tindakan yang dirancang atau yang masih relevan ke arah menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Contohnya, sambutan rumah terbuka Hari Raya, Gawai, Tahun Baru Cina, Tadau Kaamatan dan Deepavali disemarakkan lagi untuk diraikan bersama semua kaum. Selain sambutan rumah terbuka, saya ingin kemukakan dua cadangan seperti berikut:

- (i) wujudkan sekolah pelbagai kaum seperti Sekolah Wawasan yang sudah ditubuhkan kerajaan tetapi perlu diperbanyakkan lagi dan mungkin kita boleh tambahkan namanya ataupun *rebranding* dengan menamakan Sekolah Wawasan 1Malaysia; dan
- (ii) mewujudkan pendekatan persefahaman dalam kalangan rakyat berbilang kaum kerana persefahaman merupakan faktor penting untuk menjadikan negara kita aman dan damai. Contohnya, setiap kaum perlu mengamalkan prinsip *Gagasan 1Malaysia* yang boleh menyatukan semua kaum dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, isu perpaduan amat berkait rapat dengan soal peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun dan juga soal pendidikan. Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan negara tidak akan sempurna. Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina.

Dalam memastikan kejayaan institusi keluarga, ibu dan bapa memainkan peranan dan tanggungjawab sama penting khususnya dalam memberi pendidikan akademik yang penting untuk perkembangan minda dan juga pendidikan agama untuk kesejahteraan rohani dan fizikal kepada anak-anak. Bagaimanapun, dalam memastikan kejayaan institusi keluarga ini, kedua-dua ibu dan bapa sendiri perlu terlebih dahulu memiliki ilmu pengetahuan keibubapaan dan memiliki akhlak yang mulia. Dengan akhlak yang baik dapat dicontohi, maka ibu dan bapa langsung menjadi teladan yang baik kepada anak-anak mereka. Begitulah sebaliknya.

Saya ingin imbas kembali peristiwa demonstrasi jalanan dan juga Perhimpunan Bersih, yang mana kita melihat ada sesetengah peserta yang membawa anak-anak kecil. Jadi, saya ingin tanya, adakah itu satu teladan baik untuk dicontohi oleh anak-anak? Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa yang maju adalah bangsa yang berilmu. Kemajuan tidak mungkin akan dicapai tanpa pencapaian ilmu yang tinggi. Untuk tujuan ini, ibu dan bapa perlu memastikan bahawa perasaan cinta terhadap ilmu itu perlu dipupuk seawal mungkin iaitu mulai dari rumah. Ini kerana pendidikan anak-anak di rumah menjadi dasar utama pendidikan sebelum memasuki alam persekolahan. Sekiranya pendidikan dasar di rumah itu tidak kukuh, pendidikan di sekolah pun akan kurang manfaatnya.

Dalam pada itu saya ingin sarankan kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi penekanan kepada topik perpaduan dalam mata pelajaran moral untuk diajar di sekolah-sekolah kepada murid-murid. Tuan Yang di-Pertua, generasi hari ini perlu diberi pendedahan tentang kepentingan sejarah terhadap masa depan mereka. Apa yang dimaksudkan dengan sejarah di sini bukanlah sekadar mengingat tarikh bila sesuatu peristiwa itu berlaku tetapi yang penting ialah mempelajari kesilapan yang telah dilaksanakan agar kesilapan itu tidak berulang.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa walau semaju mana sesebuah tamadun itu, kegagalan untuk belajar dari sejarah boleh meruntuhkan ketamadunan itu yang telah dicapai. Justeru, institusi keluarga hari ini yang mewariskan generasi muda perlu sentiasa diberi peringatan agar mereka tidak leka dengan kesenangan mahupun kemewahan yang telah dicapai. Sebaliknya generasi muda hendaklah sentiasa meningkatkan keupayaan diri sebagai persediaan menghadapi cabaran hidup yang bakal mereka tempuhi nanti.

Sesungguhnya penggunaan atau penguatkuasaan undang-undang semata-mata tidak mampu membendung gejala negatif yang merunsingkan.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan rakyat negeri Sarawak menjunjung kasih ke bawah Duli Tuanku atas keprihatinan baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan masyarakat luar termasuk kumpulan etnik peribumi di Sarawak dengan keyakinan baginda bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan memperkukuhkan lagi program transformasi luar bandar dengan menambah bilangan pusat transformasi luar bandar dan meneruskan program meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup golongan isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah selain penyediaan perkhidmatan kesihatan yang mudah dan berkualiti kepada kumpulan-kumpulan etnik tersebut.

Dalam mempergiatkan usaha-usaha pembangunan ekonomi berdaya saing dan maju untuk terus dilaksanakan di luar bandar, penyediaan infrastruktur khususnya jalan raya sebagai perhubungan penting perlu disegerakan. Begitu juga *delivery system*, dengan izin, perlu diselenggarakan dengan mudah tanpa masalah. Di sini saya ingin sarankan kepada pihak kerajaan supaya pembinaan *Pan-Borneo Highway* dipercepatkan memandangkan penambahan kenderaan dan juga kesesakan jalan raya yang boleh mengakibatkan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mukadimah Titah Tuanku, Baginda telah melafazkan kesyukuran kerana Pilihan Raya Umum Ketiga Belas telah dilaksanakan dalam suasana yang aman. Baginda juga menyeru semua pihak menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang telah diadakan mengikut lunas-lunas sistem demokrasi. Tahniah saya ucapkan kepada Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Dalam Dewan yang mulia ini, pada hari ini dengan bangganya saya ingin berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita di Sarawak, Barisan Nasional negeri Sarawak telah berjaya mengulangi rekod sebagai simpanan tetap, *fixed deposit* dengan memenangi 25 Kerusi daripada 31 Kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Parti PBB yang diwakili oleh saya dan juga Yang Berhormat Tuan Lihan Jok dalam Dewan Negara ini, berjaya menyapu bersih 14 Kerusi yang PBB tandingi dalam PRU Ke-13. Ini jelas menunjukkan bahawa rakyat Sarawak adalah penyokong tegar Barisan Nasional yang *consistent*, dengan izin. Faktor yang amat membanggakan kami di Sarawak ialah kejayaan besar Barisan Nasional di Sarawak menang 100 peratus di semua kawasan majoriti bumiputera yang ditandingi. Ini menterjemahkan betapa kukuhnya semangat perpaduan, semangat 1Malaysia di kalangan kaum bumiputera Sarawak yang terdiri daripada lebih 30 kumpulan etnik. Ia juga menunjukkan kematangan kaum bumiputera Sarawak dalam membuat pemilihan yang bijak dengan mengutamakan masa depan yang lebih cerah dan berkualiti demi kesinambungan pembangunan dan kemajuan di kawasan yang didiami.

Selain kesejahteraan, kebahagiaan, keselamatan dan kelangsungan kehidupan yang cukup terjamin untuk masa hadapan yang telah terbukti sebelum ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Nyata rakyat Sarawak merupakan sekali lagi penyokong tegar Barisan Nasional dan menolak sepenuhnya rayuan mahupun asakan pihak tertentu untuk melakukan eksperimen iaitu ubah. Jelas bahawa rakyat Sarawak, rakyat bumiputera Sarawak tidak mudah termakan fitnah atau terpengaruh dengan janji kosong daripada sesiapa yang mendekati mereka sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wanita, saya juga ingin menyentuh perihal golongan wanita yang juga mendapat keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baginda memberi harapan terhadap kemampuan wanita dalam menyahut cabaran dan untuk terus meningkatkan potensi diri agar dapat memberi sumbangan lebih besar dalam semua sektor demi kecemerlangan masa depan negara untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Tidak...

Dato' Lim Nget Yoon: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Boleh. Rakan wanita saya bagi.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kaum wanita dapat keyakinan yang maha mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong tetapi di pilihan raya adalah yang PRU Ke-13 ini, wanita tidak diberi peluang memandangkan kerusi yang bertanding oleh kaum wanita memanglah kurang. Jadi saya berharap keadaan mesti selaras. Kalau ada keyakinan kaum wanita ada *capability*, jadi kita patut beri peluang. Itulah, terima kasih.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Okey, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon, saya pun akan menyentuh hal itu nanti. Tidak dinafikan bahawa selama ini kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Sri Mohd Najib ternyata mengambil berat tentang pembangunan dan kemajuan wanita dan sentiasa memberi sokongan, bantuan dan kerjasama diperlukan. Malah berbagai-bagai dasar, insentif dan juga undang-undang diwujudkan untuk melindungi hak dan kebajikan wanita. Dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 penambahan kuota calon wanita iaitu 56 orang di peringkat Parlimen dan 112 di peringkat DUN merupakan perkembangan agak sihatlah. Walaupun belum memuaskan angkanya. Dengan penambahan kuota calon wanita dalam setiap PRU menunjukkan bahawa idea wanita dalam kerajaan hari ini semakin diterima dan dipandang masyarakat.

Malah jumlah pengundi wanita kali ini yang dilihat setengah daripada keseluruhan pengundi turut membuktikan bahawa golongan ini semakin bijak dalam membuat keputusan bahkan ingin bersama-sama terlibat dalam menentukan kerajaan memerintah. Dasar 30 peratus penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam didapati belum lagi menepati sasarannya. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar memberi peluang juga kepada bekas-bekas senator wanita walaupun sudah pencen tetapi masih aktif, berkebolehan, berpengalaman untuk menyumbang perkhidmatan kepada negara. Mungkin contohnya sebagai ahli lembaga pengarah lah, cukup juga.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin merujuk kepada perkara yang telah sama-sama dibangkitkan oleh beberapa rakan senator tadi pada hari kelmarin oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop berkenaan dengan elaun Ahli Parlimen. Saya bersetuju kalau elaun rayuan kita diketengahkan kepada pihak pemerintah. Selain daripada itu saya juga ada membentangkan satu daripada soalan lisan daripada saya berkenaan dengan elaun ahli Parlimen.

■1620

Kelmarin Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad memberi contoh negara-negara luar daripada Malaysia iaitu Singapura dan juga Indonesia. Kenaikan elaun untuk Ahli-ahli Dewan Parlimen Negara tertentu. Akan tetapi saya ingin memberi contoh dalam negara kita iaitu di Sarawak. Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri dua kali ganda lebih daripada 300 peratus. Semua sudah maklum. Jadi, kalau negeri Sarawak sebuah negeri dalam Malaysia telah meluluskan, saya kira peringkat Parlimen Malaysia patut membuat pertimbangan sewajarnya.

Selain daripada itu juga kalau boleh peruntukan RM200,000 kalau boleh kita merayu supaya ditambahkan. Ini kerana kita sebagai Ahli Dewan Negara, kita terbuka untuk memberi sumbangan bukan sahaja kepada kawasan kerana kita tidak ada mempunyai kawasan tertentu untuk diri kita sendiri. Akan tetapi sumbangan kita adalah meluas, menyeluruh. Bagi kita di Sarawak, Sarawak amat besar, amat luas. Jadi, kita dituntut untuk memberi sumbangan yang diperuntukkan dari Tanjong Datuk hingga ke Lawas, begitu luas kalau permohonan diajukan kepada kita. Jadi, kita memohonlah bagi pihak rakan-rakan Ahli Dewan Negara peruntukan RM200,000 itu ditambah pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Titah Diraja. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai. Silakan Yang Berhormat.

4.22 ptg.

Datuk Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya untuk turut sama bangun mengambil bahagian berucap Titah Menjunjung Kasih Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ia bersempena dengan sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 ini. Harapan saya serta rakan-rakan sekalian agar Ke Bawah Duli Tuanku terus dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk terus mentadbir negara ini bagi penggal lima tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, penghargaan saya pada Mantan Ketua Menteri Melaka dan ucap selamat bertugas kepada Ketua Menteri Melaka yang baru. Selesai sudah Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang lalu yang mana keputusan mungkin agak sukar diterima oleh sesetengah pihak. Sebagai anak Melaka, kami juga turut kena tempasnya di mana beberapa nama besar dan tokoh berpengalaman tewas di kawasan yang dianggap selamat. Apa yang pasti, pilihan raya umum lalu berjalan bersih, *transparent*, dengan izin, dan bebas dari penyelewengan. Namun apa yang jadi, pembangkang telah berjaya memenangi beberapa Kerusi DUN dan Parlimen termasuk menewaskan beberapa tokoh besar dari Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam di atas sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau mengetuai pentadbiran Negeri Melaka. Saya berani menyifatkan Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Ali Rustam sebagai pemimpin yang tidak dapat digambarkan dengan perkataan. Sepanjang 13 tahun mantan Ketua Menteri Melaka ini menabur bakti, beliau mendahului kepentingan rakyat berbanding kepentingan beliau sendiri. Malah di bawah kepimpinan sebagai Ketua Perhubungan Barisan Nasional Peringkat Negeri Melaka dalam mengharungi Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini, negeri Melaka telah mencapai majoriti 2/3.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan beliau, Melaka telah berjaya muncul sebagai sebuah negeri pelancongan di mana aspek kebersihan adalah satu tarikan daripada pelancong untuk berkunjung di negeri ini. Seorang tokoh hebat seperti beliau sukar dicari ganti dan adalah rugi jika bakat, pengalaman dan ketokohan beliau tidak digunakan sepenuhnya di peringkat Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sarankan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mempertimbangkan satu jawatan tertentu kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang dikira bersesuaian sama ada memegang tampuk pengerusi GLC atau sebagai penasihat kepada JPM yang saya kira bersesuaian dan berpengalaman dan kejayaan membangunkan Melaka termasuk memacu Melaka memenangi Pilihan Raya Umum Ketiga Belas lalu dengan cemerlang. Harapan saya agar saranan ini dapat dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghargai bakat dan ketokohan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghani Othman yang baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lupa juga saya ingin mengucapkan syabas kepada Ketua Menteri Melaka yang baru, Yang Amat Berhormat Dato' Datuk Haji Idris bin Haron di atas jawatan yang disandangnya. Tuan Yang di-Pertua, isu Jonker Walk. Saya terpenggil untuk menyentuh isu penutupan pasar Jonker Walk di Melaka yang sebenarnya tidak ada kaitan langsung dengan dakwaan pembangkang, khususnya DAP Melaka yang menyifatkan sebagai hukuman kepada pengundi Cina di negeri itu.

Ini kerana penutupan pasar malam ini bersifat sementara apabila ia akan ditutup empat minggu untuk percubaan. Saya difahamkan, mengapa isu ini dipolitikkan oleh sesetengah pihak NGO dan tiada kerja melainkan cuba mengeksploitasikan isu-isu tempatan supaya mereka dinobatkan sebagai hero kaum Cina di Melaka yang baru-baru ini DAP Melaka telah menghantar satu memorandum kepada Menteri Pelancongan di Parlimen Malaysia.

Sepatutnya mereka harus berbincang dan memberi pandangan daripada negeri supaya kita dapat membangunkan tempat kita dengan macam mana cara dia. Baru kita kena tengok beri peluang pada kita mencuba macam mana kita hendak elakkan lalu lintas. Kalau tidak diberi, mana kita tahu yang itu apa kita dapat menyelesaikan atau tidak.

Baru-baru ini pun dia buat satu piket dan *banner* mengatakan ia tidak sukakan kepada Ketua Menteri yang baru ini, untuk menjadi hero kepada orang-orang Cina di negeri Melaka. Pada saya itu adalah publisiti murahan. Saya sarankan supaya Menteri Pelancongan jangan tunduk kepada memorandum yang tidak memberi manfaat kepada kita.

Pada 13 tahun yang lalu di mana Ketua Menteri Melaka telah pun dengan Datuk Wira Gan Boon Leong telah memulakan pasar malam ini di Jonker Walk tetapi dibantah oleh DAP tetapi apa sudah jadi sekarang? Harta-harta pun sudah meningkat dan orang pun sudah ramai. Apabila kita hendak buat satu percubaan untuk memajukan tempat itu lagi sekali tetapi dibantah lagi untuk menjadi hero. Sebenarnya kita telah menolong banyak orang tetapi dia tidak kenang jasa dia kepada MCA yang lalu. Di mana dia telah membuat banyak orang kaya seperti Datuk Seri Mohd Ali Rustam juga dan sekarang tinggalkan dia, bagi dia kalah dan sekarang kita pun rasa dia adalah seorang hero kepada kita di negeri Melaka.

Saya harap apabila Perdana Menteri kita beri BR1M, dia mengatakan ini adalah duit PRU yang ketiga belas. Akan tetapi selepas PRU Ke-13 kalau misalkan kita gantung atau kita batalkan, siapa yang akan buat bantahan untuk menjadi hero? Sama jugalah pembangkanglah sebab mereka hanya tahu bangkang untuk membangkang tunjuk pada rakyat bahawa dia ada bekerja.

■1630

Isu pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan yang cekap bukan sahaja sistem yang mampu membolehkan masa perjalanan yang singkat dan tambang yang murah. Sistem pengangkutan yang cekap dan berkesan perlu juga menyediakan suasana perjalanan yang selesa dan selamat kepada pengguna melalui penyediaan pengangkutan seperti terminal pengangkutan yang lengkap dengan keperluan hospitaliti, kemudahan hubungan antara terminal utara dan terminal mode pengangkutan yang lain dan keselamatan. Penyediaan terminal pengangkutan darat seperti KL Sentral dan Sentral Terminal Bersepadu Selatan adalah antara usaha bagi merealisasikan pendekatan pengangkutan yang mesra pengguna.

Dalam konteks negara ini, dua isu yang sama sering disuarakan pengguna ialah mengenai kesesakan lalu lintas dan kekurangan keberkesanan pengangkutan awam darat. Banyak usaha sudah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu itu. Antaranya peningkatan jumlah pengguna LRT dan Komuter yang berkesan mengurangkan bilangan kenderaan individu di dalam kawasan bandar. Ia juga memendekkan masa perjalanan dan secara tidak langsung mengurangkan tekanan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan yang berkesan dan cekap akan menghasilkan suasana kehidupan yang sihat dan lestari dari segi sosioekonomi, persekitaran dan kewangan. Malaysia sudah mencapai satu tahap kualiti yang tinggi melalui transformasi dalam penyediaan infrastruktur pengangkutan yang baik. Namun begitu, usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengangkutan secara umumnya perlu diteruskan bagi memastikan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat sentiasa berlaku bersama.

Bagi tujuan itu, terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian bagi menjayakan lagi transformasi pengangkutan negara:

- (i) melaksanakan proses perancangan pengangkutan yang kurang bergantung kepada kereta;
- (ii) peningkatan infrastruktur bagi mengambil kira kebaikan sistem pintar dalam pemantauan dan kawalan trafik terutamanya dalam kawasan bandar;
- (iii) teknik pengurusan sistem pengangkutan perlu mampu menyelesaikan kesesakan jalan raya dan berpunca daripada kemalangan jalan raya dan sebagainya dalam masa yang sesingkat mungkin;
- (iv) mengintegrasikan pelan pembangunan bandar dan pengangkutan; dan
- (v) pendidikan berterusan bagi melahirkan pengguna jalan raya yang bertanggungjawab.

Sistem pengangkutan yang cekap dan berkesan menyediakan peluang bagi kebaikan ekonomi dan sosial yang mampu menghasilkan kesan berganda kepada negara. Sekiranya segala perancangan dapat dilaksanakan, dipantau serta diselenggarakan dengan baik, sistem pengangkutan yang cekap yang boleh direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari beberapa fakta yang perlu diberi perhatian bagi menjayakan lagi transformasi pengangkutan negara, saya turut ingin mencadangkan agar diletakkan kamera perakam berkonsepkan CCTV dalam kenderaan awam dan persendirian supaya mudah diambil sebagai bahan bukti jika berlaku kemalangan dan jenayah. Ini kerana *footage* gambar dapat dirakamkan dan boleh digunakan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, isu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Hari ini, persepsi merupakan mainan penting dalam politik dan pihak yang kalah biasanya akan berusaha mencipta persepsi bahawa SPR itu satu badan yang tidak berwibawa, tidak berintegriti sedangkan ianya hanya bertanggungjawab menyediakan gelanggang bukan menentukan siapa yang boleh menang atau kalah. Pihak pembangkang banyak melemparkan tuduhan tidak berasas terhadap SPR dengan mencari kesalahan orang lain kerana enggan mengaku kesalahan. Bagi mereka, pihak paling mudah untuk dijadikan *scapegoat* atau kambing hitam ialah SPR dengan menimbulkan pelbagai persepsi bagi menjejaskan integriti, kredibiliti dan kecekapan badan itu.

Tuan Yang di-Pertua, contoh tuduhan ialah mengenai kes bekalan elektrik yang terputus semasa pengiraan undi dijalankan yang banyak disebarkan di laman-laman sosial yang terbukti selepas disiasat, perkara itu tidak pernah berlaku. Pembangkang ini seolah-olah cuba menampakkan seolah-olah SPR ini tidak ada integriti, tidak *credible*, suka menipu sehingga boleh buat putus bekalan elektrik dan tukar keputusan dalam gelap. Ini tidak termasuk dakwaan seperti membawa masuk 40,000 warga Bangladesh sebagai pengundi hantu. Dakwat kekal yang boleh dibasuh menyebabkan berlaku insiden mengundi dua kali serta pelbagai lagi tohmahan yang tidak berasas. Ingin saya tegaskan di sini, sebenarnya pada pandangan saya, SPR itu cukup bertoleransi dan berdiplomasi dengan parti pembangkang. Malah layanan SPR terhadap parti pembangkang lebih istimewa jika dibandingkan layanan kepada calon daripada Barisan Nasional sendiri...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang nak mencelah.

Datuk Tuan Chih Tiang Chai: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, *tolerance* SPR itu, pandangan daripada Yang Berhormat patut kah, sebab pelbagai tuduhan yang serius yang memberikan gambaran yang salah. Semua di sini faham tetapi bagaimana dengan rakyat, orang awam yang kurang jelas. Jadi, tuduhan yang salah itu sebagai keracunan kepada fikiran orang awam. Jadi tak patut kita *tolerate* kerana begitu serius tuduhan yang dilemparkan. Apa pandangan daripada YB.?

Datuk Chih Tiang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Lim. Sebenarnya saya tengok mereka ini tidak dapat buah anggur, buah anggur itu masam dan saya tengok SPR memang manjakan mereka atau takutlah. Di kawasan saya, parti saya diserang dan dikasari buat laporan kepada SPR seolah-olah tidak diambil peduli malah diabaikan langsung walaupun saya sendiri yang mengutarakannya. Di tempat saya semasa pilihan raya, saya yang bertanding sebagai calon di sana. Budak saya dipukul oleh budak-budak parti pembangkang tetapi yang kena tahan pun orang saya dan orang pukul dapat lepas. Pada saya, itu tidak patut dilakukan oleh SPR tetapi selepas saya kalah, saya tak nak buat macam tak dapat buah anggur itu, buah anggur itu masam. Pada saya, kita terima sahajalah. Menang atau kalah itu adat pertarungan di mana memang ada satu yang menang, satu yang kalah. Kita, Barisan Nasional memangnya baik. Pada saya, parti pembangkang itu kena ubahlah, ubahlah. Itu yang saya nasihatkan.

Akan tetapi jika laporan atau petugas parti pembangkang dibuat, SPR akan cepat-cepat turun padang dan meninjau laporan tersebut bagi memastikan ianya tidak berulang lagi tetapi pada kita, ia tidak apa. Jadi di mana sikap pilih kasih SPR ini? Saya bukan mereka-reka cerita tetapi ini adalah cerita benar yang terjadi di kawasan saya sendiri yang saya sendiri menjadi calonnya. Jelas cerita-cerita ketidakadilan SPR oleh pembangkang itu merupakan satu penipuan, pembohong, dusta dan sangat melampau. Saya rasa itu sangat keji. Ia boleh dilihat dengan ketara seperti penggunaan dakwat kekal.

■1640

Tiada tempoh bertahan, calon tidak boleh berundur, undi awal dan banyak lagi namun persepsi bahawa SPR tidak membuat penambahbaikan cuba dibangkitkan oleh ahli politik itu semata-mata untuk menjelaskan integriti dan kredibilitinya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pembangkang ini sebenarnya bersikap hipokrit kerana di negeri-negeri yang mereka menang, tidak timbul isu itu. Malah semua Ahli Parlimen gembira dan hadir upacara angkat sumpah walaupun digembar-gemburkan mahu memboikot sebelum ini. Mereka juga tergamak menggunakan remaja dan penuntut IPT atas nama Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) yang jelas itu diperbodoh-bodohkan. Berkhemah di Padang Merbok, berarak dan tidur di atas jalan, menghalang lalu lintas ke Parlimen yang akhirnya ditangkap manakala pemimpin bersantai mengangkat sumpah di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong usul menjunjung kasih dan perbahasan Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat S. Bagiam.

4.42 ptg.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan rasa terima kasih saya kerana memberikan ruang saya untuk turut serta dalam membahaskan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Seterusnya, ucapan tahniah kepada kerajaan kerana dapat membentuk kerajaan sekali lagi walaupun kita dikutuk dan dicaci oleh pihak pembangkang semasa pilihan raya yang lepas. Keputusan ini jelas mencerminkan kepercayaan serta penerimaan rakyat kita terhadap Barisan Nasional walaupun pihak pembangkang sering menimbulkan isu undi popular. Saya percaya mereka tidak fasih lagi tentang perjalanan pilihan raya negara kita yang mempraktikkan sistem *simple majority*. Saya menyarankan agar mereka berusaha lagi dalam memantapkan sistem *check and balance*, dengan izin, yang telah dipraktikkan sejak zaman kemerdekaan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu yang dekat di hati saya. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan berhubung dengan isu hutang isi rumah rakyat Malaysia yang diuar-uarkan oleh media tempatan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hari ini telah mencecah angka RM800 bilion atau 89.2 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar. Jumlah ini terus meningkat dari sekitar 75 peratus pada tahun 2009.

Golongan muda masa kini berdepan dengan persekitaran hutang yang bukan dalam jumlah yang kecil dan lambat laun bakal menghimpit dan sekali gus membelenggu corak kehidupan masyarakat pada masa akan datang. Daripada pinjaman pendidikan, pembelian kenderaan malah perkahwinan, pemilikan rumah serta pembiayaan anak dan keluarga telah menjadi satu aspek beban di kalangan belia-belie kita hari ini.

Daripada angka pelaburan pertumbuhan peningkatan indeks saham yang dibentangkan, berapa ramai kah rakyat berpendapatan kurang daripada RM2,300 sebelum berjaya dikurangkan? Bantuan Rakyat 1Malaysia adalah salah satu elemen bantuan yang amat tepat sekali dilakukan oleh kerajaan dalam menangani masalah kewangan isi rumah. Saya juga menyambut baik hasrat kerajaan dalam memperkasakan kedudukan kewangan isi rumah ini. Pada masa yang sama, saya lihat terdapat banyak kekurangan dan kelemahan yang ketara dalam melaksanakan projek Bantuan Rakyat 1Malaysia. Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Saya ingin bertanya berapakah jumlah yang telah disempurnakan sehingga hari ini? Mengapakah ramai penerima yang telah menerima bantuan tersebut buat kali pertama tidak berjaya apabila jumlah bantuan tersebut dinaikkan? Sila berikan penjelasan yang khusus dalam isu ini. Apakah bantuan yang dijanjikan oleh kerajaan di mana jumlah ini akan dipertingkatkan dapat dilaksanakan tanpa mengganggu aliran kewangan negara semasa?

Saya percaya satu formula ekonomi harus diwujudkan bagi mengukur kejayaan serta strategik kejayaan mengangkat kedudukan penerimaan bantuan ke status di mana mereka tidak lagi perlu bergantung kepada bantuan selama-lamanya. Saya mahu menekankan bahawa 40 peratus isi rumah terendah ini tahap pendidikan mereka yang paling tinggi adalah Sijil Pelajaran Malaysia dan juga terbesar mencecah 52.3 peratus adalah mereka yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia.

Separuh daripada mereka ini adalah golongan miskin bandar dan separuh lagi adalah penduduk desa. Jumlah 40 peratus yang mewakili sembilan juta penduduk ini mestilah dilihat melangkaui angka pasif dan satu program yang *inclusive* dapat dirangka dan dilaksanakan agar kadar kemiskinan ini dapat dikawal. Saya juga ingin tahu apakah Kementerian akan mengkaji semula bantuan kebajikan yang diberikan ini kerana sudah kelihatan lapuk. Saya menyarankan agar Kementerian dapat mengatasi masalah ini dengan kadar segera. Ini kerana beban tersebut kini berada di tahap yang kritikal dan boleh menjejaskan hasrat kerajaan dalam membantu semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa. Saya sarankan agar jumlah ini dapat dinaikkan selaras dengan kadar pembangunan ekonomi tempatan dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini agar Menteri yang bertanggungjawab dapat mengambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya berhubung dengan kursus perkahwinan bagi kaum India. Walaupun kursus perkahwinan ini wujud dan dikendalikan secara sukarela oleh badan-badan tertentu, tetapi saya menyarankan agar kursus perkahwinan bagi kaum India ini dapat dijadikan sebagai mandatori. Ini adalah kerana terdapat banyak kes-kes penceraian yang berlaku di kalangan kaum India kerana perkara-perkara kecil seperti salah faham serta gagal memahami antara satu sama lain telah banyak menyebabkan perpisahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk memberikan satu keputusan yang konkrit agar masalah penceraian di kalangan masyarakat kaum India ini dapat dikurangkan dengan drastik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Pada September tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah melancarkan laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 yang menggariskan sebelas anjakan strategik dan operasi untuk mengubah sistem pendidikan negara. Antara yang digariskan adalah:

- (i) menyediakan akses sama rata untuk pendidikan berkualiti dengan standard antarabangsa;
- (ii) memastikan setiap pelajar fasih Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris;
- (iii) membangunkan rakyat Malaysia yang dipacu nilai murni; dan

- (iv) menjadikan perguruan sebagai profesion pilihan.

■1650

Tahniah atas usaha kerajaan dalam benar-benar memperkasakan sistem pendidikan kita dengan mengambil kira pembangunan global dan permintaan yang tinggi dari aspek kualiti yang berserta dengan nilai-nilai murni. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah tahap pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan sejauh mana pelan ini sedang dijalankan. Apakah kita mempunyai satu mekanisme pemantau yang boleh menjamin kerajaan seperti dalam pelan pembangunan ini. Adakah kementerian menghadapi sebarang rintangan atau halangan apabila ingin melaksanakan pelan ini dan jika ya, apakah masalah atau punca yang dikenal pasti sebagai halangan pelaksanaan ini.

Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan melihat semula mata pelajaran Moral yang diajar di sekolah Tamil di seluruh negara. Saya mohon untuk mencadangkan agar unsur-unsur keagamaan dan kepercayaan kepada Tuhan ini dapat dimasukkan dalam *syllabus* dan diberi keutamaan. Saya percaya dengan adanya kemasukan tajuk-tajuk ini, ianya secara tidak langsung dapat mengemudi kanak-kanak kita agar tidak tersebut mencari jalan yang betul dan tidak terjebak dalam kancah jenayah dan sebagainya.

Seterusnya kes-kes jenayah yang kini berleluasa terutama di Semenanjung. Sedarkah kerajaan bahawa penggunaan senjata api dan jenayah membunuh serta merompak kian menjadi satu trend. Persoalannya adalah di manakah letaknya kebocoran kemasukan senjata ini sejak kita dapat mengawal dan memastikan senjata ini dikawal rapi serta penggunaannya juga terkawal. Mengapa situasi sedemikian kini menular sehingga pemilik senjata api ini sudah menjadi biasa di kalangan penjenayah di negara kita. Kita sering mendengar pencapaian PDRM dalam membanteras jenayah seperti dadah dan pemerdagangan manusia, tetapi kita tidak pernah dengar tentang penangkapan penyeludupan senjata api di persempadanan negara. Mengapa sektor ini dilihat bolos dan apakah Kementerian Dalam Negeri mempunyai kajian terperinci dalam menangani jenayah ini.

Tidaklah PDRM sedar atau mengenal pasti kemasukan senjata api ini ke dalam negara. Saya percaya kemasukan senjata api ini berlaku di sempadan Thailand-Malaysia. Apakah usaha yang lebih komprehensif dan komited dapat dilaksanakan untuk mengelakkan perkara-perkara ini berlaku jika ini tidak dibendung dengan segera. Saya khuatir banyak lagi nyawa yang tidak bersalah akan menjadi taruhan di tangan penjenayah. Kita tidak mahu melihat perkara-perkara seperti yang berlaku di negara-negara maju di mana kanak-kanak serta masyarakat menjadi sasaran pembunuh dan penjenayah ini. Saya juga pohon agar kementerian dapat memberikan jumlah lesen senjata yang telah dikeluarkan sehingga kini mengikut pecahan negeri dan beberapa jumlah senjata api yang telah dijual mengikut prosedur yang dibenarkan.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh sedikit tentang penapisan filem. Saya dapati kebanyakan tayangan filem Tamil yang disiarkan masih mempunyai unsur-unsur jenayah dan keganasan yang terlampau. Saya menyarankan agar Lembaga Penapisan Filem dapat menitikberatkan kembali garisan panduan serta memberikan tumpuan yang mendalam khasnya dalam filem-filem Tamil, agar penapisan yang ketat dapat dilaksanakan. Penapisan yang longgar ini secara tidak langsung memberikan satu pandangan yang negatif di kalangan belia-belia India sehingga mencuba dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian yang sudah pasti menyalahi ajaran sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Menteri Penerangan dan Komunikasi agar rancangan atau program ilmiah dan keagamaan diberikan ruang yang lebih melalui siaran radio atau televisyen, kerana melalui medium ini, ianya dapat disampaikan kepada golongan sasaran. Walaupun kerajaan menyediakan program-program ini, adalah lebih baik jika masa itu ditambah kerana kita dapat melihat pencapaian yang amat berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu lagi isu yang saya rasa patut diketengahkan di Dewan yang mulia ini. Mengenai isu kemasukan IPTA baru-baru ini, kita sedar bahawa pendidikan adalah tunjang utama pembangunan diri dan negara. Belia-belia kita adalah tulang belakang bagi pembangunan negara secara keseluruhannya. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah masalah yang dihadapi oleh kementerian dalam menawarkan tempat-tempat di IPTA khasnya kepada pelajar-pelajar yang mendapat *4-flat*. Apakah permintaan yang sedia ada tidak dapat menampung kekosongan yang sedia ada. Apakah rancangan jangka panjang oleh kementerian mengenai masalah ini yang berulang tahun demi tahun.

Saya ingin bertanya berapakah jumlah pelajar yang mendapat markah *4-flat* dan berapakah tempat yang sedia ada bagi mengisi kekosongan ini. Saya juga ingin tahu daripada jumlah ini, berikan pecahan mengikut kaum dan jantina. Berapakah jumlah pelajar yang telah ditawarkan tempat di IPTA tahun ini. Apakah rancangan kementerian kepada pelajar-pelajar yang tidak mendapat kursus yang dipilih sebagai pilihan pertama. Adakah kementerian akan membiayai pelajar-pelajar cemerlang yang gagal mendapat tempat di IPTA ini untuk terus belajar di IPTS dan sebagainya dengan mengadakan kriteria-kriteria tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya beralih kepada satu lagi isu mengenai penglibatan wanita dalam sektor korporat. Saya ingin bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apakah kita telah berjaya melaksanakan dan memperkasakan penglibatan wanita terutamanya dalam sektor korporat dalam mencapai sasaran 30 peratus seperti mana yang dipersetujui di peringkat *United Nations*. Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi memastikan hasrat ini dicapai dan adakah kerajaan mempunyai satu pelan tindakan yang komprehensif dalam menarik tenaga kerja wanita kita agar dapat mencapai tahap 50 peratus menjelang tahun 2015.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, golongan muda mewakili 46 peratus penduduk dalam negara ini dan menyedari potensi inspirasi dan pentingnya golongan ini dalam negara. Transformasi pembangunan belia harus terus dilaksanakan. Saya ucap tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana memberikan perhatian yang cukup baik kepada generasi muda.

■1700

Malah, kerajaan mesti terus meningkatkan usaha dan membuat pelbagai lagi perubahan dan membentuk pendekatan khusus untuk penambahan kepada misi yang ada bagi memberi ruang kepada golongan muda untuk bersama-sama dalam membawa negara kita ke satu tahap yang lebih tinggi. Ini kerana, kehendak, tuntutan, keperluan orang muda sentiasa berubah, sentiasa bertambah dan berbeza setiap waktu. Acara Hari Belia juga dapat mencerminkan minat belia terhadap komitmen Menteri Belia dan Sukan yang dapat mengumpul lebih daripada 1 juta belia.

Berbanding tahun-tahun yang lepas, saya menyambut baik hala tuju Menteri Belia dan Sukan kita dan berharap agar kementerian dapat berganding bahu dalam memperkasakan belia-belia kita. Pada masa yang sama, saya pohon agar kementerian dapat menimbangkan semula Skim Bantuan Usahawan serta dapat melebarkan sayap kepada program-program seperti kerjasama dengan kelab penerbangan, kelab sukan berkuda dan sebagainya. Ini kerana, sukan-sukan seperti ini dilihat sebagai sukan profesional dan rata-rata remaja kita kini beralih tumpuan kepada aktiviti sedemikian.

Saya juga ingin bertanya. apakah usaha serta sasaran kementerian bagi mewujudkan golongan belia yang berdikari dalam sektor usahawan, dan apakah kementerian mengambil sistem *Open Door Policy*, dengan izin? Saya ingin memanjangkan bantuan serta sokongan kepada belia-belia ini sehingga dapat mencapai satu tahap kejayaan yang boleh dibanggakan. Sekurang-kurangnya sebagai seorang mentor dalam bidang yang diusahakan. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, kita ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Bakar. Silakan Yang Berhormat.

5.02 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan membaca surah *Al-Mu'minun* ayat 12, bermaksud, "*Dan sesungguhnya, kami telah mencipta manusia dari pati...*". Maknanya, yang berasal dari tanah. "...Kemudian, kami jadikan pati itu setitis air, benih pada penetapan yang kukuh". Ayat 14, "...Kemudian, kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. Lalu kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging. Kemudian, kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang. Kemudian, kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka, nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta". Ayat 15, "Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati". Ayat 16, "Kemudian, sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari Kiamat".

Jadi, yang saya baca itu kesimpulannya ialah kita hidup ini satu amanah, satu tanggungjawab kepada Allah. Hidup akan mati, tidak ada seorang pun yang hidup tidak mati. Allah telah berkata Allah cipta kita semua dan kita semua akan mati. Jadi, kita menyeru kepada diri kita supaya berbaik-baik. Semua orang kena baik termasuk kerajaan, rakyat, pemimpin BN dan termasuk pemimpin pembangkang. Semua kena baik, tidak ada yang tidak baik sebab kita akan mati dan akan dipersoalkan kemudian hari.

Sehubungan dengan itu, saya rasa ada kaitan yang kukuh antara kandungan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah iaitu Baginda bertitah, menyeru supaya membuat kebaikan. Tidak ada satu pun yang tidak baik. Saya baca dari muka ke muka, dari muka pertama sehingga muka surat terakhir 14, semua baik. Apa pun yang tidak baik ialah tuduhan beliau. Ada tuduhan kononnya ucapan ini dibuat bukan oleh Agong tetapi oleh pemimpin UMNO, oleh UMNO, oleh BN. Apa pun, yang bertitah itu ialah Agong. Siapa buat tidak penting hatta pembangkang pun ada sesetengah itu dia masuk Dewan, baca sahaja. Bukan dia buat, orang lain buat. Betul atau tidak, betul tidak?... [Disampuk]

Jadi, kalau begitu jangan pertikai siapa buat. Yang kita hendak lihat, hendak bahas, hendak kaji ialah *contentnya*, kandungannya. Kandungannya ialah kebaikan pada agama, pada bangsa, pada rakyat, pada tanah air. Oleh itu, saya menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebab banyak yang baik datang daripada Baginda.

Pertama, saya ingin masukkan tentang Titah Baginda ialah menyentuh tentang Pilihan Raya Umum Ke-13. Saya rasa sesuai dan patut bila Baginda menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang memainkan peranan contohnya SPR, pasukan keselamatan, anggota-anggota perkhidmatan awam bagi memastikan pilihan raya ini berjalan dengan baik dan lancar. Tahniah dan syabas.

Saya ingin sekali menyusul Titah Baginda. Susulan saya ialah merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada SPR sebab inilah satu pilihan raya yang paling bersih dan lancar. Tepuk tangan sedikit!... [Tepuk]

■1710

Pun begitu pihak pembangkang tidak puas hati. Dia kata pilihan raya terburuk. Sejarah pilihan raya bukan sekali tetapi sudah 13 kali. Inilah sejarah pilihan raya di mana pembangkang buat julung-julung kalinya yang diketuai oleh saudara Yang Berhormat Anwar Ibrahim mengatakan pilihan raya ini tidak sah, pilihan raya ini tidak baik, pilihan raya ini kacau bilau. Macam-macam. Langsung diadakan momokan, helah dan apa sahaja yang tidak baik dilemparkan kepada kerajaan. Diseretnya pemerintah, diheretnya orang ramai berdemosi sebanyak 15 kali di serata negeri dan pelosok tanah air. Uar-uarkan ini tidak baik, ini tidak baik. Hairannya bila dia kata tidak baik pun satu masa dia terima juga angkat sumpah. Angkat sumpah yang beliau dan kawan-kawannya lakukan secara automatik menggambarkan bahawa pilihan raya ini sah dan baik... [Tepuk] Itulah sifat talam dua muka Anwar Ibrahim dan konco-konconya. Beliau bagi saya seorang yang hipokrit, talam dua muka. Bagi saya tidak baik. Dia heret rakyat untuk menyatakan kepada negara, kepada dunia bahawa ia...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nanti dulu. Sabar. Bulan puasa ini kena banyak bersabar... *[Ketawa]* Betul Tuan Yang di-Pertua, kena banyak sabar?

Jadi diheret konon-konon alasan dia kalah, *dirty*, kotor pilihan raya ini. Walhal dia kalah! Dia tidak mahu tunjuk bahawa dia itu lemah sedangkan dia lemah. Itu sebab saya kata pemimpin itu hipokrit, talam dua muka. Jadi, hendak tanya? Tanyalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hanya berbeza pandangan dengan Yang Berhormat sedikit. Adakah barangkali talam dua muka atau talam *multiple* muka? Barangkali lebih tepat dikatakan *multiple* muka?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah asal banyak muka, okeylah. Dua muka, tiga muka, empat muka, lebih dua muka, okeylah. Jadi bagi saya, saya minta 'Anwar Ibrahim'...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak perlu sebut nama. Saya fikir sebut Ketua Pembangkang bolehlah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ketua Pembangkang hentikan fitnah kepada Kerajaan Barisan Nasional. Hentikan fitnah kepada SPR. Hentikan fitnah kecam TNB, konon-konon *blackout*. Konon-konon TNB padam lampu. Eh! Mengarutlah. Bohonglah. Jadi saya fikir hentikan memburuk-burukkan pegawai SPR dan sebagainya. Saya ada sebab...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah. Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan Yang Berhormat dikatakan Ketua Pembangkang itu sebagai hipokrit dan bermuka tetapi dia dipilih dan dilantik sebagai Ketua Pembangkang. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap pelantikan beliau?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Semuanya hipokrit... *[Ketawa]* Sebab saya kata demikian, saya ada hujah bahawa 'Anwar' itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan sebut nama Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ketua Pembangkang. Puasa, lupa. Puasal
Sorry.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sebab lima badan Pemantau Pilihan Raya Malaysia diundangkan oleh Kerajaan Malaysia, iaitu:

- (i) *Election Commission of Thailand;*
- (ii) *Union Election Commission of Myanmar;*
- (iii) Komisi Pemilihan Umum Indonesia;
- (iv) *National Election Commission;* dan
- (v) *Secretariat ASEAN.*

Kena macam itulah. Gagap sedikit. Tidak mengapa. Jadi lima ini apa dia kata? Pertamanya, dia kata semua proses yang dijalankan amat baik dan dijamin selamat dari segi kerahsiaannya. Usaha yang diperkenalkan oleh SPR termasuk penggunaan dakwat kekal adalah bukti ketelusan dalam pengendalian pilihan raya, proses pengundian dan jumlah undi berjalan dengan begitu telus serta disaksikan oleh pemerhati bebas. Siapa kata, siapa kata? Hendak tanya, tanyalah. Cabut larilah..., siapa yang kata? Dr. Sin Chum Bo, Ketua Delegasi Kemboja. Bukan saya kata, bukan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kata, bukan Yang Berhormat Firdaus kata, tetapi Ketua Delegasi Dr. Sin Chum Bo dari Kemboja. Itu bukti pertama.

Keduanya, satu kenyataan dibuat oleh Apichart Sukhaggaonond, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Thailand. Dia kata apa? Tindakan SPR memperkenalkan penggunaan dakwat kekal adalah langkah terbaik dalam memastikan ketelusan proses pengundian. Kami tidak mempunyai ini di Thailand. Thailand tidak ada. *Only* di Malaysia dan di Kemboja. Dato' Seri Shahidan bin Kassim kata dia hendak pergi Kemboja *this week*. Hendak tengok dakwat kekal atau celup. Celup dalam botol. Itu buktinya kedua-dua hujah saya betul.

Apa pun kalaulah Ketua Pembangkang- bukan sebut nama 'Anwar' tapi Ketua Pembangkang, kalau beliau tidak puas hati, kalau dia rasional, kalau dia tidak sewel, kalau dia tidak gila- bukan saya kata dia gila, bukan saya kata dia sewel. Kalau tidak sewel, kalau beliau rasional, saya cabar dia baca Perlembagaan Persekutuan kita. Jangan sekolah tinggi-tinggi tetapi tidak baca. Ada perlembagaan ini tetapi lempar.

Apa pun yang kita tidak puas hati kena proses mencabar proses pemilihan. Saya cabar bukan pergi demo guna budak Hishamuddin yang lari-lari itu. Sebut tidak mengapa ya? Dia bukan Yang Berhormat. Dia, Hishamuddin Rais. Dia guna Hishamuddin untuk demo di Terengganu, Kota Bharu, Johor Bahru, Pulau Pinang dan macam-macam lagi, di 15 tempat.

■1720

Saya nasihatkan Ketua Pembangkang agar baca fasal 118, muka surat 162 yang berbunyi..., dengar, jangan balik ya, dengar!... *[Ketawa]* Ada wakil seorang, tunggulah, "*Tiada sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri boleh dipersoalkan kecuali dengan rayuan pilihan raya yang diserahkan kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa di tempat pilihan raya itu diadakan*".

Jadi, kalau orang ada otak, ada akal, ada tatacara, ada tata sivil, ada kerakyatan baik, dia tak pergi demo, dia tak pergi teriak-teriak, dia tak pergi heret budak-budak yang tak tahu apa-apa. Ya, kalau boleh, ini, ini, pakai perlembagaan... *[Mengangkat buku Perlembagaan Persekutuan]* Pakai otak sikit, bukan tak pakai otak. Pakai otak sikit untuk rasional. Betul tak?...

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, betul. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mendengar kerajaan telah ambil tindakan kepada pendemo-pendemo dengan baik. Sekarang seramai 55 orang individu telah ditangkap atas pelbagai kesalahan membantah keputusan pilihan raya. Daripada itu, tujuh orang telah dibawa ke mahkamah dan 48 orang lagi dibebaskan tetapi diambil kenyataan. Baguslah. Saya harap, ini bukan akhir. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa sekarang ada petisyen pilihan raya diadakan. Sebanyak 67 petisyen. Bukan dia sahaja, bukan PR sahaja.

Akan tetapi daripada 67 petisyen itu, 35 fail untuk Parlimen, 32 untuk Dewan Undangan Negeri, sebanyak 17 petisyen oleh BN, PKR 16 petisyen, DAP dan PAS masing-masing tiga petisyen. Satu petisyen oleh calon bebas. Manakala 27 petisyen lain oleh parti politik yang bertanding secara individu. Apa yang hendak saya katakan ialah, inilah jalan yang betul. Kalaulah pembangkang dakwa konon-kononnya BN buat salah, api padamlah, Benggalalah, macam-macam, dakwat kekal tak kekallah, pun kita berhak mendakwa, mendakwa, mendakwa, mendakwa pembangkang.

Jadi, sekarang kita sudah ada 133 Kerusi. Entah-entah kita menang, jadi 142, boleh 2/3 Kerusi Parlimen. Doa-doakanlah, *amin ya rabbal a'amin*. Jadi, tak payah sombong sangat. Tak payah takabbur. Saya sudah baca surah *Al-Mu'minun* tadi, "Hidup akan mati..." Jangan putar belit, jangan auta sangat, Dewan ini bukan Dewan yang rendah mutu, bukan macam Yang Berhormat 'Karpal Singh'... Tak boleh sebutkah? Tak boleh, orang tak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua: Tak payah sebut nama dia.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak sebut dia minta masuk Dewan Negara. Jadi, hendak sebut siapa? Hendak sebut siapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau sebut nama itu untuk hal itu boleh, tetapi janganlah kita...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya hendak sebut hal itulah. Jadi, bagi saya, dia kata masuk ke Dewan Negara. Kalau masuk, kita tak boleh hujah. Dia seorang hujah Dewan Rakyat. Kalau begitu masuklah Dewan Negara sebab Dewan ini lebih tinggi. Ini *Upper House*, sana *Lower House*. Betul tak?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul? Jadi, kalau masuk Dewan Negara mencabar Perlembagaan Persekutuan, sebab Dewan Negara ini bukan suka-suka, Yang Berhormat Karpal Singh tubuh, atau UMNO tubuh, atau PAS tubuh, atau mana-mana parti tubuh. Yang itu pun Perlembagaan. Agong. Ketua Raja-Raja. Raja-Rajalah, Majlis Raja-Raja. Jadi, dia cabar. Dia cabar Raja bila dia cabar Perlembagaan Persekutuan. Dia cabar demokrasi berparlimen. Itulah Yang Berhormat Karpal Singh. Sebab itu tadi saya kata dia gila, sewel. Tuan Yang di-Pertua kata tarik balik, saya tarik balik untuk Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi untuk dia tetap kekal... *[Tepuk]*

Jadi, kita ini bukan budak-budak, bukan kanak-kanak. Dia OKU, aku pun OKU. Sama! Akan tetapi yang penting kita ada minda. Kita dibawa ke sini, 'dilahirkan' di sini untuk semak. Untuk semak apa-apa yang tak baik. Salah satu contohnya, syor Yang Berhormat Karpal Singh untuk mansuhkan Dewan Negara, itu yang tak baik pada kita. Saya syorkan Yang Berhormat Karpal Singh tarik balik kenyataan beliau itu. Kalau tidak, saya katakan, dia tak layak menjadi Ahli Parlimen. Lebih baik dia berhenti dan duduk kampung tanam jagung, cukuplah.

Jadi, berbalik kepada itu tadi, Anwar ini dulu dia kata hendak bela belia. So, dilantik menjadi Menteri Belia dan Sukan. Tak buat apa-apa juga. Selepas itu bela orang miskin di Baling. Konon-kononnya ramai orang mati kebuluran. Selepas itu jadi Menteri Pertanian, konon-konon hendak bela. Selepas itu tak juga, tak ada apa-apa juga. Selepas itu konon-konon pemimpin pelajar, ketua pelajar. Saya, Ketua Pelajar UKM. Akan tetapi tidak bising macam dia. Selepas dia hendak bela pelajar, dilantik menjadi Menteri Pelajaran, betul tak? Selepas itu tak ada apa-apa juga.

Selepas itu konon-konon jaga wang. Lantik jadi Menteri Kewangan, merudum jatuh, jatuh, jatuh wang. Nasib baik Tun Mahathir kata, kita punya mata wang kekal tiga ringgit berapa?.. *[Disampuk]* Iaitu RM3.80. Satu?... *[Disampuk]* Pandai! Saja nak acah. Nilai USD1 sama dengan RM3.80. Tidak jadi juga apa-apa. Kalau kamu yang bising-bising, Kerusi PAS, DAP dengan PKR, yang banyak Kerusi DAP. Akan tetapi dia dilantik menjadi Ketua Pembangkang. Konon-konon hendak bela pembangkang. Konon-konon boleh pembangkang jadi kerajaan. Konon-konon boleh atasi BN. Tak juga, kalah juga. Jadi, semua kalah. Jadi apa pun, saya kata pemimpin ini tak ada guna. Hipokrit yang tidak berjaya. Jadi, marilah kita sedarkan bahawa tinggal tidak ada apa-apa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ini amat-amat mencemburui kita Yang Berhormat. Yang Berhormat kena sambunglah esok. Saya bagi Yang Berhormat 10 minit untuk sambung esok.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sikit sangat?

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 25 Julai 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]